


Jilid 1
Bil. 55



Hari Isnin
29hb Jun, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Serenth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Dr Ting Chew Peh [Ruangan 8833]
Y.B. Tuan Jawah anak Gerang [Ruangan 8833]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 8833]
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 8833]
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 8834]

Cuti—Y.B.M. Tengku Razaleigh Hamzah, Y.B. Dato' Dr Lim Keng Yaik—
Kebenaran [Ruangan 8835]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8836]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 8924]

KANDUNGANNYA—(samb.)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) [Ruangan 8925]

Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) [Ruangan 8937]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Syarikat Telekom Malaysia— Y.B. Tuan P. Patlo [Ruangan 8998]

Kebebasan Badan Kehakiman—Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Ruangan 9002)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH
Penyata Rasmi Parlimen
PENGGAL YANG PERTAMA
AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. TAN SRI DAIO' MOHAMHD ZAHIR BIN HAJI ISMAIL. P.M.N., S.P.M.K.. D.S.D.K.. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. DATO DR LING LIONG SIK. D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya. DATO' S. SAMY VELLU. S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK. D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan. Y.B.M. TENGKU DAIO' AHMAD RITHAUDDEEN AI-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.. P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK Lbo MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ. D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pertanian. DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M.. S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Sains. Teknologi dan Alam Sekitar. DATUK AMAR STEPHEN YONC KUET TZE D.A.. P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan. TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR. D.P.M.S.. S.M.I.. P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan. TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN. S.I.M.P.. D.I.M.P., J.S.M.. A.M.N.. PJ.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh. DATO' LEE KIM SAI. D.P.M.S.. P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Belia dan Sukan. DAIO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUI. RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR). S.S.A.P.. S.I.M.I'. , D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri. TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu),

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. TUAN NG CHENG KIAI (Klang).

Menteri Penerangan. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT. S.P.M.J.. S.S.U., D.P.M.J., P.N.B.S.. K.M.N. (Pulai).

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan. DATO" HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P.. S.M.S. (Temerluh)

Menteri Perusahaan Awam. PUAN NAPSIAH BINM OMAR (Kuala Pilah).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DAIO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.I., J.M.N., S.M.I.. P.P.I. (Setiu).

Menteri Kebajikan Masyarakat. TUAN MUSTAFHA BIN MOHAMMAD. S.M.J.. K.M.N., P.I.S.. B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Yang di-Pertua. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD. A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua. TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan. DATO' K. PAIHMANABAN. D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG; ABU BAKAR BIN DATU BANDAK ABANG HAJI MUSTAPHA. D.S.A.P.. P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAI WAN (Baram).

Timbalan Menteri Pertanian. TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO" S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S.. S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K.. S.D.K.. A.M.K., J.P. (Alor Setar).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DAIO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB. D.P.C.M.. A.M.P.. A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam. TL^PAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. TUAN NG CHENG KUAI. A.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.
DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P.. A.M.P.
(Gerik).

Timbalan Menteri Pertanian. DAIO' ALEXANDER YU LUNG LEE.
D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Buruh. DAIO" WAN ABU BAKAR BIN WAN
MOHAMED. D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING.
A.M.N. (Lipis).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. DR SRI ZAHARAH
BINM HAJI SULAIMAN (Mentakab).

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK
WEE KIAT. A.M.N. (Selandar).

Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN. A.M.N.,
P.I.S. (Senai).

Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

Timbalan Menteri Kewangan. TUAN LOKE YUEN Yow. A.M.P.
(Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Kerjaya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM
(Papar).

Timbalan Menteri Penerangan. TUAN RAILEY BIN JAFFREY
(Silam).

Timbalan Menteri Sains. Teknologi dan Alam Sekitar. TUAN
LAW HIENG DING, K.M.N.. P.B.S. (Sarikei).

Timbalan Menteri Pengangkutan. DATIN PADUKA HAJAH
ZALEHA BINTI ISMAIL. D.P.M.S.. S.M.S.. K.M.N. (Selayang).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama. TUAN ALIAS BIN MD. ALI.
S.M.I., K.H.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. RAJA ARIFFIN BIN
RAJA SULAIMAN. S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.
TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan. DR LEO MICHAEL TOYAD
(Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri. TOH MUDA DR ABDULLAH
FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Tenaga. Telekom dan Pos, TUAN ABDUL
GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. DRS SULEIMAN
BIN MOHAMED (Titiwangsa).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan. TUAN HAJI
AWANG BIN JABAR. S.M.I.. A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat. TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN. K.M.N. (Tapah).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Peiancongan dan Kebudayaan. TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OIHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- DR ABDUL HADI BJT DERANI, K.M.N., A.M.K.(Kota Setar).
- DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR. D.S.D.K.. A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- DATO' ABDULLAH AHMAD. S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S.. A.D.K. (Kok Lanas).
- DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI. D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K.. J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).

TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

DR CHEN MAN HIN (Seremban).

TUAN CHEW KAM HOY. A.M.K.. J.P. (Padang Serai).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).

TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

DR V. DAVID (Puchong).

TUAN DOUGLAS UCGAH EMBAS, A.B.S.. P.B.S. (Betong).

DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN. A.M.N. (Tanah Merah).

TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB. P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

TUAN Hu SEPANG (Rasah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID. S.M.I., A.M.N. (Kemaman).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JIMBUN ANAK PUNGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).

DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD. D.P.M.S., J.M.N.. A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S.. B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO" PAUL LEONG KHEE SEONG. D.P.C.M. (Taiping).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

DK LIM ANN KOON. S.S.A.. P.J.K. (Ampang Jaya).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).

TUAN MiiTAH I3IN ASANG *alias* MICHAEL ASANG. B.S.K. (Jambongan).

TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH. P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI Au, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N.. P.S. (Kuala Kerai).

TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN. A.M.N.. P.I.S., B.S.I. (Muar).

TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).

DAIO" HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI AIJDUL RAOF, A.M.N.. P.J.M. (Balik Pulau).

TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J-P. (Tasek Gelugor).

DAIUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG. A.M.N.. P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH. S.M.K. (Bachok).

TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., s.s.u., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).

TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

TUAN P. PATTO (Ipoh).

TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU. P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).

TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

DATIN PADUKA HAJMH RAHMAH BINTI OTHHAN. D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P.. P.J.K. (Shah Alam),

DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.. S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P.. P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).

DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K.. J.P. (Semporna).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM. A.M.P. (Arau).

DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J.. p.i.s. (Johor Bahru).

PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO* SYED MOHAMMED, S.M.J.. A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu SIING SENG (Sibu).

TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

DR TING CHEW PEH (Gopeng).

TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID. S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

8827

29 JUN 1987

8828

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAK (Tebrau).

DAIO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N.. P.P.N.,
B.K.M.. P.J.K., J.P. (Sik).

DATO" ZAINAL ABIDIN BIN ZIN. D.P.M.P.. P.M.P. (Bagan Serai).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penotong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 29hb Jun, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Dr. Ting Chew Peh.

Tuan Jawah anak Gerang.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli yang baru bagi kawasan Lubuk Antu dan Gopeng yang telah mengangkat Sumpah sebentar tadi dan saya berharap semoga mereka dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya. (*Tepuk*)

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenaan mempersetujukan Akta-akta yang

telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 1987;
2. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan), 1987;
3. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan), 1987;
4. Akta Mahkamah Rendah (Pindaan), 1987.
5. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan), 1987;
6. Akta Keretapi (Pindaan), 1987;
7. Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1987; dan
8. Akta Hakcipta 1987.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan ini kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang. (*Setiausaha membacakan Perutusan*)

"27hb Mac, 1987

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,
Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Keretapi (Pindaan).
7. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986); dan
8. Rang Undang-undang Hakcipta.

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Negara."

**CUTI Y.B.M. TENGKU TAN
SRI RAZALEIGH HAMZAH,
Y.B. DATO' DR LIM KENG
YAIK—KEBENARAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak nemberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah

Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y. B. M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah bagi kawasan Gua Musang dari 29hb Jun hingga 6 hbJulai. 1987; dan
2. Y. B. Dato' Dr Lim Keng Yaik bagi kawasan Bruas dari 29hb Jun hingga 10hbJulai. 1987.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUTBAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KOPERASI PENGAMBILAN
DEPOSIT—PENYELESAIAN**

1. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada sehun daripada skim pinjaman ringan sebanyak \$400 juta yang diben untuk membantu 23 buah Koperasi seperti dinyatakan dalam Kertas Putih tahun lalu. Kerajaan telah juga bersetuju dengan satu lagi rancangan penyelamat Kerajaan bagi 23 buah Koperasi berkenaan yang melibatkan \$600 juta; kedudukan terbaharu mengenai pembayaran balik \$1.5 billion wang deposit kepunyaan 588,000 pendeposit-pendeposit, dan sama ada semua para pendeposit boleh berharap untuk mendapatkan balik wang mereka berdasarkan "dollar-tbr-dollar" menjelang awal tahun 1989.

45. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah pihak Kerajaan akan menerima cadangan atau menimbang ugutan daripada MCA supaya Kerajaan membayar balik wang saham Koperasi (KPD) kepada 588,000 ahli sehingga tempoh Mac, 1989; dan

- (b) apakah tbrmula yang sedang dirangka oleh Bank Negara bagi menyelesaikan masalah ini dan adakah Bank Negara sudah menyiapkan formula seperti yang diumumkan oleh Y. B. Saudara Anwar Ibrahim baru-baru ini.

53. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Jemaah Menteri telah berbincang dan bersetuju dengan sebulat suara bahawa sebagai prinsip dasar, bayaran balik penuh akan dibuat selewat-lewatnya pada Mac. 1989 kepada 588,(KM) pendeposit-pendeposit Koperasi-koperasi Pengambilan Deposit (KPD) yang dibekukan oleh Bank Negara pada 8-8-1986 dan jika tidak mengapa;
- (b) kalau suatu keputusan telah dibuat bahawa para pendeposit-pendeposit KPD akan dapat bayaran balik sebanyak 100% apakah skim penyusunan kewangan bayaran itu; dan
- (c) mengapakah setakat ini pihak Kerajaan masih belum membuat bayaran balik peringkat kedua sekurang-kurangnya 25c/c kepada pendeposit-pendeposit yang kini menderita dalam penuh kesusahan sekali dan bilakah bayaran itu akan dibuat.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjung. Kota Melaka dan Pasir Mas menyentuh isu yang sama, saya minta izin memberi jawapan yang serentak kepada pertanyaan-pertanyaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Mohamed Karid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bank Negara sedang mengkaji cadangan-cadangan untuk menyelesaikan masalah Koperasi Penerima Deposit (KPD) dan akan mengumumkan rancangan penyelesaian tidak lama lagi. Rancangan penyelesaian itu akan mengambil kira kepentingan pendeposit dan kemampuan kewangan Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa Bank Negara mengambil masa begitu panjang untuk menyampaikan satu cara menyelesaikan masalah-masalah DTC atau KPD. Dan yang kedua, memheritahu jaminan yang ada dibuat oleh Menteri-menteri MCA bahawa satu cara penyelesaian akan melibatkan yang pertama—bahawa dengan izin "ringgit dengan ringgit" atau "dollar-for-dollar" pembayaran dan "dollar-for-dollar" pembayaran ini ialah 100% dalam tunai dan bukan separuh dalam tunai dan separuh dalam sijil-sijil ekuiti atau lain-lain. Dan ketiga, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sama ada pendeposit-pendeposit boleh harapkan pembayaran yang kedua dalam tahun ini dan akhirnya sama ada mereka boleh dapat semua pembayaran selewat-lewatnya Mac, 1989 yang ada dijanji dalam pilihanraya kecil Gopeng oleh MCA bagi pihak Barisan Nasional.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, isu KPD ini bukan satu isu yang kecil, jadi oleh kerana itu Bank Negara mengambil masa sedikit untuk menyelesaikan masalah-masalah dan saya minta supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berkenaan bersabar.

Pengumuman selanjutnya akan dibuat sedikit masa lagi dan jika sekiranya Yang Berhormat bersabar pengumuman lanjut yang lebih detail akan dikemukakan di Dewan ini oleh Kerajaan pada suatu masa yang akan ditentukan dalam masa tidak lama lagi. Saya minta Yang Berhormat bersabar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menunjukkan bahawa Kerajaan ada sifat murah hati terhadap KPD ini dan saya ucapkan tahniah. Tetapi saya ingin bertanya adakah Kerajaan juga akan mempertimbangkan Koperasi Nelayan dan juga Petani yang jumlahnya beratus-ratus yang menghadapi kerugian yang telah menjalankan perniagaan mereka dengan secara ikhlas. Contohnya, terdapat 200 di Perlis dan lebih kurang 300 di Kedah. jumlahnya 500 lebih kurang. Adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan juga Koperasi-koperasi Nelayan dan juga Petani yang menghadapi kerugian.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua. soalan itu tidak ada berkenaan dengan isu yang kita bincangkan.

PELABUR ASING

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelaburan asing di Malaysia tidak memuaskan, jika ya. sama ada Kementeriannya telah mengenalpasti apakah masalah yang terlibat dan apakah langkah-langkah Kerajaan yang akan diambil untuk mempergiatkan usaha-usaha untuk menarik pelabur asing.

10-7-87

47. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan keyakinan dan kepercayaan pelabur-pelabur tempatan dan asing untuk terus melabur di Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta izin supaya soalan pada 10-7-87 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Batu Gajah dijawab bersama-sama dengan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua. dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia dan tambahan pula adanya persaingan di antara negara-negara sedang membangun di dalam menarik pelaburan dari negara-negara maju, Malaysia masih tetap dapat menarik minat pelabur-pelabur dari negara-negara berkenaan untuk melabur dalam sektor pembuatan.

Pelaburan asing di Malaysia adalah memuaskan. Ini dapatlah dijelaskan daripada jumlah modal asing dalam projek-projek milik asing di sektor pembuatan yang telah diluluskan bagi tahun-tahun 1983 hingga 1986 seperti berikut:

| Tahun | Jumlah Modal Asing |
|-------|--------------------|
| 1983 | \$329.1 juta |
| 1984 | \$332.1 juta |
| 1985 | \$361.3 juta |
| 1986 | \$528.4 juta |

Walaupun demikian. Kerajaan berpendapat pelaburan asing masih lagi boleh dipertingkatkan di negara

ini. Untuk tujuan ini Kerajaan telah mengambil dan memperkenalkan langkah-langkah baru untuk memperbaiki lagi usaha-usaha menarik pelaburan asing serta memperbaiki lagi suasana pelaburan negara ini. Di antara langkah-langkah tersebut adatah:

- (i) memperkenalkan galakan pelaburan yang baru di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- (ii) melonggarkan syarat-syarat penyertaan ekuiti pelabur asing dan pekerja-pekerja asing;
- (iii) melonggarkan pelaksanaan Akta Penyelarasaran Perindustrian 1975 dengan mengecualikan Lesen Pengilang kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kumpulan wang pemegang-pemegang saham yang kurang daripada M\$2.5 juga atau pekerja kurang daripada 75 orang;
- (iv) mengurangkan kadar tarif elektrik, panggilan teleton antarabangsa dan teleks;
- (v) menyegerakan kelulusan bagi projek-projek perkilangan dan galakan. pengecualian duti import untuk kilang dan jentera serta kelulusan permohonan tanah perindustrian dan pelan bangunan;
- (vi) Kerajaan juga akan terus bergiat mengadakan seminar-seminar pelaburan di dalam dan luar negeri untuk tujuan menarik pelaburan asing.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa Dasar Ekonomi Baru merupakan salah satu haiangan terhadap penarikan pelaburan asing ke

Negara Malaysia dan adakah pihak Kerajaan setakat ini membuat apa-apa kajian terhadap perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mengkaji syarat-syarat yang ketat bagi tujuan untuk melonggarkan sebagai satu cara untuk menarik lebih banyak pelabur ke negara kita.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kalau NEP adalah satu halangan untuk negara kita menarik pelaburan asing, itu adalah satu dasar yang sudah diterima oleh pelabur-pelabur asing dan bukan satu masalah pada masa sekarang. Kedua, Kementerian saya akan mengkaji dari masa ke semasa apa-apa masalah-masalah yang dibangkitkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejak Akta Penyelarasaran Perindustrian dipinda, sejauh manakah ianya telah memberi kesan ke arah membawa pelaburan asing ke negara ini, dan yang kedua, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawasanya isu-isu yang dibawa oleh DAP terutamanya perkauman sebenarnya juga membawa kepada kesan yang tidak baik bagi pelabur asing ke negara ini?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan yang kedua tidak payah dijawab oleh kerana itu satu soalan, jawapannya pun saya tidak tahu. Berkaitan dengan soalan yang pertama. setakat ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian belum ada kira-kira.

PROJEK PENGAIRAN MUDA/ KEMUBU/JOHOR BARAT

3. Dato' Dr Attittidin bin Haji Omar minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah kadar-kadar pembalikan

modal (internal rate of return) projek-projek pengairan dan penyaliran MUDA, KEMUBU dan Johor Barat yang dihisabkan pada waktu permulaannya; selepas sepuluh tahun perjalannya banyak manakah peningkatan atau penurunan kadar-kadar ini. Jikalau ada peningkatan kadar-kadar ini banyak manakah sumbangannya kepada sektor ekonomi pertanian dan ekonomi negara. Dan apakah pihak Kerajaan berura-ura merancang penutupan Lembaga-lembaga yang mentadbirkan projek-projek ini di hari muka. memandangkan kestabilan pembangunan telah pun tercapai guna menyalurkan sumber-sumber ekonomi ke lain-lain wilayah-wilayah miskin di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, perkiraan kadar-kadar pembalikan modal atau kadar pulangan dalam ekonomi (economic internal rate of return) bagi projek-projek pertanian utama yang dibiayai melalui pinjaman-pinjaman daripada institusi-institusi pinjaman luar negeri dibuat sebelum dan selepas tempoh pelaksanaan projek. Kadar-kadar pulangan dalam bagi projek-projek pertanian MUDA (1965-1972), KEMUBU (1967-1974) dan Johor Barat Fasa I (1974-1986) adalah seperti berikut:

| | Sebelum | Selepas |
|----------------|---------|---------|
| 1. MUDA | 10% | |
| 2. KEMUBU | 13% | 10.5% |
| 3. Johor Barat | 14.8% | |

Perkiraan kadar-kadar kepulangan dalam bergantung banyak kepada andaian-andaian tertentu, antaranya termasuk dari segi kos pelaburan yang terlibat, daya dan tingkat pengeluaran tanaman-tanaman yang diusahakan dan paras harga hasil-hasil yang dianjurkan. Perubahan takta-fakta ini akan membezakan di antara kadar

pulangan yang dijangka sebelum pelaksanaan projek dengan pencapaian sebenarnya selepas tempoh pelaksanaan projek. Bagi projek MUDA, kadar pulangan yang lebih tinggi selepas pelaksanaan projek adalah disebabkan oleh kenaikan harga beras yang lebih tinggi, kos pengeluaran ladang yang lebih rendah dan jumlah pengeluaran yang lebih baik dari yang dijangkakan. Bagi projek KEMUBU, peningkatan kos projek dan tmgkat pengeluaran serta kekerapan penanaman sebenar yang kurang dari yang dijangkakan, telah menyebabkan kadar pulangan yang lebih rendah selepas pelaksanaan projek. Kenaikan kos dan ketidakpesatan kadar pelbagai tanaman, pemulihan dan penanaman semula merupakan faktor utama yang menyebabkan pulangan yang lebih rendah bagi projek Johor Barat.

Ketiga-tiga projek tersebut telah memberi sumbangan yang besar kepada sektor pertanian dan ekonomi negara. Bagi kawasan MUDA, berikutan pelaksanaan projek ini, petani-petani dapat menanam padi dua kali setahun dan hasil pengeluaran padi telah meningkat daripada 268,000 ton metrik dalatn tahun 1965 kepada 682,000 ton metrik tahun 1974 dan 718,000 ton metrik pada tahun 1981. Pendapatan purata petani juga meningkat daripada \$1,092 setahun sebelum projek kepada \$4,001 pada tahun 1985. Demikian juga bagi projek KEMUBU di mana hasil pengeluaran telah meningkat daripada 24,000 ton metrik pada tahun 1967 kepada 70,000 ton metrik dalam tahun 1974 dan 136,000 ton metrik pada tahun 1986. Pendapatan purata petani juga bertambah daripada \$922 setahun sebelum projek kepada \$2,373 pada tahun 1974 dan \$5,614 pada tahun 1986. Bagi projek Johor Barat Fasa I, sumbangan besar adalah dari segi pengurangan kawasan yang terdedah kepada ancaman banjir daripada 36,000 hektar kepada 2,000 hektar

sahaja dan ini menghasilkan peningkatan keluasan kawasan yang dapat diusahakan dengan pertanian. Pendapatan petani-petani turut meningkat daripada \$1.400 setahun pada 1973 kepada di antara \$4.900 hingga \$6,000 pada tahun 1986.

Kerajaan tidak bercadang untuk menutup Lembaga Pembangunan Pertanian MUDA (MADA) dan Lembaga Pembangunan Pertanian KEMUBU (KADA) memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh kedua-dua Lembaga ini terutamanya dari segi sumbangan kepada pengeluaran padi negara dan peningkatan taraf hidup petani-petani. Peranan ini menjadi lebih penting dalam konteks dasar baru pengeluaran beras negara yang telah mengurangkan pengeluaran beras dalam negeri daripada tahap kecukupan (self-sufficiency) 80-85% kepada kadar 55-60% daripada keperluan negara. Bagi projek Johor Barat Kerajaan telah meneruskan pelaksanaan Fasa II projek ini mulai tahun 1986 dengan anggaran kos \$347 juta. Penerusan projek ini adalah perlu bagi tujuan mencegah banjir yang mengancam kesejahteraan dan mengakibatkan penderitaan kepada penduduk-penduduk di daerah Batu Pahat dan Muar pada tiap-tiap tahun.

Kerajaan tidak mengabaikan pelaksanaan projek-projek di kawasan-kawasan miskin yang lain kerana pada masa yang sama. Kementerian Pertanian sedang melaksanakan projek-projek pertanian yang serupa di 12 kawasan yang lain di seluruh negara.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kos pengeluaran di kawasan-kawasan projek tersebut telah meningkat dan pulangan juga tidak secukup dengan pelaburan yang diadakan untuk kawasan-kawasan tersebut dan adakah

Yang Berhormat dan Kerajaan bercadang untuk memperbaiki keadaan yang tidak baik itu?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kerajaan sedar tentang kos pengeluaran yang meningkat, tetapi tentang yang lain-lain itu saya berharap Yang Berhormat dapat beri penjelasan yang lebih nyata.

Yang kedua, untuk membaiki keadaan itu memang tugas Kerajaan yang sentiasa menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh membaiki keadaan dan suasana yang ada pada hari ini dari masa ke semasa.

ISU KOPERASI PENERIMA DEPOSIT—PERBINCANGAN KABINET

4. **Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Kewangan menyatakan sudah berapa kali Kabinet telah membincangkan berkaitan isu Koperasi Penerima Deposit dengan memberi tarikh-tarikh mesyuarat tersebut diadakan dan keputusan-keputusan yang dicapai di dalam tiap-tiap mesyuarat tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua. Untuk maktuman Ahli Yang Berhormat. Isu Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) telah dibincangkan sebanyak 17 kali oleh Jemaah Menteri semenjak 9hb April, 1986 hingga 1hb April, 1987. Perbincangan sebanyak 14 kali diadakan pada tahun 1986 iaitu pada 9hb April, 16hb Julai, 14 hb Ogos, 20hb Ogos, 27hb Ogos, 3hb September, 10hb September, 16hb September, 24hb September, 1hb Oktober, 15hb Oktober, 29hb Oktober, 5hb November dan 12hb November. Tiga

perbincangan diadakan pada tahun 1987 iaitu pada 7hb Januari, 25hb Mac dan 1hb April.

Antara keputusan-keputusan penting yang dibuat dalam perbincangan-perbincangan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986 di bawah Akta Darurat (Kuasa-kuasa) Perlu 1986 yang dikuatkuasakan pada 23hb Julai 1986 hendaklah dipakai bagi membolehkan Kerajaan bertindak ke atas KPD, syarikat-syarikat kredit dan pajakan yang menerima deposit secara haram.
- (ii) Pembekuan aset ke atas 23 buah KPD beserta aset-aset pengarah-pengarahnnya mengikut Peraturan-peraturan Perlu di bawah Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979.
- (iii) Tindakan hendaklah juga diambil bagi mendakwa pegawai-pegawai Koperasi yang menyeleweng.
- (iv) Kertas Putih mengenai KPD dikeluarkan untuk pengetahuan orang ramai.
- (v) Menetapkan supaya Bank Negara membuat kajian mengenai alternatif-alternatif untuk menyelesaikan masalah KPD dengan mengambil kira kepentingan pendeposit-pendeposit dan kemampuan kewangan Kerajaan.

Bank Negara akan mengumumkan rancangan penyelesaian ini tidak lama lagi. Saya harap Yang Berhormat bersabar.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap, mesyuarat Kabinet pertama mengenai KPD ialah pada 9hb Ogos, 1986 dan antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai Peraturan Darurat. Bukankah benar pada 9hb Ogos, 1986 Peraturan Darurat sudah digunakan dan dilaksanakan?

Kedua, antara 17 mesyuarat Kabinet mengenai KPD, berapa mesyuarat boleh disifatkan sebagai mesyuarat di mana "substantive discussions" diadakan mengenai perkara KPD?

Akhirnya, adakah benar bahawa Kabinet sudah buat garis panduan mengenai penyelesaian masalah KPD dan perkara atau formula untuk selesai perkara ini tidak perlu untuk dibawa balik kepada Kabinet yang dituntut, didakwa oleh Menteri-menteri MCA dan kalau begitu bukankah benar bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah silap apabila beliau berkata bahawa sebelum perkara ini boleh diselesaikan perlu lagi sekali atau dua kali Kabinet bermesyuarat dalam perkara ini. (*Tepuk*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi tarikh-tarikh yang diadakan mesyuarat dan pengumuman akah dibuat oleh Kerajaan tidak lama lagi. Adakah ia silap atau tidak maka keputusan Kerajaan akan diumumkan dan diharap sekali lagi saya minta Yang Berhormat bersabar.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, biasanya rancangan Kerajaan untuk membantu sesuatu rancangan penyelamat, diganggu oleh kepentingan politik dan peribadi. Dalam konteks ini sejauh mana rancangan Kerajaan hendak menyelamatkan 23 Koperasi itu dan

butir-butir rancangannya, terselamat dari diganggu oleh kepentingan tersebut?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat tadi telah bertanya lagi, saya ingat eloklah kita mengurangkan politicisation of the issue di dalam Dewan ini.

PERMOHONAN STRATA TITLE

5. Tuan Liew Ah Kim Minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa ramai pembeli apartment, rumah pangsa dan kompleks tidak memperolehi "Strata Title". dan mereka merasa bimbang dan tidak senang tentang kepentingan harta-harta mereka; dengan demikian sila nyatakan:

- (a) sejak Akta Strata (Pindaan) 1985 telah dikuatkuasakan, beberapa jumlah unit apartment, rumah pangsa dan kompleks telah diluluskan dan dikeluarkan strata title; sila nyatakan bilangan mengikut tempat dan negeri;
- (b) berapa jumlah permohonan untuk mendapatkan "Strata Titles" masih dalam pertimbangan atau proses; dan
- (c) apakah cadangan Kerajaan untuk mempercepatkan proses ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri yang berkenaan,

Kerajaan memang sedar serta mengambil berat terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk

mendapatkan hakmilik-hakmilik strata. Justeru itu, Kerajaan telah menggubal undang-undang baru Akta Hakmilik Strata, 1985 yang telah mula berkuatkuasa pada 1hb Jun, 1985 di semua negeri-negeri Semenanjung Malaysia bagi menggantikan peruntukan-peruntukan mengenai hakmilik subsidiary yang terdapat di bawah Kanun Tanah Negara.

Di antara lain Akta itu mengandungi prosedur-prosedur yang telah dikemaskini untuk proses permohonan pecah bahagian bangunan agar pengeluaran hakmilik strata dapat dipercepatkan.

Jawapan (a). semenjak Akta Hakmilik Strata 1985 mula berkuatkuasa, jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan oleh negeri-negeri adalah seperti berikut:

Negeri: Wilayah Persekutuan.

Jumlah permohonan diterima sehingga 15-6-1987—137

Jumlah permohonan yang telah diluluskan—3

Jumlah permohonan yang telah ditolak—7

Jumlah Hakmilik Strata yang dikeluarkan—14

Negeri: Terengganu.

Jumlah permohonan yang diterima sehingga 15-6-87.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah list itu?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: List ini agak panjang juga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah beri dengan jawapan bertulis?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya rasa eloklah saya beri jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, saya hcmarkan.

PENCEN TAMBAHAN K.EPAUA ANGGOTA TENTERA

6. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian Pertahanan bercadang untuk memberi pencen tambahan atau lain-lain bentuk imbuhan kepada anggota-anggota tentera yang telah menerima pingat-pingat keberanian tertinggi seperti PGB dan SP sebagai tanda penghargaan terhadap pengorhanan mereka dalam menentang musuh-musuh negara.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, jasa-jasa anggota tentera terhadap tanahair tidak pernah ditupukan oleh Kerajaan. Dalam usaha mengenang jasa bakti mereka. Kerajaan kini sedang mengguhal satu akra untuk membolehkan penerima-penerima Bintang Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) diberi elauan kenangan.

Satu kajian kemungkinan untuk membolehkan penerima-penerima pingat Panglima Gagah Berani (PBG) mendapatkan elauan juga sedang dibuat oleh Kementerian Pertahanan bagi mengenang jawa dan pengorbanan mereka kepada negara.

BAYARAN DENDA ATAS KESALAHAN JALAN RAYA

7. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meminda Akta Keselamatan Jalan Raya bagi memperuntukkan salu kuasa yang membolehkan pembayaran denda secara serta-merta di tempat kesalahan yang berlaku ke atas pengguna-pengguna jalan raya yang bersalah.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua. saya ingin memaklumkan bahawa kctika ini pengawalseliaan bidang pengangkutan jalan adalah termaktub di Ordinan Lalulintas Jalan 1958, bukan Akta Keselamatan Jalan Raya. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan bercadang mcng-gantikan Ordinan 1958 dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Rang Undang-undang mengenai Akta tersebut akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk perbahasan dan kelulusan.

Akta tersebut tidak memperuntukan kuasa kcpada pegawai-pegawai penguatkuasaan dan pihak Polis untuk mengutip pembayaran denda daripada pesalah-pesalah lalulintas secara serta-merta di tempat kesalahan yang berlaku.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementeriannya telah melakukan ujian-ujian ataupun minta nasihat daripada badan-badan yang tertentu seperti badan-badan yang terlibat dalam pengangkutan untuk mengkaji barulah Akta baru yang dikatakan tadi itu dibentangkan di dalam Parlimen? Jika ada. apakah badan-batlan yang telah diminta pendapat mereka dan nasihat daripada mereka'.'

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua. jawabnya ada. dan di antaranya ialah Persatuan Lori, Persatuan Automobil Malaysia dan beberapa yang lain.

PELAJAR SABAH—PENARIKAN BALIK BIASISWA

S. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah jenis-jenis banluan yang akan diberikan oleh Kementerian kepada 39 orang pelajar-pclajar Sabah yang kini belajar di London dan Amerika

Syarikat akibat penarikan balik biasiswa mereka oleh Kerajaan Sabah atas sebab-sebab tertentu baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua. untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk membantu pelajar-pelajar Sabah yang kini belajar di United Kingdom, Amerika Syarikat dan negara lain yang telah ditamatkan biasiswa mereka oleh Kerajaan Negeri Sabah. Antara langkah yang diambil Jaluh menyambung pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar yang layak dan sesuai.

Tuan Zubir bin Embong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Kementerian Pendidikan mengetahui sebab-sebab kenapa biasiswa pelajar-pelajar itu ditamatkan oleh Kerajaan Negeri dan apakah benar penamatan itu oleh kerana 39 orang pelajar-pelajar ini terdiri daripada mereka yang beragama Islam?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar. Pelajar-pelajar ini adalah yang sudah betajar, sudah beberapa kali ulang di satu darjah. satu tahun, iaitu repeat many times the same course dan sebab itu Kerajaan Negeri Sabah hendaklah menamatkan pelajarannya dan Kementerian Pendidikan sedang mengkaji balik perkara itu dan kalau kursus itu ada diperlukan mengikut keperluan tenaga Malaysia. kita akan membantu mereka.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua. soatan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan akan mengambil langkah sepertimana menyambung biasiswa-biasiswa kepada seluruh penuntut-penuntut yang ada di negara Malaysia

ini yang mana kita ketahui bahawa seorang penuntut itu sudah mengulangi berbalik-balik kursus yang telah ataupun sedang diambil. .

Tuan Woon See Chin: Di negara kita Malaysia?

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Ya.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan akan terus memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang ada di universiti tempatan. sebab kursus yang mereka ikuti mengikut keperluan tenaga Malaysia.

ISU LIMBANG

9. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (al) apakah pihak Kerajaan telah mengenalpasti mereka yang terlibat menulis rencana atau memberi maklumat kepada majalah "Far Eastern Economic Review" yang menyatakan Perdana Menteri akan menjual Limbang di Sarawak kepada Brunei;
- (b) apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang didapati membuat fitnah di dalam perkara ini, walaupun mereka telah meminta maaf; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan mengikut saranan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia seperti yang terkandung di dalam memorandum mengenai "Isu Limbang" ini.

1-7-87

38. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri memberitahu apakah tindakan Kerajaan terhadap Majalah "Far Eastern Review" mengenai laporan penjualan Limbang kepada

Brunei Darussalam walaupun majalah herkenaan telah pun meminta maaf kepada Kerajaan Malaysia.

3-7-87

15. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan lanjut yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap majalah Far Eastern Review yang telah mengeluarkan dakyah kononnya Perdana Menteri Malaysia telah bercadang hendak menjual kawasan Limbang di Sarawak kepada Brunei.

9-7-87

28. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan iaitu oleh kerana rakyat telah terkejut dan tersinggung dengan berita yang disebarluaskan oleh majalah Far Eastern Economic Review yang melaporkan bahawa Perdana Menteri telah menjual Limbang kepada Brunei Darussalam. Akibat berita tersebut, nama baik negara dan lebih-lebih lagi nama baik Perdana Menteri telah tercemar. Walaupun kita semua telah maklum bahawa The Review telah memohon maaf kepada Perdana Menteri tetapi berita tersebut telah meninggalkan kesan yang negatif kepada rakyat. Saya ingin tahu apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri terhadap majalah The Review itu. Dan juga mana-mana majalah/akbar penerbitan luar negeri supaya perkara menghina negara tidak berulang lagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seputeh, Kota Setar dan Kuala Kerai masing-masing bertarikh pada 1, 3 dan 9 Julai kerana soalan-soalan itu mempunyai maksud yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, Majalah "Far Eastern Economic Review" keluaran 21 Mei 1987 telah menyiarkan satu berita mendakwa bahawa tujuan utama lawatan YAB Perdana Menteri ke Brunei pada bulan Mac 1987 adalah untuk membincangkan mengenai penjualan Limbang kepada Kerajaan Brunei dan bukannya untuk memperbaiki hubungan pengangkutan antara kedua buah negara. Kerajaan telah dengan tegas menafikan laporan tersebut dan mensifatkan ianya sebagai palsu dan mengaibkan atau, dengan izin. defamatory.

Padu masa ini. Kerajaan telah mengenaipasti orang yang memperolehi dan menulis rencana yang dimaksudkan itu. Kerajaan sedang mengikuti sikap dan tindakan majalah Far Eastern Economic Review atas pengakuan mereka untuk meminta maaf dan menarik balik rencana bertajuk "Limbang Sale" yang disiarkan pada 21 Mei 1987. Kerajaan akan mengambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang jika tindakan Far Eastern Economic Review tidak memuaskan hati Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada dakwaan-dakwaan yang dibuat baru-baru ini bahawa maklumat mengenai penjualan Limbang datang daripada Team "B" dalam UMNO. Adakah siasatan Kementerian Dalam Negeri boleh menentukan sama ada ini benar dan bolehkah satu penjelasan dibuat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang diketahui oleh Kementerian Dalam Negeri. dakwaan yang telah disebutkan oleh wakil dari Tanjung tidak pernah pun didapat di Kementerian saya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Timbalan Menteri menyatakan bahawa sudah mengenalpasti mereka yang terlibat mengenai dengan rencana ini, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mendedahkan kepada umum supaya kita mengetahui siapakah mereka yang di sebalik kerja-kerja yang hajat ini, sebab mana tahu mungkin datang daripada DAP sendiri. (*Tepuk*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua. daripada pengalaman yang telah kita lalui segala tindakan yang kita ambil bukan semata-mata kita hendak mengadakan tindakan tetapi biarlah tindakan itu berkesan dan berkepentingan untuk negara dan rakyat.

atas pembakaran mercun yang telah diberi baru-baru ini adalah untuk Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa bagi tahun 1987 sahaja. Kerajaan akan meneliti dan mengkaji dari semua aspek terutarnya keadaan keselamatan negara semasa sebelum menimbangkan kelonggaran pembakaran mercun pada musim-musim perayaan yang akan datang.

Mengenai laporan-laporan kecacatan pada musim perayaan baru-baru ini seperti yang dilaporkan oleh mass media tempatan, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kemalangan tersebut bukanlah disebabkan oleh permainan mercun tetapi diakibatkan dari letupan yang dicipta sendiri seperti "meriam buluh", "meriam besi" dan campuran-campuran belerang yang boleh dibeli dari kedai-kedai biasa.

PENGHARAMAN ATAS PEMBAKARAN MERCUN

10. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian akan mengharamkan permainan mercun di hari-hari perayaan, apa jenis mercun sekalipun memandangkan bahaya akibat dari permainan itu membawa kesan yang buruk lebih banyak dari manfaat, seperti:

- (i) ramai kanak-kanak yang terlibat dengan permainan itu cacat dan hilang anggota akibat dari permainan mercun;
- (ii) mengganggu ketenteraman di kawasan perumahan; dan
- (iii) berlakunya pencemaran alam sekitar akibat dari mercun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelonggaran terhadap pengharaman ke

CARUMAN KWSP

11. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pencarum yang tidak menuntut wang caruman mereka daripada KWSP dari tahun 1981, 1982, 1983, 1984 dan 1985; dan
- (b) wang caruman yang tidak dituntut itu ke mana disalurkan oleh KWSP.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kurang jelas. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada definisi wang yang tidak dituntut di bawah Akta Wang Tidak Dituntut 1965, bilangan pencarum dan jumlah caruman yang

tidak dituntut pada akhir tahun bagi tahun-tahun 1981 hingga 1985 adalah seperti berikut:

| Tahun | Bilangan Pencaruan- | Caruman | Jumlah |
|-------|------------------------|-------------|--------|
| | 1 .004 | \$313.282 | |
| 1982 | 1,160 | \$260.412 | |
| 1983 | 1 .659 | \$871.784 | |
| 1984 | 3,119 | \$1.546.199 | |
| 1985 | 5.118 | \$1,622.165 | |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut seksyen 10. Akta Wang Tidak Dituntut 1965, KWSP mesti mewartakan butir-butir akaun-akaun yang tidak dituntut tersebut di dalam Warta Kerajaan. Seksyen 11, Akta yang sama pula memperuntukkan sekiranya selepas tempoh 12 bulan dari tarikh diwartakan wang tersebut masih tidak dituntut, maka wang berkenaan akan dipindahkan ke dalam akaun Amanah Yang Disatukan (Consolidated Trust Account). Sekiranya wang tersebut masih tidak dituntut selepas tempoh 6 tahun, ianya akan dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Yang Disatukan (Consolidated Revenue Account). Bagaimanapun, ahli-ahli yang berhak boleh membuat tuntutan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

KAYU GETAH—GALAKAN PENGGUNAAN

12. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh Kerajaan dan khusus oleh Lembaga Perindustrian Kayu-Balak Malaysia (Malaysian Timber Industry Board, MTIB) untuk menggatakan kegunaan kayu pokok getah di pasaran tempatan dan di pasaran luar negeri; sudahkah kayu pokok getah

diperkenalkan kepada pasaran-pasaran besar di negara USA, Jepun, Taiwan, Korea, German Barat, Singapura dan United Kingdom; apakah hasil-hasil eksport kayu getah, dan perabut-perabut kayu ini kepada negara-negara tersebut pada tahun 1984, 1985 dan 1986.

Timbalan Menleri Perusahaan Utama (Tuan Ali bin Md. Ali); Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan penggunaan kayu getah di pasaran dalam negeri dan juga luar negeri. Antaranya Jalah:

- (a) Meningkatkan penyelidikan gunaan bagi kayu getah meliputi aspek-aspek pemerosesan, pertindungan, pengeringan dan pengawitan kayu getah serta barang yang boleh dibuat dari kayu getah.
- (b) Pelesenan bagi kilang-kilang yang ingin memproses kayu getah juga dipermudahkan di mana kilang-kilang papan kelas C dibenarkan memproses kayu getah. Di samping itu, mobile sawmills, dengan izin, dibenarkan diguna untuk memproses kayu getah di tempat penebangan.

Kadar royalti yang dikenakan juga adalah rendah dibandingkan dengan jenis-jenis kayu dari hutan asli. Program-program latihan dan khidmat nasihat juga disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysiadan Lembaga Perindustrian Kayu dalam aspek-aspek teknik pemerosesan, perlindungan, pengawitan, pengeringan, kawalan mutu, reka-bentuk, kemas-siap dan pemasaran barang-barangan dari kayu getah.

MTIB juga menyelaraskan penebangan kayu getah di bawah Program Tanaman Semula dengan permintaan kayu getah bagi tujuan

mengurangkan pembaziran dan meningkatkan penggunaan maksima kayu getah dengan mengaturkan rundingan-rundingan antara agensi-agensi seperti FELDA, RISDA, FELCRA dan syarikat-syarikat pemilik ladang getah yang besar dengan para pengusaha kilang memproses kayu getah. Melalui MTIB Kerajaan juga mengenakan sistem kawalan mutu bagi kayu getah yang dieksport supaya dengan mutu yang tetap permintaan atas kayu getah di luar negeri dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Kerajaan sememangnya telah memperkenalkan kayu getah ke pasaran Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan, Korea Selatan, Jerman Barat, Singapura, United Kingdom dan juga lain-lain negara.

Antara usaha-usaha terbaru ialah melalui Pameran Perabot Antarabangsa Cologne di Jerman Barat, Pameran di Persidangan Persatuan Pengeluar Kayu Keras Antarabangsa di Hawaii, Pameran Timber Built di United Kingdom dan Pameran Perabot Antarabangsa di Jepun pada tahun lepas. Kita telah dan akan terus menyertai pameran itu pada tahun ini. Hasil dari usaha-usaha ini sudah pun nyata di mana eksport kayu getah yang telah bergergaji telah meningkat dengan begitu cepat dari cuma 4.5 juta, iaitu 17,500 meter padu pada tahun 1980 kepada 59 juta, iaitu 178,405 meter padu pada tahun 1986. Hasil eksport kayu getah bergergaji di pasaran yang berkenaan pada tahun-tahun 1984, 1985 dan 1986 adalah seperti berikut. (Saya cuma baca 3 buah negeri di mana eksport terbesar dilakukan).

Angka tahun 1984 tidak diperolehi dari segi nilainya.

| <i>Negeri</i> | | <i>1986</i> |
|---------------|--------|-------------|
| | (juta) | (juta) |
| Singapura | \$16.8 | \$25.7 |
| Taiwan | \$10.9 | \$22.1 |
| Jepun . . | \$ 90 | \$8.7 |

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Lembaga Perindustrian Kayu Balak Malaysia bercadang untuk menubuhkan industri perabot daripada hasil kayu getah oleh kerana kita dapati kayu-kayu getah sekarang ini dieksport secara gergaji. manakala kalaularah Lembaga Perindustrian Kayu dapat menjadi catalyst ataupun pioneer dan membimbang petukang-petukang kayu yang begitu mahir di negara kita, saya percaya eksport kayu getah yang siap seperti perabot ini akan mendapat pasaran lebih baik dan serentak itu juga boleh menolong tukang-tukang kayu tempatan kita?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian tidak bermaksud untuk meminta MTIB atau Malaysian Timber Industry Board, dengan izin, untuk menubuhkan kilang perabot sendiri dengan menggunakan kayu getah oleh kerana terdapat minat yang makin bertambah di kalangan sektor awam untuk mengusahakan sendiri kayu-kayu getah untuk dijadikan perabot.

Saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa usaha-usaha mempopularkan kayu getah ini sedang mendatangkan hasil yang baik dan syarikat-syarikat perabot terutama daripada negara-negara seperti Taiwan telah menunjukkan minat yang besar untuk mengadakan usahasama dengan pengusaha-pengusaha perabot tempatan dengan menggunakan kayu getah dan lain-lain kayu serta rotan dan kalau ini dapat diteruskan, maka tidak perlu Kerajaan sendiri melibatkan diri dalam perusahaan perabot. Tugas kita ialah untuk membimbang usahawan-usahawan dalam negeri supaya mendapatkan kepakaran dan juga teknologi-teknologi baru serta pasaran di luar negeri.

**PERBINCANGAN PERDANA
MENTERI—SULTAN BRUNEI**

13. **Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan perkara-perkara yang dibincang antara beliau dan Sultan Brunei semasa beliau melawat negara tersebut pada akhir oulan Mac 1987 dan apakah hasil lawatannya itu.

29-6-57

16. **Tuan P. Patto** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Brunei pernah mencadangkan kepada Kerajaan Malaysia bahawa kita memisahkan sebahagian daripada Wilayah Malaysia, iaitu Limbang dalam Negeri Sarawak, jika ya. bilakah cadangan itu dibuat dan apakah syarat pemisahan sebahagian Wilayah Malaysia kita itu; dan apakah reaksi Kerajaan Malaysia terhadap cadangan itu.

29-6-87

31. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Perdana Menteri menjelaskan rundingan dan perbincangan yang sebenar yang telah dicapai dengan Kerajaan Brunei baru-baru ini. di mana telah menimbulkan tuduhan oleh Majallah *Far Eastern Economic Review* bahawa rundingan tersebut adalah bertujuan untuk menjual kawasan Limbang Sarawak kepada Brunei.

2-7-87

4. **Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Perdana Menteri menyatakan dalam lawatan beliau ke Brunei Darussalam bulan April lepas:

- (a) apakah tujuan lawatan itu pada keseluruhannya;
- (b) apakah perkara-perkara yang dibincangkan semasa lawatan itu; dan

(c) apakah hasil penting dari lawatan dan perbincangan-perbincangan itu.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar); Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya mohon menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya juga ingin memohon izin menjawab soalan ini serentak dengan soalan nombor 16 oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan soalan nombor 31 oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada hari ini dan soalan Ahli Yang Berhormat dari Simunjan pada 2hb Julai kerana ketiga-tiga soalan itu berkisar dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Brunei Darussalam pada bulan Mac tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara Brunei Darussalam pada 30hb hingga 31hb Mac, 1987 adalah di dalam konteks lawatan-lawatan beliau ke negara-negara jiran yang sering diadakan untuk tujuan bertemu dan berbincang dengan pemimpin-pemimpin negara-negara tersebut mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa. Semasa lawatan ke negara Brunei Darussalam itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berbincang dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei Darussalam mengenai beberapa perkara dua hala, serantau dan antarabangsa. Antara perkara-perkara dua hala adalah berkaitan dengan penentuan sempadan di kawasan-kawasan yang terlibat dengan pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo, peningkatan perkhidmatan udara, usaha-usaha ke arah meningkatkan perdagangan secara terus serta juga pembangunan Limbang untuk tujuan ini dan

mengenai usaha-usaha lain untuk mengukuhkan hubungan dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Lawatan itu telah memberikan hasil yang positif terutamanya dalam merapatkan hubungan antara pemimpin-pemimpin Brunei Darussalam dan Malaysia dan berjaya meningkatkan lagi hubungan rapat antara kedua-dua negara. Semasa lawatan itu tidak berbangkit langsung soal penjualan Limbang kepada Brunei.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sebentar tadi, maka tuduhan oleh *Far Eastern Economic Review* bahawa cadangan ini dibuat semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Brunei adalah palsu semata-mata.

Sejak daripada tertubuhnya Malaysia, Limbang yang terletak di dalam wilayah Negeri Sarawak adalah merupakan sebahagian daripada Malaysia. Kerajaan Brunei Darussalam pernah menimbulkan isu tuntutan terhadap daerah itu beberapa ketika dahulu tetapi Malaysia telah menjelaskan pendiriannya bahawa Limbang adalah merupakan wilayah Negeri Sarawak yang sah.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu sama ada dalam perbincangan mengenai sempadan di antara Brunei dan Malaysia. pihak Kerajaan Brunei pernah membangkitkan soal atau isu bahawa Malaysia memisahkan sebahagian daripada negara kita untuk dijadikan wilayah Brunei, dan jika ya, apakah reaksi Kerajaan Malaysia? Saya bangkitkan perkara ini bukan soal jual, tetapi sama ada cadangan untuk kita memisahkan sebahagian daripada wilayah kita dan sekiranya ada, apakah reaksi Kerajaan?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, perkara untuk memisahkan sebahagian dari sempadan Malaysia untuk dijadikan wilayah Brunei tidak timbul sama sekali melainkan kalau kita mengukur sempadan di antara kedua-dua buah negara ada yang perlu kita ubahsuai sedikit sebanyak. maka ini tidak menjadi masalah untuk kita perbetulkan, tetapi untuk hendak mewujudkan satu kawasan diberikan kepada negara yang lain. ini tidak ada dibincangkan.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, sama ada ada perkara percantuman antara Malaysia dengan Brunei ada dibangkitkan dan dibincangkan. Kalau ada, apakah keputusannya?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua. tidak ada.

KILANG HARAM DI KUALA LUMPUR

14. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai hasil kerjasama Kerajaan Selangor dengan Kerajaan Persekutuan untuk membuka lebih banyak tapak yang sesuai untuk kilang perindustrian kecil dalam pelbagai tempat di Selangor bagi menempatkan kilang-kilang haram dalam Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membantu menempatkan kilang-kilang haram yang terdapat di Wilayah Persekutuan yang didapati tidak sesuai lagi beroperasi dalam kawasan ini, pihak Kerajaan Negeri Selangor telah menawarkan beberapa kawasan perindustrian yang ada di Selangor untuk dimohon oleh pengusaha-pengusaha industri haram yang berkenaan.

Langkah-langkah lain yang dilaksanakan setakat ini ialah:

- (a) Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana Menteri sedang merancang satu kawasan baru melalui program penswastaan iaitu seluas 164 ekar di batu 7, Jalan Kepong untuk tujuan perindustrian termasuklah penempatan semula kilang-kilang haram yang masih terdapat di Wilayah Persekutuan.
- (b) Pihak Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan tapak di kawasan Balakong di daerah Hulu Langat iaitu salah satu kawasan perindustrian PKNS untuk menempatkan 41 kilang haram yang terdapat di Kg. Seri Sentosa, Puchong. Harga yang ditetapkan ialah \$4 sekaki persegi. Pengusaha-pengusaha kilang telah pun diberikan borang-borang permohonan untuk dikemukakan permohonan mereka melalui PKNS.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat menyatakan pihak Kerajaan mencadangkan untuk menswastakan tapak-tapak untuk digunakan bagi menempatkan kilang-kilang haram dalam Wilayah Persekutuan. Suka saya bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan satu jaminan dalam Dewan ini bahawa apabila tapak-tapak itu diswastakan dan apabila kilang-kilang baru telah dibina oleh pihak swasta, kilang-kilang itu akan dijual dengan harga yang munasabah agar mereka yang terlibat iaitu pengusaha-pengusaha kilang haram yang akan ditempatkan semula tidak perlu menanggung beban yang berat?

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan sedang mengkaji satu harga yang sesuai oleh kerana Kerajaan kita bertimbang rasa. maka harga itu mungkin berpatutan dan sesuai untuk pekilang-pekilang memperolehnya.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, siapa-siapa mahu membuka kilang dalam Seri Sentosa Puchong. kalau dia mohon berapa lama dia boleh tunggu, fasal apa kadang-kadang pihak pemohon, dia tulis surat atas minta tanah di sana, barangkali dua tahun tidak dapat jawapan daripada Pegawai Daerah. Bolehkah beri keterangan berapa lama mereka mahu tunggu, kalau dia mohon minta tempat di Seri Sentosa Puchong itu?

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang tahan soalan Ahli Yang Berhormat dari Puchong itu, bolehkah ulangkan?

Dr V. David: Sesiapa yang mahu buka kilang dalam Seri Sentosa Puchong, kalau hari ini dia memohon dengan Pegawai Daerah. berapa lama dia mahu tunggu sampai dapat jawapan, barangkali tak dapat jawapan langsung?

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, permohonan pembelian kilang ini adalah melalui proses biasa dan ini tentulah akan dibuat oleh pihak pemaju yang membangunkan kawasan yang diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagt Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 60 adalah diberi di bawah ini).

KAD PENGENALAN BARU

15. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa ramai penduduk-penduduk di kawasan luar bandar di negeri Sabah tidak mempunyai surat beranak dan mereka untuk memohon kad

pengetahuan berikut undang-undang baru. Bolehkah beliau memberikan beberapa kemudahan untuk mengatasi perkara ini seperti yang berikut:

- (a) memberikan tempoh untuk beberapa waktu bagi mereka mendapatkan Surat Lahir; dan
- (b) menghantar rombongan pegawai-pegawai pendaftaran ke kampung-kampung untuk memudahkan rakyat yang tidak mempunyai Surat Lahir mendaftar diri dan memohon Surat Lahir seterusnya Kad Pengenalan.

9-7-87

53. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa majoriti daripada kanak-kanak di luar bandar telah dilahirkan di rumah mereka masing-masing oleh kerana kekurangan klinik-klinik luar bandar dan perhubungan yang buruk;
- (b) jika begitu, adakah ia sedar bahawa perintah sepetimana dibuat dari 1hb April 1987, Kad Pengenalan Biru hanya dikeluarkan dengan surat beranak, akan mengakibatkan sebilangan besar penduduk luar bandar di mana terdapat kekurangan klinik, perhubungan yang buruk dan ketidaaan pendidikan gagal untuk mendaftar kelahiran anak-anak mereka; dan

(c) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat dari Gaya pada 9-7-1987 kerana mempunyai maksud yang sama.

Kerajaan sedar ada terdapat penduduk-penduduk kawasan luar bandar yang tidak mempunyai surat beranak. Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.

Mengikut peraturan sekarang, kemudahan adalah diberi untuk membolehkan setiap kelahiran didaftarkan seperti berikut:

- (1) Pendaftaran Biasa—(Seksyen 8 dan 19 (2)) hendaklah didaftar sebelum tamat tempoh 14 hari dari tarikh lahir atau sebelum tamat tempoh 14 dari tarikh bayi dijumpai.
- (2) Pendaftaran Lambat—(Seksyen 11 dan 20) iaitu selepas tamat tempoh 14 hari dan sehingga 42 hari dari tarikh lahir atau tarikh bayi dijumpai.
- (3) Pendaftaran Lewat—(Seksyen 12 dan 21) Pendaftaran bagi kanak-kanak yang baru lahir selepas 42 hari.

Bagi Pendaftaran Biasa, seorang kanak-kanak boleh didaftarkan di Balai Polis, Balai Penghulu atau Ketua Kampung atau Penggawa Pegawai Perubatan di hospital atau di Pejabat Pendaftaran di tempat kanak-kanak itu dilahirkan.

Manakala bagi Pendattaran Lambat, pendaftaran boleh dikemukakan di tempat yang sama seperti Pendattaran Biasa tetapi pelaporinya dikenakan fee tertentu. Untuk Pendattaran Lewat pula mereka yang terlibat hendaklah

membuat permohonan di Pejabat Pendaftaran yang kemudian mengemukakan ke Ibu Pejabat, Jabatan Pendaftaran Negara untuk keputusan. Selain dari langkah-langkah tersebut di atas, Jabatan Pendaftaran Negara dari semasa ke semasa mengadakan lawatan-lawatan ke tempat yang berkenaan bagi kemudahan orang ramai membuat pendaftaran.

(Soalan No. 16. Sila lihat jawapan No. 13).

KAD PENGENALAN BARU

17. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memulakan penggunaan bentuk Kad Pengenalan yang baru di masa akan datang. Jika tidak mengapa dan jika ya, bila.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan telah pun bersetuju untuk mengeluarkan Kad Pengenalan berbentuk baru. Tindakan untuk melaksanakan rancangan ini telah diambil oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan dijangka akan mula dikeluarkan pada Julai 1988.

PENDATANG HARAM/ PELARIAN DI SABAH

18. **Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab Kerajaan Negeri Sabah menolak perkembangan Pasukan Petugas VII ke Sabah serta penubuhan sebuah pejabat oleh Pasukan tersebut di Negeri Sabah, bagaimanakah masalah pendatang haram/pelarian dapat diselesaikan di Sabah dan sila nyatakan juga langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan setakat ini dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut dalam jangka pendek dan juga jangka masa panjang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):

Saya ingin mendapatkan kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi jawapan kepada soalan ini bersama-sama dengan soalan atas perkara yang sama yang dikemukakan oleh:

- (i) Y. B. Tuan Hsing Yin Shean pada 30-6-87;
- (ii) Y. B. Tuan Haji Ibrahim Ali pada 1-7-87;
- (iii) Y. B. Tuan Nurnikman Abdullah pada 1-7-87;
- (iv) Y. B. Tuan Gerard Math Lee Min pada 6-7-87; dan
- (v) Y. B. Tuan Samson Chin Chee Tsu pada 8-7-87,

ini adalah kerana soalan-soalan tersebut ada hubung-kait antara satu dengan yang lain.

Sebenarnya Kerajaan Negeri Sabah bukanlah menolak perkembangan Pasukan Petugas VII ke Sabah. Kerajaan Negeri mahu mengumpulkan maklumat lengkap dan menyiapkan kajian menyeluruh serta membentuk strategi bagi mengatasi masalah pendatang haram/pelarian. Satu laporan akan dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan untuk kajian dan tindakan seterusnya.

Masalah pendatang haram/pelarian akan diatasi setelah kajian menyeluruh dijalankan oleh Kerajaan Pusat. Tanpa kajian menyeluruh maka sukarlah Kerajaan membentuk strategi dan program bagi mengatasi masalah itu.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah awal ke arah usaha menyelesaikan masalah tersebut; di mana beberapa gerakan banci untuk berbagai tujuan telah dilaksanakan dalam tahun 1984 dan 1985. Langkah-langkah yang lebih lengkap akan diambil sesudah kajian menyeluruh yang disebut tadi diselesaikan.

**PROTON SAGA DIEKSPORT
KE LUAR NEGERI**

19. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan sehingga Mei 1987 sudah berapa unit kereta Nasional (Proton Saga) telah dapat dikeluarkan dan di antaranya berapa unit pula yang dapat dieksportkan ke luar negeri. Nyatakan juga nama negara yang mengimportnya serta harga yang ditawarkan bagi setiap unit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Oleh sebab rahsia dan strategi perniagaan, tidak dapatlah saya memberitahu jumlah unit Proton Saga yang dikeluarkan serta harga seunit kereta yang ditawarkan kepada negara-negara pengimpor. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 1987, sebanyak 354 buah kereta Proton Saga telah dieksport ke luar negeri seperti berikut:

| Negara | Jumlah |
|----------------------|----------|
| 1. Brunei Darussalam | 45 buah |
| 2. New Zealand | 167 buah |
| 3. Bangladesh | 62 buah |
| 4. Malta.. | 80 buah |

**KOPERASI PENERIMA
DEPOSIT—ADUAN POLIS**

20. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa anggota-anggota Unit Pencegah Rusuhan telah melakukan keganasan dan kekerasan terhadap para pendeposit-pendeposit KPD dan penduduk-penduduk berdekatan dengan timbunan buangan sisa atau bahan-bahan radioaktif di Bukit Merah, Ipoh dan apakah tindakan yang telah atau akan diambil dan juga sama ada tindakan telah diambil terhadap laporan-laporan Polis

yang dibuat oleh Lim Hock Lee No: 149/87 dan Mah Mun Kwong 150/87 pada 6-1-87 di Balai Polis Sentul.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Aduan Polis mengenai laporan No. 149/87 dari 150/87 yang dibuat pada 6-1-87 di Balai Polis Sentul berhubung dengan peristiwa perhimpunan haram di perkaranan Bank Negara telah dijalankan dan didapati tiada sebarang bukti menunjukkan bahawa pihak Polis telah bertindak dengan ganas dan kekerasan terhadap pendeposit-pendeposit.

Berhubung dengan peristiwa di Bukit Merah, Ipoh ianya sedang disiasat oleh pihak Polis. Oleh yang demikian saya tidak dapat membuat apa-apa kenyataan mengenainya.

ROMPAKAN BERSENJATA

21. Tuan Mohd. Sam Sailan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah Rompakan Bersenjata yang berlaku di seluruh negara daripada Januari 1987 hingga akhir Jun 1987 dan bandingkan dengan masa yang sama bagi tahun 1986:

- (a) daripada rompakan ini berapa banyak nyawa yang terkorban dan berapa banyak harta yang hilang; dan
- (b) apakah kesannya kepada kredibiliti Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Sosial, Pelaburan dan Industri Pelancongan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bilangan rompakan bersenjata yang dilaporkan di seluruh negara dari bulan Januari 1987 hingga Mei 1987 ialah 415. Manakala jumlah rompakan yang dilaporkan dalam jangkamasa yang sama pada tahun 1986 ialah 434 kes.

(a) kerugian dan kemalangan jiwa akibat dari rompakan-rompakan tersebut adalah seperti berikut:

| | 1987 (Jun-Mei) | 1986 (Jan-Mei) |
|------------------------------------|-------------------|-------------------|
| Kerugian harta benda | \$2,000,000.00 | \$600,000.00 |
| Kemalangan jiwa/ierkor-bin | 2 | tiada |
| Nilai harta yang diperolehi semula | \$60,000.00 | \$90,000.00 |

(b) sukalah saya memberi jaminan di sini bahawa kejadian-kejadian rompakan di negara ini masih terkawal dan tidak menimbulkan kesan-kesan negatif dari segi pelaburan pelancongan dan sebagainya.

HALAL/HARAM BARANG-BARANG PENGGUNA

22. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan pihak manakah yang diberi tanggungjawab menjalankan penyelidikan/kajian dan seterusnya membuat keputusan mengenai HALAL HARAMnya bahan-bahan campuran makanan dan alat-alat soiek yang dikatakan sebagai mengandungi bahan-bahan yang haram. Nyatakan bahan-bahan yang telah dikaji setakat ini hasil rumusan mengenainya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor): Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa 'ad hoc' yang bertanggungjawab untuk membuat kajian dan penyelidikan bagi menentukan halal dan haramnya barang-barang pengguna. Jawatankuasa ini diberi nama 'Jawatankuasa Mengkaji Bahan

Makanan dan Penggunaan Orang Islam' yang dianggotai oleh pakar-pakar sains Islam dari beberapa institusi pengajian tinggi dan Jabatan Kerajaan dan urusetianya ialah Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Bahan-bahan yang telah dikaji adalah metiputi makanan, minuman, alat solek, bahan pencuci, ubat-ubatan, berus dan alat-alat sukan.

Kajian dibuat atas permintaan pihak pembuat, atau orang ramai ataupun apabila timbul sungutan orang ramai melalui akhbar-akhbar. Keputusan dari kajian tidaklah diisyiharkan kepada orang ramai sebaliknya pihak pembuat atau pengeluar itu sendiri yang membuat perisytiharan itu.

KEBAJIKAN BEKAS PERAJURIT

23. **Dato' Zainal Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan bentuk "keistimewaan" dan "kemudahan" kepada bekas perajurit yang menggadaikan nyawa mereka untuk ketenteraman dan keamanan negara.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kerajaan sentiasa memandang berat terhadap kebijakan bekas-nekas perajurit khasnya mereka yang berpangkat rendah dan berusaha untuk mengambil tindakan bagi mengatasi masalah-inasalah dan kesulitan mereka. Satu Bahagian telah ditubuhkan di Kementerian Pertahanan iaitu Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit untuk mengendalikan segala hal mengenai bakal dan bekas perajurit.

Hasrat Kementerian Pertahanan ialah untuk mewujudkan bakal dan bekas perajurit yang dapat berdikari. Untuk mencapai hasrat ini Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit melalui

Program Pembangunan Bakal dan Bekas Perajurit menumpukan aktiviti-aktiviti kepada usaha-usaha untuk memberi latihan kemahiran, latihan keusahawanan, kemudahan-kemudahan mendaftar pekerjaan dan penyertaan di rancangan-rancangan tanah FELDA.

Di antara keistimewaan yang telah disediakan kepada bakal dan bekas perajurit ialah:

- (i) menggalakkan lebih ramai bakal bekas perajurit yang ttada berkemahiran supaya mengikuti kursus ketukangan di Institut Kemahiran Kementah (IKK) Sungai Buloh. Institut ini memberi latihan dalam 9 kursus ketukangan. Sejak ditubuhkan dalam tahun 1982 sehingga Januari 1987 seramai 3,773 bakal dan bekas perajurit telah mendapat latihan ketukangan di IKK.
- (ii) menghubungi Pusat-pusat Latihan yang lain seperti Institut Kemahiran MARA. Pusat Latihan Belia (Dusun Tua), Pusat Latihan Kemahiran Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor dan Perbadanan Kraftangan supaya menambah bilangan tempat yang dikhaskan bagi bakal bekas perajurit. Ini adalah untuk kursus-kursus yang tidak diadakan di Institut Kemahiran Kementah. Sejak tahun 1980 sehingga Januari 1987 keempat-empat Pusat Latihan tersebut termasuk IKK telah memberi kursus ketukangan kepada sejumlah 1,884 bakal bekas perajurit. Kementerian ini akan terus mendapat kerjasama daripada Pusat-pusat Latihan yang sedia ada agar latihan ketukangan dapat diberi kepada bakal bekas perajurit.
- (iii) mengadakan berbagai jenis kursus usahawan baik dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit ataupun dengan kerjasama agensi-agensi Sektor Awam atau Sektor Swasta di Institut Kemahiran Kementah (IKK). Dalam tahun 1986 seramai 3,773 bakal dan bekas perajurit telah menghadiri kursus berbentuk usahawan di IKK. Adalah dijangka bilangan ini akan bertambah dengan minat yang ditunjukkan oleh bakal bekas perajurit untuk mengikuti latihan keusahawanan ini. Daripada maklumbalas yang diterima kursus-kursus usahawan menjadi asas yang baik untuk seseorang bakal bekas perajurit dapat memulakan perniagaannya.
- (iv) mencalonkan lebih ramai bekas perajurit mengikut kursus-kursus berbentuk pertanian dan ternakan yang dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan. Kursus-kursus ini ialah seperti kursus Ternakan Ayam, Kursus Perikanan Ikan Air Tawar. Kursus Feedlot, Kursus Cendawan, Kursus Memproses Makanan dan lain-lain lagi. Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit akan mengkaji bidang-bidang pertanian/ternakan serta kursus-kursus yang sesuai bagi mereka.
- (v) melalui pegawai di Cawangan Negeri, Bahagian Hal Ehwal bekas Perajurit akan menyusuli

perkembangan bekas peserta Kursus Usahawan supaya bimbingan dapat diberi sehingga tahap kejayaan pelancaran projek usahawan mereka.

- (vi) merapatkan perhubungan yang sedia ada antara Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit dengan pihak-pihak yang mengeluarkan lesen, permit dan premis perniagaan supaya tumpuan mereka diberi kepada bekas perajurit yang ingin memasuki bidang-bidang yang berkaitan.
- (vii) mengadakan ceramah/kursus berbentuk penyesuaian diri dan berbentuk "kemajuan kerjaya" bagi bekas-bekas perajurit yang ingin mencari kerja di pasaran buruh. Pada tahun 1986, seramai 2,562 bakal bekas perajurit menghadiri kursus ini sebelum menjalani latihan peralihan mereka.
- (viii) meneruskan perhubungan di antara Kementerian dan majikan-majikan yang besar baik di Sektor Awam mahupun di Sektor Swasta supaya golongan bekas Perajurit dapat diberi tumpuan besar dalam soal pekerjaan.
- (ix) meningkatkan perhubungan dengan pihak FELDA supaya pencalonan daripada golongan bekas perajurit serta penempatan mereka di tanah-tanah rancangan FELDA dapat dilaksanakan dengan teratur. Penempatan bekas-bekas perajurit di rancangan tanah FELDA dari tahun 1971 sehingga 1985 ialah seramai 7,829 orang.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertahanan bagi membuat bekas perajurit mengatasi masalah-masalah sosio-ekonomi mereka terutamanya bagi anggota berpangkat rendah lebih merupakan penekanan ke atas aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang diberikan oleh pihak Kementerian ini. Selaras dengan usaha-usaha untuk melahirkan bakal dan bekas perajurit yang boleh berdikari usaha-usaha Kementerian ialah ke arah memberi latihan kemahiran dan usahawan dan panduan terhadap memulakan penghidupan awam.

WANG CAGARAN ELEKTRIK

24. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (i) adakah beliau sedar bahawa Wang Cagaran Elektrik adalah lebih tinggi dan tidak mengikut ukuran umpamanya Wang Cagaran dari MR. 50.00 di kawasan Luyang ke MR. 320.00 di kawasan Penampang, dan mengapa; dan
- (ii) adakah Kementeriannya akan membuat pertimbangan tentang keseimbangan Wang Cagaran yang dikenakan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datok Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa wang cagaran yang dikenakan berbeza mengikut kawasan. Walau bagaimanapun jumlah sebenar anggaran wang cagaran yang dibayar oleh pengguna adatlah berbeza-beza kerana wang cagaran yang dibayar adalah bergantung kepada anggaran bil pengguna selama dua (2) bulan bagi tiap-tiap pengguna.

Oleh kerana tidak ada perbezaan mengikut kawasan, maka tidak timbul soal untuk memperseimbangkan wang cagaran yang dikenakan itu.

MEMAJUKAN MASYARAKAT ORANG ASLI

25. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi melindungi di kalangan masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan-kawasan pendalam dan penduduk setempat agar tidak digunakan oleh pihak anti-nasional dan apakah langkah yang telah diambil bagi pembangunan sosio-ekonomi mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan telah merancang dan melaksana beberapa program dalam usahanya memajukan lagi kehidupan masyarakat Orang Asli di negara ini dan untuk menentukan masyarakat Orang Asli tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir subversif dan anti-nasional. Program-program tersebut dibahagikan kepada dua bidang utama iaitu keselamatan dan pembangunan sosio-ekonomi.

Dalam bidang keselamatan, Pasukan Keselamatan telah ditempatkan di kawasan-kawasan Orang Asli yang menghadapi ancaman dari penganas komunis. Penerangan-penerangan mengenai ancaman ini juga sering diadakan untuk menyedarkan Orang Asli tentang bahaya daayah komunis dan subversif supaya mereka sedar mengenai ancaman tersebut dan menentangnya.

Dalam bidang pembangunan sosio-ekonomi pula, matlamat Kerajaan ialah supaya masyarakat Orang Asli mencapai satu tahap kemajuan yang

seimbang dengan masyarakat-masyarakat yang lain di negara ini. Dalam hubungan ini Kerajaan telah melancarkan berbagai projek dalam bidang pelajaran, kesihatan dan pembangunan.

Dalam bidang pelajaran, Kerajaan telah mendirikan 60 buah sekolah di 19 buah Daerah di seluruh Semenanjung yang diselenggarakan oleh 190 orang guru. Sekolah-sekolah ini dapat menampung seramai 11,593 orang murid.

Kerajaan juga menjalankan beberapa program dalam bidang perubatan dan kesihatan. Program ini dikendalikan bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian Kesihatan dan meliputi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan Doktor Terbang;
- (b) Perkhidmatan Kesihatan Keluarga;
- (c) Perkhidmatan mengawal penyakit berjangkit dan bawaan vektor;
- (d) Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar.

Selain daripada program pelajaran dan kesihatan, rancangan-rancangan pembangunan ekonomi juga dijalankan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Program-program ini dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

- (a) memodenkan sistem dan teknik-teknik pertanian serta perikanan;
- (b) mengembangkan perusahaan-perusahaan kecil;
- (c) mewujudkan Rancangan Pengumpulan Semula yang bertujuan untuk melaksanakan projek pembangunan sosio-ekonomi yang komprehensif dan bersepada di pusat-pusat pembangunan yang diwujudkan.

Ketiga-tiga aktiviti ini telah membolehkan masyarakat Orang Asli melibatkan diri di dalam projek-projek industri kecil, pertanian, perikanan ternakan dan lain-lain secara lebih teratur dan produktif. Lanya dilaksanakan secara integrasi oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan lain-lain agensi pelaksana di bidang-bidang berkenaan seperti FELDA, FELCRA, Jabatan-jabatan Pertanian dan Perikanan, serta pihak berkuasa Pembangunan Wilayah yang lain.

SIARAN RADIO FM

26. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Radio Malaysia mencadangkan supaya siaran FM akan disiarkan ke seluruh Semenanjung Malaysia.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Kementerian Penerangan memang sedar ada beberapa kawasan yang tidak dapat menerima liputan radio melalui gelombang sederhana dengan memuaskan.

Usaha-usaha sedang dibuat untuk meluaskan perkhidmatan siaran Radio FM ke seluruh Malaysia secara berperingkat-peringkat:

- (i) dalam Fasa Pertama Stesen-stesen FM Mono telah pun siap di Bukit Bakar (Melaka), Gunung Keledang (Perak), Ulu Kali (Selangor, sebahagian Negeri Sembilan dan Pahang) dan Gunung Ledang (Johor, sebahagian Negeri Sembilan dan Melaka).
- (ii) dalam Fasa Kedua Stesen-stesen FM telah didirikan di Gunung Pulai (Johor), Gunung

Jerai (Kedah, Pulau Pinang dan sebahagian Negeri Perak) dan Bukit Pelindung (Kuantan).

- (iii) tempat-tempat lain akan dilaksanakan dalam fasa ketiga apabila ada peruntukan kewangan.

PEPERIKSAAN PELAJARAN AGAMA ISLAM—MEWAJIBKAN

27. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan bercadang untuk mewajibkan pelajar-pelajar Melayu dan pelajar-pelajar Islam mengambil peperiksaan pelajaran Agama Islam dan wajib lulus untuk setiap peringkat peperiksaan yang diduduki oleh mereka bermula dari sekolah rendah sehingga ke peringkat universiti. Apakah cadangan ini boleh mempercepatkan usaha Kerajaan untuk memberi erti yang sebenarnya ke arah penerapan dan penghayutan nilai-nilai Islam. Apakah Kementerian Pendidikan bersetuju melalui falsafah pendidikan bahawa Islam adalah sebaik-baik pendidikan dan jika ianya dilterapkan melalui pelajar-pelajar di semua peringkat ianya akan mencapai hasrat negara untuk melahirkan manusia yang seimbang.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mewajibkan pelajar-pelajar Melayu dan pelajar-pelajar Islam mengambil peperiksaan pelajaran Agama Islam di dalam semua peringkat peperiksaan. Bagaimanapun pelajar-pelajar yang beragama Islam di sekolah-sekolah menengah Kerajaan diwajibkan mempelajari matapelajaran ini.

Di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan pula, Kursus Tamaddun Islam dan Pendidikan Islam ditawarkan kepada pelajar-pelajar Islam. Di samping itu nilai-nilai Islam juga diserapkan melalui kegiatan dan aktiviti persatuan, ceramah, dialog dan perbahasan berhubung dengan Islam. Kementerian Pendidikan yakin bahawa usaha-usaha ini boleh mempercepatkan proses penerapan dan penghayatan nilai-nilai Islam di kalangan pelajar-pelajar kita.

PENGANGGURAN — PELUANG PEKERJAAN

28. Tuan Madatang bin Morejal minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah pengangguran yang dihadapi oleh negara kita pada masa ini. Apakah rancangan Kerajaan bagi mengatasi pengangguran di kalangan bekas penunut Sekolah lepasan Tingkatan Tiga, Tingkatan Lima dan Tingkatan Enam bagi negeri Sabah.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Memandangkan keadaan pengangguran yang dihadapi oleh negara kita pada masa ini adalah disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan ekonomi yang lembab, Kerajaan sedaya upaya cuba meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Peluang pekerjaan akan bertambah jika ekonomi negara bertumbuh dengan kadar yang memuaskan .

Untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan. Kerajaan antara lain telah membuat beberapa pengubahsuaian dan kelonggaran dalam dasar-dasar pelaburan. Kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif yang lebih menarik telah

ditawarkan. Prosedur-prosedur pelaburan telah diselaraskan. Demi mencapai tujuan mengatasi masalah pengangguran, pelaburan yang berpotensi mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak adalah digalakkan.

Bagi jangka masa pendek, Kerajaan sedang melaksanakan langkah-langkah yang disyorkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai kemelesetan ekonomi negara. Di antara langkah-langkah tersebut yang dijalankan bagi mengurangkan pengangguran termasuk:

- (i) pembinaan 80,(KH) unit lagi rumah kos rendah setahun dalam tempoh 1986-1988;
- (ii) pengubahsuaian tanah lombong untuk kegunaan pertanian;
- (iii) kerja-kerja membina jalan raya dan jalan-jalan kecil yang banyak menggunakan tenaga buruh termasuk pembinaan jalan kecil dan jalan penyambung bagi menyokong kegiatan pertanian dan industri kecil;
- (iv) pelaksanaan program pembinaan lebuhraya dengan tumpuan ke atas pertambahan penggunaan bahan-bahan tempatan seperti simen, keluli dan lain-lain bagi menambah lagi peluang pekerjaan;
- (v) penyusunan semula peraturan-peraturan yang berkaitan dengan industri penjaja kecil dengan tujuan untuk mewujudkan pekerjaan sendiri;
- (vi) latihan serta program-program melatih semula dalam bidang pertukangan

yang mempunyai peluang pekerjaan bagi penganggur dan mereka yang diberhentikan kerja; dan

- (vii) langkah-langkah menyekat kemasukan baru pekerja-pekerja asing.

Program-program yang disebutkan tadi merupakan langkah-langkah keseluruhan bagi mengatasi masalah pengangguran dai seluruh negara.

PENEROKA FELDA DALAM KEGIATAN DADAH

29. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil kepada anak-anak peneroka FELDA yang terlibat dalam kegiatan Najis Dadah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- 1.1 Di antara 93,673 orang anak-anak peneroka FELDA yang berumur antara 12 hingga 26 tahun, bilangan yang disyaki ialah seramai 1,639 orang dan bilangan yang disahkan betul-betul terlibat dengan penyalahgunaan dadah pula ialah 430 orang.

1.2 Langkah-langkah Pencegahan.

Masalah penyalahgunaan dadah di rancangan-rancangan FELDA telah diberi perhatian serius sejak tahun 1979 lagi. Dalam tahun tersebut, Gabungan JKRR Nasional telah membincangkan perkara ini dan garis-garis tindakan telah ditentukan. Tiga

pendekatan penting telah diambil bagi tujuan pencegahan penyalahgunaan, iaitu:

- (i) pendekatan melalui penerangan/perhubungan.
- (ii) pendekatan melalui aspek pendidikan/latihan.
- (iii) pendekatan melalui kegiatan kemasyarakatan.

Sehingga Mei, 1987, sebanyak 95 ceramah penyalahgunaan dadah telah diadakan di rancangan-rancangan FELDA.

1.3 Pendekatan Melalui Penerangan/Perhubungan.

Langkah-langkah telah diambil untuk memberi penerangan/kesedaran kepada masyarakat rancangan melalui poster, majalah peneroka, tayangan filem dan pameran.

1.4 Pendekatan Melalui Aspek Pendidikan/Latihan.

Dalam pendekatan ii yang bertujuan untuk memberi kesedaran dan kefahaman yang mendalam mengenai bahaya penyalahgunaan dadah, kursus-kursus kesedaran dan ceramah-ceramah khas telah diadakan kepada pelajar-pelajar agama di rancangan-rancangan FELDA.

1.5 Pendekatan Melalui Kegiatan Kemasyarakatan.

Program yang diatur memerlukan kerjasama masyarakat. Melalui pendekatan ini, satu agenda khas mengenai penyalahgunaan dadah dibincangkan dalam mesyuarat bulanan JKRR dengan melibatkan semua ketua-ketua blok.

RAKYAT MALAYSIA DITAHAN DI SINGAPURA

30. Tuan Ngor Thiam Woh minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah yang telah diambil untuk mendapat dua orang warganegara Malaysia Jenny Chin dan Chia Boon Tai dibebaskan daripada tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri Singapura.

30-6-87

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menaja satu rombongan "fact-finding" Parlimen yang dianggotai oleh semua parti ke Singapura untuk menyiasat penahanan 16 orang termasuk dua orang rakyat Malaysia di bawah Akta Keselamatan Negara kerana kononnya terlibat dalam pakatan sulit komunis untuk menumbangkan Kerajaan Singapura yang dipilih, serta melaporkan balik kepada Parlimen.

14. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia berkenaan dengan tahanan Jenny Chin Lai Chin seorang pemberita *New Straits Times* serta seorang jurutera Malaysia Chia Boon Tai oleh pihak berkuasa di Singapura.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan-soalan yang serupa yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Karpal Singh dan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang pada 30hb. Jun.

Peristiwa penahanan 16 orang termasuk 2 orang rakyat Malaysia di Singapura, di bawah Akta Keselamatan Negeri Singapura merupakan hal ehwal dalam negeri

Singapura. Oleh yang demikian tidak wajarlah bagi Kerajaan kita campurtangan dalam hal ehwal Singapura seperti mana juga kita tidak mahu Singapura campurtangan dalam hal ehwal Malaysia.

Setakat ini, Kerajaan Malaysia telah mengarahkan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura untuk menghulurkan bantuan konsular yang diperlukan kepada kedua-kedua orang rakyat Malaysia yang telah ditahan. Pada 20hb. Jun, Jenny Chin telahpun dibebaskan tanpa syarat oleh pihak Kerajaan Singapura.

(Soalan No. 31. Sila lihat jawapan No. 13).

POLARISASI KAUM DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI

32. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa masalah polarisasi kaum di pusat pengajian tinggi sudah bertambah buruk; dan
- (b) jika benar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menyelesaikan masaalah tersebut.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa masalah polarisasi kaum di pusat pengajian tinggi bertambah buruk dan iaanya adalah satu fenomena yang wujud di mana-mana, terutamanya dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan memang memberi perhatian kepada perkara ini dan sentiasa berusaha untuk mengurangkannya dengan mengadakan aktiviti-aktiviti kurikulum seperti kegiatan-kegiatan

pasukan beruniform, sukan, permainan, kelab dan persatuan. Melalui kegiatan-kegiatan seumpama ini, penuntut-penuntut dari semua kaum akan dapat berinteraksi antara satu sama lain bagi memupuk persefahaman, persahabatan, perasaan tolak ansur dan sebagainya untuk membentuk semangat perpaduan di kalangan mereka.

UNIT RAWATAN HAEMODIALYSIS DI HOSPITAL BESAR ALOR SETAR

33. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada benar Unit Rawatan Buah Pinggang di Hospital Besar Alor Star, Kedah telah ditutup akibat kekurangan pakar yang mengakibatkan ke semua pesakit buah pinggang terpaksa pergi ke Kuala Lumpur setiap minggu untuk mendapatkan rawatan;
- (b) jika benar, kenapakah Unit itu ditutup;
- (c) jika tidak, kenapa pula pesakit terpaksa pergi ke Kuala Lumpur yang memakan . belanja yang tinggi;
- (d) kenapa pula setengah unit di Hospital Besar Alor Star hanya melayan kakitangan Kerajaan sahaja.

Setiausaha Parliment Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan): Unit rawatan Haemodialysis di Hospital Besar Alor Setar tidak pernah ditutup semenjak dibuka pada tahun 1984.

Bagi menjawab soalan (c) pula, pesakit terpaksa pergi ke Kuala

Lumpur kerana pada biasanya Pakar Nefrologi dari Jabatan Nefrologi Hospital Besar Kuala Lumpur membuat lawatan tiap-tiap 3 bulan sekali ke Hospital Besar Alor Setar untuk memberi rawatan kepakaran. Oleh sebab pada masa ini terdapat kekurangan pakar-pakar tersebut maka pesakit-pesakit telah dirujukkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan sesulan kepakaran. Peraturan yang sedemikian adalah sementara sahaja sehingga tenaga kepakaran yang berkenaan mencukupi.

Untuk makluman Yang Berhormat semua hospital-hospital Kerajaan termasuk Hospital Besar Alor Setar melayan semua pesakit-pesakit tanpa mengira sama ada mereka pegawai Kerajaan ataupun bukan.

PERKATAAN ALLAH— LARANGAN

34. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebabnya penganut-penganut agama bukan Islam seperti Kristian dilarang menggunakan perkataan Allah sedangkan Kerajaan disebaliknya menggalakkan rakyat supaya mempelajari serta menggunakan Bahasa Malaysia dengan seluas-luasnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Larangan penggunaan perkataan Allah kepada penganut-penganut agama bukan Islam adalah kerana istilah ini adalah istilah Bahasa Arab yang lazim digunakan dalam agama Islam. Tujuan melarang menggunakan istilah-istilah ini adalah untuk memudahkan pembaca menentukan sama ada bahan-bahan yang dibaca itu berasal dari kitab-kitab Islam atau kitab-kitab agama lain.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (T)-PERTUKARAN

35. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, di seluruh Malaysia yang telah diubah kepada Sekolah Rendah Kebangsaan dalam tahun 1970 hingga tahun 1986 dan berapakah antara perubahan ini dilakukan dengan persetujuan PIBG-PIBG berkenaan dan berapakah tanpa persetujuan PIBG tetapi dengan kuasa Menteri Pendidikan sahaja.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah SRJK (T) yang telah ditukarkan menjadi Sekolah Kebangsaan dari tahun 1970 hingga 1986 ialah sebanyak 6 buah sekolah. Semua pertukaran itu berlaku di atas permintaan dan dengan persetujuan PIBG sekolah-sekolah yang berkenaan.

INDUSTRI KAMPUNG DI MARANG

36. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) kawasan-kawasan yang dikenalpasti di daerah Marang untuk menempatkan industri-industri kampung. Apakah rancangan-rancangan yang telah disediakan dan sedang disusun bagi kawasan-kawasan tersebut; dan
- (b) apakah jenis industri kecil yang diberikan keutamaan untuk dibangunkan terlebih dahulu.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (a) Tiada kawasan-kawasan tertentu yang dikhaskan atau

dikenalpasti untuk satu-satu projek kerana bantuan industri kampung ini terbuka kepada orang-orang kampung dan diberi bantuan berdasarkan kepada:

- (a) Permintaan/permohonan.
- (b) Projek tersebut mempunyai dayamaju.
- (c) Pemohon mempunyai kemahiran mendapat latihan.
- (d) Menggunakan sumber-sumber tempatan.

Rancangan-rancangan yang telah disediakan bagi Daerah Marang ialah:

| | |
|-------------------------------------|-----------------------|
| (a) Perseorangan | — 16buah \$101.722 00 |
| (b) Berkelompok | — 2buah \$37.250 00 |
| (c) Koperasi Industri Kampung (KIK) | — 3buah \$100.903.00 |

Jumlah \$23987500

Perusahaan-perusahaan ini meliputi bidang-bidang membuat perabor, kraf kayu, tembikar, anyaman mengkuang dan kercut, memproses makanan seperti keropok dan kerepak, Sekarang ini terdapat 32 buah projek sedang dipertimbangkan untuk dikajisiasat mengenai dayamajunya.

- (b) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberi keutamaan kepada projek-projek yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan, produk industri kampung yang mempunyai pasaran dan pengusahaannya mempunyai kemahiran dalam bidang pembuatan.

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA—PELAKSANAAN

37. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan pelan

komprehensit (selain daripada Rancangan Malaysia Kelima) yang dirancangkan untuk memulihkan ekonomi serta mengembalikan kepercayaan orang ramai, khasnya para pelabur kepada sistem kewangan dan pentadbiran negara. Jika tidak ada rancangan-rancangan seperti ini, maka, bagaimanakah pihak Kerajaan bercadang untuk menghadapi dan seterusnya menyelesaikan masalah persaingan yang hebat serta dasar perlindungan di pasaran antara bangsa supaya ekonomi negara stabil dan kukuh. Jika rancangan komprehensif sudah dibuat, apakah di antara andaian-andaian serta kenyataan-kenyataan yang menjadi asas bagi perancangan sebegini. Bagaimanakah strategi-strategi yang diaturkan itu akan:

- (n) mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara berbanding dengan lain-lain negara ASEAN;
- (b) mengurangkan pergantungan negara kepada pasaran barang utama antarabangsa. Bagaimana rancangan-rancangan seperti ini berbeza dengan dasar-dasar yang tersedia ada untuk membuat sedemikian; dan
- (c) membawa kepada perubahan dalam cara pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, khasnya dalam hal-hal pelaburan, pengembangan kek ekonomi serta pengagihan semula pendapatan.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Babu): Selain dari Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah menggubal dan melaksanakan rancangan yang komprehensif untuk memulihkan ekonomi, sebagaimana yang telah

diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara. Rancangan tersebut bertujuan untuk;

- (a) meningkatkan peluang-peluang pekerjaan bagi mengatasi pengangguran;
- (b) memperbaiki kedudukan imbangan pembayaran dan meningkatkan kegiatan ekonomi dalam negeri;
- (c) memperkuatkan kedudukan kewangan Kerajaan;
- (d) meningkatkan tabungan sektor swasta dan awam; dan
- (e) menggalakkan pertumbuhan pelaburan sektor swasta.

Langkah-langkah yang diambil dijangka akan memperbaiki perkembangan ekonomi dalam negeri. Pencapaian ekonomi yang lebih baik di samping langkah-langkah menggalakkan pengurusan syarikat-syarikat secara jujur akan mengembalikan kepercayaan orang ramai, khasnya para pelabur.

Usaha-usaha juga telah dipertingkatkan untuk meninggikan produktiviti dan mutu keluaran barang eksport supaya bukan sahaja menembusi pasaran antarabangsa yang menghadapi dasar perlindungan yang hebat. Bagi menyokong usaha tersebut Kerajaan telah memudah dan meiuaskan skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport di samping memperbanyakkan perundingan perdagangan dua hala dengan negara-negara asing.

- (a) Strategi yang diambil akan mengukuhkan kedudukan ekonomi negara secara meningkatkan kegiatan

ekonomi dalam negeri terutamanya oleh sektor swasta serta menjamin kestabilan ekonomi jangka panjang dengan berkurangnya defisit akaun sektor awam dan akaun semasa imbalan pembayaran. Pertumbuhan ekonomi negara telah mencatatkan kembali pertumbuhan yang positif sejak tahun 1986 walaupun masih lebih perlahan jika dibandingkan dengan lain-lain negara ASEAN. Walau bagaimanapun, banyak tanda-tanda yang menunjukkan perkembangan ekonomi akan semakin kukuh.

- (b) Bagi mengurangkan pergantungan kepada pasaran barang utama antarabangsa, Kerajaan telah menumpukan usaha mempelbagaikan eksport terutamanya ke arah eksport barang-barang pemataan yang kurang terjejas oleh keadaan turun baik ekonomi di samping mencari pasaran-pasaran baru. Selain dari itu, strategi yang digubal adalah menggalakkan kegiatan ekonomi dalam negeri sendiri. Pada masa-masa yang lalu punca pertumbuhan berasal dari sektor luar negeri tetapi memandangkan suasana ekonomi antarabangsa yang sukar dijangka dengan ketidakpastian yang semakin meningkat, Kerajaan telah mengalihkan usaha-usahanya ke arah menggerakkan sumber pertumbuhan dalam negeri, terutamanya sektor swasta. Di bahagian penawaran berbagai langkah telah diambil untuk menggerakkan kembali sektor pertanian dan pembuatan.
- (c) Strategi anti-kemelesetan secara jangka pendek, sederhana dan jangka panjang juga memberi perhatian terhadap pelaksanaan aspek-aspek DEB, khususnya

dalam bidang-bidang seperti pelaburan dan pertumbuhan pendapatan.

Dalam hal ini, Ahli Yang Berhormat tentu sudah pun maklum mengenai langkah positif Kerajaan melonggarkan syarat-syarat ekuiti di bawah DEB bagi tujuan menarik dan menggalakkan pelaburan asing di negara ini. Di samping itu, tindakan mengkaji semula bentuk insentif perindustrian dan memperkenatkan "package" yang menarik di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1986 telah pun berkuatkuasa. Kerajaan juga telah dan akan terus mengambil langkah-langkah strategi untuk mengerakkan kegiatan pelaburan dari dalam negeri. Pelaksanaan langkah-langkah mempelbagaikan sumber pendapatan luar bandar menerusi kegiatan-kegiatan luar-kebun juga merupakan strategi penting. Pelaksanaan program-program pembinaan seperti perumahan, jalan-jalan dan bekalan air, akan menghasilkan pekerjaan dan sumber pendapatan.

Kerajaan percaya sehingga ini sudah pun ada tanda-tanda positif bahawa ekonomi akan berkembang dan ini memberi harapan ke arah pencapaian hasrat DEB bagi meningkatkan pendapatan rakyat, khasnya golongan luar bandar, peniaga-peniaga kecil dan penganggur.

PEMBUBARAN KEMENTERIAN WILAYAH

38. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan dengan pembubarannya Kementerian Wilayah di peringkat Kerajaan Persekutuan, adakah tugas-tugasnya sama seperti yang dilaksanakan oleh Kementerian

yang lama, termasuk pengendalian peruntukan perbelanjaan pembangunan tahunan. Jika terdapat sebarang perbezaan apakah perbezaan-perbezaan itu; adakah Jabatan baru ini tetap memerlukan perbelanjaan mengurus yang sama seperti dahulu. Jika tidak, mengapa; apakah jumlah pengurangannya. Jika ya, maka adakah ini bermakna dengan penubuhan Kementerian Pelancongan kos perbelanjaan ini. Apakah tambahan dalam bilangan kakitangan baru datam setiap kategori. Adakah ini bermakna Bandaraya mengambil alih semua bidang Kementerian tersebut.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kementerian Wilayah Persekutuan telah dibubarkan pada 20-5-87. Berikutan dengan itu Kerajaan telah menubuhkan Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaraskan segala aktiviti Jabatan/Agenzi Kerajaan dalam Wilayah Persekutuan selain dari mengendalikan urusan dasar mengenai kemajuan dan pentadbiran Wilayah Persekutuan. Oleh kerana Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan itu akan menjalankan kerja menyelaras dan mengendatikan urusan dasar mengenai Kemajuan Wilayah Persekutuan maka Bahagian itu adalah lebih kecil dari segi bilangan kakitangannya. Sungguhpun begitu Bahagian itu akan dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan baik.

Di samping itu Dewan Bandaraya tidak akan mengambil alih semula bidang tugas Kementerian Wilayah Persekutuan dahulu.

Penubuhan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pula tidak melibatkan tambahan kos belanja mengurus kerana tidak ada tambahan jawatan baru diwujudkan.

KEMALANGAN JALAN RAYA

39. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kematian, cedera parah dan ringan atas kemalangan jalan raya bagi tahun 1982 hingga Jun 1987 dan terangkan:

- (a) kes-kes disebabkan merokok, tidak menyalakan lampu besar hadapan dan mendengar muzik ketika memandu kenderaan; dan
- (b) langkah-langkah akan mengurangkan kejadian kemalangan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan kemalangan jalan raya bagi tahun 1982 hingga tahun 1986 adalah seperti berikut:

| Tahun | Kematiian | Cedera Parah | Cedera Ringan | Jumlah |
|-------|-----------|--------------|---------------|--------|
| 1982 | 3266 | 5942 | 14,683 | 23.891 |
| 1983 | 3523 | 6649 | 17,351 | 27.523 |
| 1984 | 3637 | 6593 | 16,383 | 26.613 |
| 1985 | 3603 | 6876 | 14,669 | 25.148 |
| 1986 | 3522 | 6774 | 14,610 | 24.906 |

Perangkaan kemalangan bagi tahun 1987 (Januari hingga Jun) sedang dalam proses penyusunan.

Perangkaan mengenai sebab-sebab kemalangan berpunca daripada merokok, tidak menyalakan lampu besar hadapan dan mendengar muzik ketika memandu kenderaan masih lagi di peringkat awal pemerosesannya.

Berhubung dengan langkah-langkah bagi mengurangkan kejadian kemalangan, tindakan-tindakan berikut sedang diambil:

- (i) mengadakan aktiviti kempen keselamatan jalan raya melalui semua mass media, khususnya kempen di musim perayaan;

- (ii) mengadakan dialog, ceramah dan kursus untuk semua peringkat pengguna jalan raya;
- (iii) menerbitkan Buku Panduan Pendidikan Keselamatan Jalan raya untuk guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah;
- (iv) mengeluarkan filem-filem keselamatan jalan raya yang baru untuk tayangan mulai bulan April, 1987;
- (v) perlaksanaan Borang Laporan Kesalahan Lalulintas Jalan oleh pegawai-pegawai Kumpulan "A";
- (vi) menjalankan tindakan penguatkuasaan secara yang lebih menyeluruh oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak polis.

PENYERTAAN BUMIPUTERA

40. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kerajaan berhasrat untuk menambah penyertaan Bumiputera dari 30% sekarang ini ke 50% seperti yang dilaporkan di dalam akhbar-akhbar sebelum mesyuarat agung UMNO;
- (b) sama ada Timbalan Perdana Menteri seperti mana yang beliau akui, adalah dipertanggungjawab oleh Jawatankuasa khas yang diberi kuasa oleh Majlis Tertinggi UMNO bagi menyemak semula Dasar Ekonomi Baru, khususnya bertujuan untuk menambahkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi Malaysia sehingga ke tahun 2000; dan
- (c) sama ada beliau atau Timbalan beliau telah berbincang dengan parti-parti komponen Barisan

Nasional, khususnya MCA, Gerakan dan MIC tentang menambah penyertaan bumiputera dari 30% ke 50%.

7-7-87

19. Tuan Chua Jui Meng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Jawatankuasa yang dibentuk untuk mengkaji semula Dasar Ekonomi Baru termasuk wakil-wakil dari semua komponen Barisan Nasional; dan
- (b) jika tidak, kenapa tidak.

8-7-87

49. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan kenapa satu perkara penting yang menarik minat umum seperti kajian Dasar Ekonomi Baru (DEB) hanya diserahkan saja kepada UMNO untuk mengkajinya; kenapa semua parti politik yang lain termasuk DAP serta lain-lain kumpulan kepentingan umum tidak diajak berundJng bagi membuat penilaian DEB secara adil dan objektif; seperti yang dijanjikan oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa pandangan umum akan diambil kira sebelum sesuatu keputusan dibuat bagi melanjutkan DEB.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan dari Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye dari Bukit Bintang pada 8-7-87 dan dari Yang Berhormat Tuan Chua Jui Meng dari Bakri pada 7-7-87, kerana soalan-soalan ini adalah hampir-hampir sama maksudnya dengan soalan pada hari ini.

Kerajaan sebenarnya masih belum lagi membuat keputusan muktamad berhubung dengan bentuk dasar baru menggantikan DEB. Kerajaan sedar dan berpendapat bahawa perkara ini memerlukan perhatian dan

perbincangan dengan berbagai pihak. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu merupakan antara hasil perbincangan dan pendapat Jawatankuasa Majlis Tertinggi UMNO mengenai DEB yang saya pengerusikan dan isu-isu tersebut masih lagi di peringkat awalan dan sedang dikaji dengan teliti.

SYARIKAT ASIAN RARE EARTH—KEBENARAN

41. **Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan sudahkah Kabinet mengambil keputusan untuk menutup kilang ARE di Jalan Lahat. Kalau belum, nyatakan sebab-sebabnya.

30-6-87

46. **Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan mengarahkan pihak kilang ARE membenarkan pakar-pakar nuklear yang dilantik oleh penduduk-penduduk Lembah Kinta masuk memeriksa dan mengambil bacaan "radiation" di dalam lingkungan kilang sebagai satu syarat untuk membenarkan kilang itu terus berfungsi. Kalau tidak boleh, berikan sebab-sebabnya.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Seputih untuk dijawab pada besok 30 Jun 1987 kerana ianya mempunyai maksud yang sama.

Kerajaan telah membenarkan Syarikat Asian Rare Earth menjalankan "kendalian sementara" setelah dipastikan bahawa syarikat tersebut mematuhi semua syarat-syarat keselamatan yang ditetapkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom. Syarat-syarat keselamatan itu adalah setanding (equivalent) dengan standard-standard antarabangsa.

Pematuhan syarat-syarat keselamatan yang ditetapkan tersebut dapat memastikan bahawa aktiviti Syarikat Asian Rare Earth tidak akan menjadikan keselamatan serta kesihatan penduduk-penduduk di sekitar kilang tersebut.

Kerajaan melalui Lembaga Pelesenan Tenaga Atom juga telah mengawasi aktiviti Syarikat Asian Rare Earth terschut dengan rapi dan mentapati bahawa paras-paras dcdahan sinaran pada tempat-tempat, sama ada di dalam kilang ataupun di persekitaran kawasan kilang, adalah di bawah had-had yang telah disarankan oleh badan antarabangsa iaitu International Commission on Radiation Protection (ICRP). Ini monuntukkan bahawa aktiviti syarikat tersebut tidak menjadikan keselamatan serta kesihatan pekerja-pekerja syarikat tersebut ataupun orang awam di sekitar kawasan kilang-kilang tersebut.

BERNAMA—PEMALSUAN/PUTAR BELIT BERITA

42. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menten Penerangan menyatakan penemuan pcnyiasatan awam yang dijalankan oleh BERNAMA ke dalam aduan yang clibuat terhadap pemalsuan dan putarbolitan berita oleh BERNAMA yang dibuat oleh Timbalan Pengurus Jawatankuasa Perhubungan UMNO Johor. Datuk Shahrir Abdul Samad dan mengapa penemuan-penemuan tersebut tidak diumumkan.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Lembaga Pengelola BERNAMA telah merujukan aduan yang dibuat oleh Timbalan Pengurus Jawatankuasa Perhubungan UMNO Johor kepada Majlis Penyeliaan BERNAMA pada 24 Februari, 1987.

Majlis Penyeliaan BERNAMA telah pun membuat penyiasatannya yang berlangsung pada 24 & 25 Mac dan 6 April, 1987. Mengikut fasil 8 (4) Akta BERNAMA, pendapat dan keputusan Majlis Penyeliaan BERNAMA akan disampaikan kepada Lembaga Pengelola BERNAMA untuk pengetahuan dan tindakan Lembaga tersebut selanjutnya. Hanya Lembaga Pengelola yang boleh mengumumkan pendapat dan perakuan lengkap Majlis Penyeliaan itu. Setakat ini pihak Lembaga Pengelola BERNAMA masih lagi menunggu laporan lengkap dan perakuan dari Majlis Penyeliaan BERNAMA dan Lembaga Pengelola BERNAMA hanya akan mengambil tindakan selepas menerima laporan siasatan tersebut.

PELABURAN KWSP DALAM PASARAN SAHAM

43. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa jumlahkah KWSP telah melabur di dalam pasaran saham dan juga saham bukan-amanah (non-trustee stock) bagi tahun 1985 dan 1986 dan apakah keuntungan dan kerugian yang dialami. Mengapakah KWSP membenarkan pelaburan dalam saham bukan-amanah kerana ianya adalah jelas-melanggar AKTA KWSP. 1951 dan adakah Kerajaan akan mencubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja untuk menyiasat pelaburan KWSP dalam saham-saham dan kehilangan berpuluhan-juta ringgit kerana pelaburan yang tidak waras dan haram dalam saham bukan-amanah.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan pelaburan KWSP secara terkumpul dalam bentuk ekuiti pada akhir tahun 1985 ialah sebanyak

\$529.7 juta. Manakala pelaburan yang sama pada akhir tahun 1986 ialah \$625.6 juta (belum diaudit). Ini merupakan masing-masing 2.22% dan 2.28% daripada jumlah pelaburan KWSP secara keseluruhannya bagi tahun-tahun berkenaan.

Daripada jumlah tersebut, pelaburan dalam saham-saham amanah dan saham-saham bukan amanah adalah seperti berikut:

| | 1985 % (\$ Juta) | 1986 % (5 Juta) |
|--------------------------|------------------|-----------------|
| Saham-saham Amanah | 484.61 | 91.49 |
| Saham-saham Bukan Amanah | 45.09 | 8.51 |
| | 529.70 | 100 |
| | 625.60 | 100 |

KWSP sentiasa mendapat keuntungan ke atas pelaburan-pelaburannya. Pulangan atas pelaburan yang diperolehi oleh KWSP bagi tahun 1986 ialah \$2,081 juta berbanding dengan \$1,828 juta bagi tahun 1985.

Berhubung dengan pelaburan-pelaburan dalam saham-saham, pada akhir tahun 1985, KWSP mengalami kerugian dalam bentuk nilai kertas (paper loss) sebanyak \$42.5 juta, disebabkan oleh kemerosotan nilai dalam pasaran saham. Pada akhir tahun 1986 pula, kehilangan nilai kertas ialah sebanyak \$58.2 juta. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada harga pasaran pada 26hb Jun, 1987, keuntungan nilai kertas (paper gain) pelaburan KWSP dalam saham-saham ialah sebanyak \$141.1 juta.

Pelaburan dalam saham-saham bukan amanah adalah dibuat selaras dengan peruntukan Seksyen 4 (2) (e) Akta KWSP 1951. Oleh itu tidak perlu ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk menyiasat pelaburan KWSP dalam saham-saham.

**PERDANA MENTERI
MEMEGANG POTFOLIO
MENTERI KEHAKIMAN**

44. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab beliau memegang beberapa pottbllo termasuk Menteri Kehakiman.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat adalah lebih berkesan jika komposisi Jemaah Menteri yang tidak merupakan bilangan yang besar. Di mana perlu seseorang Menteri boleh diberi tanggungjawab untuk memegang lebih dari satu pottolio. Ini adalah juga untuk tujuan berjimat cermat dalam masa keadaan ekonomi yang kurang baik.

Bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memegang dua potfolio lain di samping jawatan Perdana Menteri ini adalah satu pengorbanan yang tinggi kerana beliau sanggup menyumbangkan tenaganya kepada tanggungjawab yang begitu banyak. Ini perlu kita semua beri sanjungan yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat.

(Soalan No. 45. Sila lihat jawapan No. 29).

**JUALAN ROKOK HARAM
DI TAWAU**

46. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar dengan kegiatan penyeludupan rokok haram dari Indonesia dan Filipina ke Tawau;
- (b) sama ada beliau sedia untuk mengirim satu pasukan penyiasat dari Semenanjung ke Tawau untuk membantu penyiasat berkenaan dengan

penyeludupan yang mana terlibat dua orang anggota polis dan seorang awam. Kalau tidak, kenapa; dan

- (c) sama ada beliau sedar bahawa penjualan rokok haram di tempat-tempat awam di Tawau adalah tidak terkawal. Apakah tindakan yang telah diambil untuk mencegah ancaman tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang menyedari kegiatan penyeludupan rokok seperti yang dimaksudkan.

Berhubung dengan kejadian penyeludupan yang melibatkan dua orang anggota pohs di Tawau, Kerajaan tidaklah bercadang untuk menghantar satu pasukan penyiasat dan Semenanjung. Pegawai-pegawai Polis yang ditugaskan di Tawau berkemampuan menyiasat dan mengambil apa-apa tindakan yang perlu.

Mengenai soalan yang ketiga yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan kini sedang mengambil langkah-langkah untuk mencegah dan mengawal keadaan. Bagi maksud itu Jabatan Polis, Kastam dan Imigeresen telah diarah untuk meningkatkan usaha-usaha penguatkuasaan. Di samping itu saya menyeru kepada orang ramai supaya memberi kerjasama kepada agensi-agensi penguatkuasa seperti dengan memberi maklumat berhubung dengan penyeludupan ini.

**ADUAN RASMI PENGERUSI
BANK PUSAT KOPERASI**

47. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil siasatan pihak polis berikutan perbuatan aduan rasmi Pengerusi baru Datuk Dr

Nik Hussein Abdul Rahman, Lembaga Pengarah Bank Pusat Koperasi Bhd. (CCB-Cooperative Central Bank Bhd.) di Balai Polis Kuala Lumpur pada 28-1-1987 mengenai penyelewengan-penyelewangan pinjaman di bank tersebut:

- (b) sudahkah bekas Pengerusi Lembaga Pengarah CCB Tan Sri Haji Mohd. Hassan Abdul Wahab disoal-menyoalkan oleh pihak polis berkaitan dengan peranannya khususnya dalam perkara pinjaman-pinjaman besar kepada Encik Vincent Tan Chee Yioun dan syarikat-syarikatnya dan juga dalam perkara pinjaman "lease-and buy agreements" di antara CCB dan anak syarikatnya BPK Credit and Leasing, dan syarikat-syarikat Encik Vincent Tan Chee Yioun;
- (c) sedarkah pihak Polis bekas Pengerusi CCB Tan Sri Haji Mohd. Hassan Abdul Wahab ada kepentingan peribadi dalam syarikat-syarikat Encik Yincet Tan Chee Yioun dan jika sedar mengapa setakat hari ini tidak ada tindakan polis diambil terhadap kesalahan percanggahan kepentingan dalam perkara pinjaman-pinjaman tersebut di atas.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Perkara-perkara yang dibangttkan oleh Yang Berhormat dalam soalannya itu sedang dalam siasatan mendalam pihak Polis. Oleh yang demikian saya tidak dapat membuat apa-apa kenyataan mengenai perkara tersebut.

PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

48. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pertanian menyatakan

apakah langkah-langkah yang lebih berkesan yang akan diambil supaya kepentingan nelayan-nelayan kita dilindungi akibat nelayan-nelayan Negeri Thai yang selalu menceroboh perairan kita.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Langkah-langkah yang positif telah pun dan akan terus diambil di dalam membanteras kegiatan pencerobohan bot-bot menangkap ikan nelayan asing ke dalam perairan perikanan Malaysia, terutamanya bot-bot yang datang daripada Thailand.

Selain daripada mempertingkatkan rondaan di laut, pengawasan udara telah juga diperhebatkan. Operasi-operasi Khas dan bersama telah juga diadakan di antara Jabatan Perikanan dengan lain-lain agensi. Pihak Jabatan Perikanan juga sedang mempertingkatkan lagi kemampuan rondaannya, dari segi kelengkapan dan anggota. Misalnya, bot-bot peronda baru sedang dibina selain daripada latihan-latihan anggota diadakan untuk mempertingkatkan lagi tahap profesionalisme mereka.

Jabatan Perikanan, di dalam usaha-usaha ini sentiasa bekerjasama dengan lain-lain Agensi Penguatkuasaan Maritim, termasuk TLDM, Polis Merin, Unit Udara Polis dan TUDM.

Selain daripada itu kerja-kerja penyelarasan penguatkuasaan undang-undang Akta Perikanan 1985 adalah juga dijalankan oleh pihak Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim, yang mana adalah juga dianggotai oleh pihak Jabatan Perikanan.

Usaha-usaha membanteras pencerobohan ini telah mencapai kejayaan yang agak besar di mana pada tahun 1985, 77 buah bot telah ditangkap sementara bagi tahun 1986 pula, sejumlah 117 buah bot telah ditangkap. Bagi tahun 1987 pula, setakat akhir bulan Mei, 1987 sejumlah 38 buah bot asing telah

ditangkap dan didakwa di Mahkamah. Hasil daripada rondaan-rondaan yang giat ini juga, bilangan pencerobohan yang dilaporkan oleh pihak nelayan tempatan telah juga berkurangan jika pun tidak sama sekali.

Yang demikian juga, walaupun kegiatan pencerobohan ini boleh dikatakan adalah terkawal, namun pihak Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah bukan sahaja bagi menangkap bot-bot asing yang menceroboh itu tetapi juga bagi melindungi kepentingan nelayan-nelayan tempatan kita. Tindakan keras akan juga terus diambil terhadap bot-bot asing ini termasuk merampas bot dan alat menangkap ikan mereka, jika didapati bersalah kerana mencerobohi perairan perikanan Malaysia.

BANGUNAN GANTIAN SRJK (C) BUNTUNG

49. Tuan P. Patto minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai sebarang rancangan untuk mengganti bangunan kayu SRJK (Cina) Buntung N/V, Ipoh yang sudah wujud selama lebih tiga puluh tahun dengan sebuah bangunan konkrit yang moden dan lengkap dengan kemudahan-kemudahan moden, jika ya, berikan detail rancangan itu; dan jika tidak, mengapa.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang merancang untuk membina bangunan gantian bagi menggantikan bangunan yang lama dan uzur. Walau bagaimanapun, perlaksanaannya wajarlah dilakukan berperingkat-peringkat. Keutamaan hendaklah diberikan kepada projek-projek yang sangat perlu dan mendesak sahaja, termasuklah sekolah-sekolah di

kawasan pendalaman dan sekolah-sekolah daif di bandar. Ini termasuklah sekolah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat.

GRADUAN DI BAWAH SKIM PERKHIDMATAN SEMENTARA

50. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah graduan-graduan yang bekerja di bawah Skim Perkhidmatan Sementara di Semenanjung Malaysia. Sabah dan Sarawak pada masa kini; dan berapakah jumlah graduan-graduan yang dimenggar akan memasuki skim ini menjelang 1 Julai 1987. Jika pengambilan jumlah graduan-graduan untuk bekerja di bawah skim ini dikurangkan mengapa.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Hajji Mohamed Nor: Jumlah graduan-graduan yang bekerja di bawah Skim Khidmat Sambilan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

| | |
|----------------------|-------|
| Semenanjung Malaysia | 3,733 |
| Sabah | 187 |
| Sarawak | 80 |
| Jumlah .. | 4,000 |

Jumlah graduan-graduan yang dianggarkan akan memasuki skim ini menjelang 1 Julai 1987 adalah bergantung kepada keperluan dan kemampuan Kerajaan daripada masa ke semasa.

PELAJAR SABAH—BANTUAN BIASISWA

51. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah penuntut Sabah di luar negeri yang telah mendapat bantuan dari Kementeriannya setelah biasiswa mereka dihentikan oleh

Kerajaan Negeri Sabah dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu penuntut-penuntut tersebut.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan belum memutuskan lagi bilangan biasiswa atau bantuan yang akan diberikan kepada pelajar-pelajar yang ditamatkan biasiswa mereka oleh Kerajaan Sabah. Kementerian Pendidikan dan beberapa agensi Kerajaan Pusat sedang mengkaji semua kes pelajar berkenaan. Pelajar-pelajar yang layak dan sesuai sahaja akan dipertimbangkan untuk diberi bantuan yang berpatutan.

RASUAH—USAHA PENCEGAHAN

52. **Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan berapa buruknya amalan rasuah termasuk rasuah moral yang melanda Negara kita; apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah atau mengurangkan amalan rasuah ini, berapakah orang yang ditangkap dan dituduh dalam mahkamah sejak 1985 hingga 31-5-1987 dan sama ada Kerajaan akan memperkenalkan undang-undang supaya membolehkan harta benda pengamal rasuah itu dirampas selepas mereka didapati salah mahkamah, jika tidak. mengapa.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Masalah rasuah adalah masalah universal. Hampir seluruh negara di dunia ini dilanda oleh kegiatan rasuah. Yang berbeza ialah tahap dan keluasan amalan tersebut di antara sebuah negara dengan negara yang lain. Badan Pencegah Rasuah sentiasa mengambil langkah-langkah yang serius untuk mencegah segala bentuk rasuah yang berlaku di negara ini. BPR sentiasa melipatgandakan usaha-usaha pencegahan dengan mengambil tindakan yang tegas dan

berterusan tanpa mengira kedudukan, taraf dan keturunan seseorang itu mengikut keterangan dan peruntukan Undang-undang Negara. Sementara itu langkah Kerajaan di dalam menerapkan nilai-nilai Islam khususnya di dalam perkhidmatan awam merupakan satu langkah yang boleh mengurangkan rasuah moral. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan oleh BPR selain dari mempergiat serta menyegerakan perisikan dan siasatan untuk mencegah dan mengurangkan amalan rasuah adalah seperti berikut:

- 1.1 menganjurkan kempen pencegahan rasuah melalui sessi ceramah, dialog serta perbincangan dengan Jabatan/Agensi Kerajaan, Pertubuhan-pertubuhan Sukarela, Penuntut-penuntut Sekolah serta orang ramai;
- 1.2 memperakukan supaya diambil tindakan tata tertib ke atas pegawai/kakitangan Kerajaan yang didapati telah melakukan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa;
- 1.3 mengkaji tatacara kerja dan sistem pengurusan di Jabatan-jabatan Kerajaan bertujuan untuk mengesan dan mengenalpasti akan kelemahan-kelemahan yang boleh membuka peluang berlakunya amalan rasuah. Sekiranya ada BPR akan membuat laporan dan perakuan supaya sistem tatacara kerja berkenaan dipinda agar peluang-peluang rasuah dapat dihapuskan.

Sejak tahun 1985 hingga akhir bulan Mei 1987, sejumlah 675 orang telah ditangkap kerana berbagai kesalahan rasuah dan seramai 444 orang telah didakwa di mahkamah.

Mengenai soalan akhir Ahli Yang Berhormat itu, suka saya nyatakan bahawa undang-undang telah pun sedia ada di bawah seksyen 6 (3) Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1970, memberi kuasa kepada Hakim Mahkamah Tinggi membuat perintah untuk merampas harta-harta yang dipercayai diperolehi dan perbuatan rasuah. Selain daripada itu, peruntukan di bawah Seksyen 13 Akta Pencegah Rasuah, 1961 telah menetapkan bahawa Mahkamah boleh memerintahkan seseorang yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan rasuah itu membayar balik sejumlah wang atau nilai yang sama banyak dengan suapan yang diterima olehnya kepada pihak Kerajaan. Hukuman seumpama ini seolah-olah merupakan rampasan ke atas wang atau harta yang terlibat dengan perubatan rasuah tersebut.

(Soalan No. 53. Sila lihat jawapan No. 17).

ROMPAKAN BERSENJATA DARI PENDATANG HARAM

54. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bahawa pendatang haram adalah terlibat kepada beberapa banyak rompakan bersenjata yang melibatkan harta dan nyawa sejak kebelakangan ini. Nyatakan jumlahnya dan pada Januari, 1987 hingga akhir Jun 1987 dan perbandingan dalam jangka yang sama bagi tahun 1986;
- (b) apakah tindakan Kerajaan terhadap pendatang haram yang terlibat dan perancangan untuk mengurangkan jenayah serupa ini berleluasa berlaku.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) dan bulan Januari hingga Mei 1986, sebanyak 25 kes samun bersenjata yang melibatkan pendatang haram Indonesia dan 56 kes melibatkan pendatang haram Filipina telah berlaku berbanding dengan 8 kes samun bersenjata melibatkan pendatang haram Indonesia dan 12 kes melibatkan pendatang haram Filipina dari tempoh yang sama tahun ini.
- (b) Kerajaan telah mengambil tindakan perlu bagi mencegah kejadian-kejadian jenayah oleh pendatang-pendatang haram tersebut. Antara langkah-langkah yang diambil ialah;
 - (i) pihak Polis, lenteru, kastam dan imigresen telah diarahkan memperketatkan rondaan di laut dan di sempadan darat bagi mencegah kemasukan pendatang haram;
 - (ii) mempergiatkan ikan maklumat bagi mengesan sindiket penyeludupan pendatang haram;
 - (iii) Jabatan Pendaftaran diarahkan mengemaskini peraturan-peraturan pendaftaran;
 - (iv) mengenakan hukuman berat ke atas sindiket-sindiket yang ditangkap kerana terlibat dalam kemasukan pendatang haram;
 - (v) mengenakan hukuman berat ke atas pendatang-pendatang haram yang ditangkap kerana terlibat dalam kes-kes jenayah;

(vi) menyemak latarbelakang pekerja-pekerja asing di negara ini bagi mempastikan mereka tidak mempunyai rekod jenayah di negara masing-masing; dan

(vii) mempertingkatkan kerjasama dengan negara jiran bagi mengatasi masalah pendatang haram dari negara-negara berkenaan.

JALANRAYA BEAUKORT— MENUMBOK—KUALA PENYU

55. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada sepanjang jalan raya Persekutuan dari Beaufon ke Kuala Penyu dan Menumbok akan dibubuh tar. Jika demikian, bila.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Sememangnya Kerajaan Persekutuan merancang untuk menaikkan taraf seluruh jalan raya Persekutuan di negara ini, termasuklah jalan raya Beaufort—Menumbok—Kuala Penyu ini di Sabah. Sehingga ini 10% daripada 74km jalan itu telah pun siap dinaikkan taraf. Walau bagaimanapun kerja menaikkan taraf jalan berkenaan telah ditangguhkan buat sementara waktu hingga peruntukan yang secukupnya dapat diperolehi untuk meneruskan penyiapan kerja-kerja menaikkan taraf jalan tersebut.

MATAPELAJARAN AGAMA KRISTIAN DI SEKOLAH KERAJAAN

56. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebab-sebabnya Kementerian beliau melarang mata-pelajaran agama bukan Islam seperti

Kristian diajar di sekolah-sekolah Kerajaan dengan menggunakan guru-guru dan kemudahan-kemudahan sekolah berkenaan sedangkan wang untuk membayarinya datang dari rakyat berbilang kaum yang membayar cukai yang juga digunakan untuk membayai pelajaran agama Islam.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pendidikan tidak melarang pengajaran agama-agama yang lain dari Agama Islam di sekolah-sekolah. Sebaliknya Akta tersebut di bawah Seksyen 38 membenarkan pengurus atau pengelola atau mana-mana orang yang bertanggungjawab atas pengurusan sebuah sekolah yang menerima bantuan membekalkan pengajaran dalam agama-agama selain daripada Agama Islam, tertakluk kepada syarat-syarat berikut (dengan

(a) 'no such provision shall be defrayed from monies provided by Parliament,'

(b) "no pupil shall attend instruction in a religion other than that which he professes, except with the written consent of his parent."

Sekiranya kedua-dua syarat ini dapat dipenuhi, sekolah-sekolah berkenaan bolehlah membekalkan pengajaran agama-agama tersebut kepada murid-murid tetapi pengajaran hendaklah dibuat di luar waktu sekolah berasaskan peruntukan Post-Primary Schools (Courses of Studies) Rules 1962.

KERAJAAN SEMENTARA FUI

57. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar Kerajaan Malaysia telah memberi sokongan moral dan "material" kepada Kerajaan

Sementara Negeri Fiji yang dipimpin oleh Ketua Pasukan Tentera Negeri Fiji bernama Lt. Kol. Sitivini Rabuka dan apakah rational di atas sokongan tersebut.

6-7-87

16. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah dan jenis bantuan dalam diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada Negara Fiji berikutan pengharaman eksport makanan oleh Negara-negara Australia dan New Zealand.

62. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan Fiji telah menghubungi Kerajaan Malaysia untuk membantu mereka mengatasi sekatan eksport yang dikenakan oleh kesatuan-kesatuan sekerja di Australia dan New Zealand dalam bantahan yang terhadap rampasan kuasa oleh pihak tentera ke atas Kerajaan yang dipilih dan jika benar, apakah reaksi Kerajaan Malaysia terhadap permintaan tersebut; dan
- (b) pendirian Kerajaan Malaysia terhadap pentadbiran interim yang tidak dipilih dengan sepatutnya yang ditubuhkan di Fiji selepas rampasan kuasa pihak tentera ke atas Kerajaan yang dipilih.

7-7-87

29. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap pemerintahan baru di Fiji, dan walaupun apapun pendirian yang telah ambil adakah Kerajaan akan menunaikan

permohonan Governor-General Fiji untuk menghantar atau menjual bekalan makanan untuk mengatasi embargo yang dikenakan oleh New Zealand dan Australia.

10-1-87

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian yang diambil oleh Malaysia berikut dengan rampasan kuasa di Fiji baru-baru ini. Adakah Malaysia menghulurkan sebarang bantuan kepada Fiji dan jika ada, adakah Malaysia bercadang untuk mengikut jejak langkah beberapa buah negara seperti New Zealand untuk membekukan bantuan terhadap Fiji buat sementara waktu sehingga keadaan di Fiji pulih seperti sediakala.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang serupa yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib dan Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat pada 6hb Julai 1987, Yang Berhormat Dato Dr Alnuddin bin Haji Omar pada 7hb Julai. Yang Berhormat Tuan Nurnikman Abdullah pada 0 hb Julai. 1987.

Kerajaan Malaysia tiada memberi apa-apa sokongan atau bantuan kepada Fiji berikutan rampasan kuasa tentera yang berlaku di negara tersebut pada 14hb Mei yang lalu.

Pada prinsipnya Kerajaan kita sentiasa bersedia memberi bantuan sekadar kemampuan kita kepada negara-negara sahabat yang mengalami kesusahan atas perikemanusiaan. Setakat ini Kerajaan belum dihubungi secara rasmi oleh pihak Fiji tentang rayuan bantuan untuk mengatasi masalah

yang sedang dihadapi. Kerajaan kita belum menghulur apa-apa bantuan kepada Fiji untuk mengatasi masalah itu.

Kerajaan berharap keadaan di Fiji akan pulih semula dengan perdamaian yang berasaskan kepada kehendak dan harapan rakyat negara tersebut. Kerajaan juga berharap semua negara memahami keadaan rumit yang wujud di Fiji dan tidak menggunakan tekanan yang tidak sepatutnya ke atas negara itu untuk mempengaruhi usaha-usaha yang sedang dilakukan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

TERUMBU LAYANG-LAYANG— TUNTUTAN MALAYSIA

58. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai perkembangan kedudukan, masalah tuntutan Vietnam ke atas Pulau Layang-layang di Laut China Selatan; apakah beliau yakin bahawa masalah ini dapat diselesaikan berdasarkan pada janji-janji serta sikap Vietnam pada masa dahulu.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Sempadan maritim Malaysia berdasarkan PETA BARU Malaysia yang diisyiharkan pada tahun 1979 merangkumi beberapa buah pulau, terumbu dan benting. Terumbu Layang-Layang merupakan salah satu daripada pulau yang dituntut bersama oleh Malaysia dan Vietnam.

Vietnam telah membuat bantahan terhadap pengisytiharan PETA BARU Malaysia pada tahun 1979 dengan mengatakan bahawa pembatasan sempadan perairan wilayah dan pelantar benua adalah bertindih dengan sempadannya.

Di dalam pengisytiharan Vietnam mengenai garis asas perairan wilayahnya pada bulan November, 1982, Terumbu Layang-Layang telah

ditunjukkan sebagai sebahagian daripada "archipelago" Truong Sa-nya. (Spratly Island),

Malaysia pula tetah menuntut pulau tersebut sebagai sebahagian pelantar benua negara kita, dan sejak tahun 1983 Kerajaan Malaysia tetah menempatkan anggota tentera kita di pulau tersebut.

Sejak tahun 1979, iaitu tahun pengisytiharan PETA BARU, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah diplomatik untuk membala sebarang bantahan yang mempertikaikan tuntutan kita.

Pada dasarnya kedua-dua negara telah bersetuju untuk menyelesaikan masalah tuntutan bertindih secara rundingan. Langkah-langkah sewajarnya sedang diambil untuk menyediakan pendirian kita sebelum mengadakan perundingan.

KILANG HARAM DI KUALA LUMPUR

59. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lebih daripada 4,000 buah kilang haram yang ada dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkehendakkan lesen perniagaan untuk bergerak oleh pihak berkuasa penguatkuasaan di samping menghapuskan kebimbangan kerana diusir tanpa ditempatkan semula.

Drs Suleiman bin Mohamed: Adalah tidak menjadi tujuan Jabatan ini untuk memberi lesen kepada kilang haram di kawasan yang mereka duduki sekarang. Mereka akan dipertimbangkan untuk diberikan lesen apabila ditempatkan di dalam kawasan yang dizonkan untuk perkilangan yang dimajukan secara teratur. Dengan cara ini, kilang-kilang akan dapat menjalankan operasi di dalam keadaan yang sempurna tanpa mendatangkan bahaya dan pencemaran kepada orang awam.

KILANG HARAM— MENEMPATKAN

60. **Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beberapa orang bekas Menteri Wilayah Persekutuan berulangkali menjanjikan untuk membuka tanah dipelbagai tempat dalam Kuala Lumpur bagi menempatkan kilang-kilang haram tetapi semua janji ini hanya tinggal kosong sahaja. Adakah Menteri bertugas sekarang sedia menuaikan janji-janji itu. Jika ya; apakah rancangan-rancangan dan bilakah dan di manakah tanah atau tapak-tapak akan dibuka untuk tujuan ini; sama ada Kementerian bersetuju dengan pandangan bahawa mana-mana kilang haram yang beroperasi di atas tanah Negeri dan simpanan Kerajaan akan dikeluarkan lesen perniagaan sementara sebelum mereka ditempatkan dengan aman.

Drs Suleiman bin Mohamed: Rancangan untuk mengadakan satu kawasan kilang telah pun dilaksanakan. Pada masa sekarang pemaju yang dipilih sedang menyediakan perancangan kawasan untuk mendapatkan kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tapak yang dicadangkan ialah di atas satu kawasan seluas 164 ekar di Batu 7/2, Jalan Kepong. Kawasan ini akan dimajukan keseluruhannya untuk projek perindustrian berbagai jenis seperti industri kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi yang mampu dimiliki oleh pekilang-pekilang yang terlibat di kawasan berkenaan. Berdasarkan kepada kemajuan perancangan projek. ianya dijangka akan dapat mula dibangunkan selewat-lewatnya pada penghujung tahun 1987.

Kilang-kilang haram telah bergerak tanpa kebenaran untuk sekian lama dan tidak menjadi tujuan Kerajaan untuk memberikan mereka lesen memandangkan kawasan yang

diduduki sekarang tidak sesuai untuk tujuan kilang. Pihak Jabatan ini berharap kilang-kilang tersebut akan memberi kerjasama untuk berpindah apabila projek pembangunan kawasan industri di Batu, 7/2, Jalan Kepong siap kelak.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986 DAN 1987)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada 'Mesyuarat kali ini.'

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai kawalseliaan kenderaan-kenderaan motor dan lalulintas di jalan-jalan dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan jalan-jalan dan kenderaan-kenderaan di atasnya, bagi

membuat peruntukan mengenai perlindungan pihak ketiga terhadap risiko-risiko yang berbangkit dari penggunaan kenderaan-kenderaan motor; bagi membuat peruntukan mengenai penyelarasan dan pengawalan cara-cara dan kemudahan-kemudahan pengangkutan, bagi membuat peruntukan mengenai penyelarasan dan pengawalan cara-cara dan kemudahan-kemudahan pembinaan dan penyesuaian kenderaan-kenderaan motor, bagi membuat peruntukan mengenai maksud-maksud yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESEAN KENDERAAN PERDAGANGAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan kawalseliaan kenderaan perdagangan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Awam; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (PINDAAN)

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

3.32 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga

Pelabuhan Bintulu, 1981 dibaca bagi kali yang kedua. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Lembaga Pelabuhan Bintulu adalah tertakluk kepada Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981, sementara Lembaga Pelabuhan-pelabuhan seperti Lembaga Pelabuhan Kelang, Suruhanjaya Pelabuhan Putau Pinang dan lain-lain pelabuhan adalah tertakluk kepada Akta Lembaga Pelabuhan yang lain. Tujuan pindaan yang dibentangkan ini ialah untuk mengadakan beberapa peruntukan di dalam Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 bagi membolehkan aktiviti-aktiviti di pelabuhan tersebut diswastakan.

Pada masa ini Akta tersebut tidak mempunyai peruntukan bagi tujuan sedemikian. Pindaan ini akan menyediakan peruntukan undang-undang dalam Akta berkenaan supaya penswastaan boleh dijalankan dengan licin apabila Kerajaan membuat keputusan untuk menswastakan pelabuhan ini kelak. Dengan erti kata yang lain tindakan ini akan mempastikan bahawa pelaksanaan penswastaan di masa hadapan adalah berasaskan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat melalui Rang Undang-undang ini adalah hampir serupa dengan pindaan-pindaan yang telah dibuat melalui Akta Lembaga Pelabuhan-pelabuhan (Pindaan) 1986, apabila Lembaga Pelabuhan Kelang diswastakan dahulu dan juga Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1987. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah dengan mengadakan beberapa seksyen baru dalam Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

Seksyen baru 5 (2) (A) adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bagi melesenkan

syarikat-syarikat, atau mana-mana orang untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti di pelabuhan.

Seksyen baru 5 (A) bertujuan memperuntukkan kuasa kepada Lembaga mencebur dalam apa-apa perkiraan bagi berkongsi keuntungan dan sebagainya, dengan mana-mana orang; atau untuk menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan perkembangan mana-mana syarikat. Kuasa ini diberi dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan dengan mendapat persetujuan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Seksyen baru 9 (A) bertujuan memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk melupuskan apa-apa kepentingan mengenai tanah yang terletakhak padanya kepada mana-mana orang atau syarikat yang akan mengendalikan aktiviti pelabuhan. Peruntukan ini adalah selaras dengan Artikel 86 Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen baru 27 (A) adalah bertujuan untuk membolehkan syarikat-syarikat atau mana-mana orang yang diberi lesen di bawah Akta ini untuk menjalankan aktiviti periaburan mengemukakan memorandum kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu untuk mengubah skel cajbayaran yang sedia ada.

Seksyen baru 91 A adalah bertujuan untuk memberikuasa khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa khusus olehnya untuk mengambil alih aktiviti yang telah diswastakan itu apabila berlakunya darurat awam atau bagi kepentingan menjaga keselamatan orang awam. Untuk tujuan pengambilalih tersebut pampasan yang munasabah akan dibayar.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum penswastaan pelabuhan-pelabuhan telah bermula dengan penswastaan Terminal Kontena di Pelabuhan Kelang pada awal tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1987 ini tidak melibatkan perbelanjaan wang bagi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1987 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis.

3.45ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya! Lambat sangat bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta maaf, saya asalnya tidak bersedia untuk mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengemukakan satu cadangan kepada pihak Kerajaan dan pihak Parlimen bahawa mungkin notis ke atas House Business diberitahu

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekurang-kurangnya 3 atau 4 hari sebelum bil-bil dibentangkan. Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan Ketua Audit Negara ke atas Pelabuhan Bintulu sedang dibentangkan di atas meja hari ini sahaja dan saya pun tidak ada masa yang mencukupi untuk mengkaji pencapaian-pencapaian atau kegagalan yang dialami oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu ini. Oleh kerana itu saya tidak begitu bersedia, saya minta maaf dan saya harap sistem Parlimen boleh diperbaiki sedikit pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibentangkan untuk membolehkan pihak Kerajaan menswastakan aktiviti-aktiviti tertentu di Pelabuhan Bintulu. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sudah maklum Pelabuhan Bintulu telah melibatkan pelaburan wang awam yang besar dan merupakan satu bahagian daripada projek pembangunan industri berat dan kompleks di Bintulu sebagai satu pusat pertumbuhan ekonomi di negeri Sarawak. Tujuan asalnya ini baik, tetapi kita mungkin hari ini dapat mengkaji semula apakah kemajuan telah dicapai dengan adanya Pelabuhan Bintulu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Pelabuhan Bintulu serupa dengan Pelabuhan Kelang atau Pulau Pinang sahaja, oleh kerana Pelabuhan Bintulu terletak di dalam negeri Sarawak dan ini melibatkan sedikit masalah Federalisme di konteks pembinaan negara kita.

Yang pertamanya, apabila cadangan ini dibuat dalam tahun 1970an bahawa satu pelabuhan besar di Bintulu diwujudkan, orang ramai atau anak Sarawak tidak begitu faham apakah manfaat akan dibawa secara tindakan ini dan hari ini kita dapat tahu bahawa Pelabuhan Bintulu ini bergantung

kepada eksport Liquefied Natural Gas, dengan izin, serta urea, ammonia, fertilizers baru-baru ini yang merupakan hampir jikalau saya tidak silap 50%-60% barang yang dikendalikan oleh Pelabuhan ini, dan sebagai satu pusat pertumbuhan baru di negeri Sarawak, mungkin dia gagal sedikit oleh kerana tidak begitu banyak downstream aktiviti yang dikeluarkan sebagai akibat projek pembangunan ini.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua. dari segi prospek Federalisma ini soalan harus dibangkitkan sama ada program penswastaan aktiviti-aktiviti pertumbuhan Pelabuhan Bintulu ini akan memberi faedah kepada anak Sarawak yang pertamanya. Oleh kerana satu kompleks jikalau saya boleh memberi nama kompleks perasaan ini atau kompleks insecurity di antara kaum anak Sarawak. Apabila pihak Kerajaan melaksanakan satu projek raksasa di negeri Sarawak, memanglah pihak Kerajaan Persekutuan akan melindungi kepentingannya sendiri di dalam projek ini dengan menggunakan peluang untuk kepentingan pihak Persekutuan sahaja dan supaya salahfahaman ini dapat dielakkan pada masa hadapan, saya harap pihak Kerajaan Persekutuan dapat memastikan bahawa lesen-lesen diberi kepada aktiviti-aktiviti Pelabuhan Bintulu ataupun semua peluang perniagaan dan pengawasan dapat diberi kepada anak-anak Sarawak sebagai satu keutamaan. Oleh kerana sekarang di negeri Sarawak ada satu masalah politik di mana pekerja-pekerja dari negeri-negeri lain seperti Kuala Lumpur, Johor, Negeri Sembilan yang memasuki negeri Sarawak untuk bekerja di dalam negeri Sarawak dan anak Sarawak masih ingat Perjanjian Persekutuan apabila kemerdekaan dicapai pada tahun 1963 yang mana satu syarat yang dipersetujui di antara negeri Sarawak dengan Persekutuan

Tanah Melayu pada masa itu ialah supaya peluang pekerjaan anak Sarawak tidak akan dirompak sebagai satu akibat daripada penubuhan Malaysia.

Akan tetapi saya mendapati bukti-bukti bahawa sekarang pekerja-pekerja duri negeri-negeri di Sernenanjung Malaysia sedang bekerja di projek Masjid Negeri di Kuching dan Hotel Hilton di Kuchmg yang mana semua syarikat pembinaan menggaji pekerja-pekerja dari luar negeri Sarawak. Ini menjadi satu keadaan yang tidak memuaskan kepada anak Sarawak.

Saya harap dalam hal untuk menswastakan aktiviti-aktiviti di Pelabuhan Bintulu ini, keutamaan (priority) harus diberi kepada syarikat-syarikat yang berasas di dalam negeri Sarawak sendiri supaya rakyat Sarawak dapat menggunakan peluang ini untuk meningkatkan taraf pembangunannya, meningkatkan keadaan pendapatannya supaya pembangunan sosio ekonomi negeri Sarawak dapat serupa dengan taraf pembangunan sosio ekonomi negeri Sarawak dapat serupa dengan taraf pembangunan sosio ekonomi di Semenanjung Malaysia ini.

Yang keduanya, sebagai satu projek pembangunan yang besar, Pelabuhan Bintulu tidak berjaya bagi tujuan membangunkan satu "hinterland" di Bahagian Keempat di negeri Sarawak, sampai sekarang pun tidak ada satu jalan raya bagus di antara Bintulu ke Miri supaya barang-barang yang dikendalikan oleh Bintulu dapat diangkut ke Miri secara aman, secara cepat. Maka pembangunan kompleks industri berat di Bintulu secara amnya pun tidak melahirkan downstream activity yang boleh mengakibatkan ataupun mengeluarkan peluang pekerjaan bagi anak-anak Sarawak, khususnya anak-anak mereka yang datang dari kawasan luar bandar yang

mana mereka sekarang susah cari makan sedikit oleh kerana kejatuhan harga barang-barang utama.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyentuh sedikit sebanyak kepada hal ini sahaja dan mungkin ada sekarang pun satu peluang untuk saya memberi satu amaran oleh kerana tanggungjawab saya ialah untuk mengingatkan Dewan yang mulia ini kepada bahaya-bahaya mungkin wujud di negeri Sarawak sekarang oleh kerana dalam negeri Sarawak pada 3-4 tahun yang lalu sudah wujud khabar angin bahawa mungkin kawasan Bintulu akan diambil alih oleh pihak Persekutuan sebagai satu Wilayah Persekutuan seperti Labuan dan saya pun tidak tahu sama ada tujuan ini memanglah tujuan pihak Kerajaan. tetapi kalau satu langkah akan diambil untuk menjadikan Bintulu sebagai kawasan Wilayah Persekutuan, ini akan melahirkan lagi masalah besar di dalam, konteks federalisme. Sekian sahaja.

3.53 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian secara ringkas bagi membahas cadangan pindaan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Memang kita sedar, Tuan Yang di-Pertua, sejak Lembaga Pelabuhan Bintulu ini ditubuh dan beroperasi, ianya banyak memberi faedah dan manfaat kepada rakyat negeri Sarawak khususnya, tetapi saya agak terkilan sedikit dengan pandangan daripada salah seorang Yang Berhormat sebentar tadi kerana malah dalam isu-isu seperti ini pun dicubakan segala daya upaya untuk dipoliticiskan dengan menekankan kononnya apabila Lembaga Pelabuhan Bintulu

ini diswastakan nanti. kerja-kerja dan kemudahan-kemudahan wajar diberi kepada rakyat negeri Sarawak. Sememangnya kita sedar pada prinsipnya, saya juga ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada jumlah kakitangan yang sedang bekerja di Lembaga Pelabuhan Bintulu ini, berapakah anak-anak daripada negeri Sarawak dan berapakah jumlah daripada rakyat negeri-negeri Semenanjung.

Saya membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab kita penuh yakin projek-projek seperti ini yang dilangsungkan di negeri-negeri dalam negeri Persekutuan sudah barang tentulah anak-anak tempatan akan diberi peluang yang lebih. Walau bagaimanapun, kita juga harus tidak terperangkap dengan sikap yang saya anggap negatif ini, kerana seperti Lembaga Pelabuhan Bintulu ini, satu pelabuhan yang agak besar, yang mempunyai potensi yang besar, kalau ianya dimaju, dipimpin, diurus dengan sempurna dan kita harap apabila ianya diswastakan kelak, bukan sahaja ianya menjadi sebuah pelabuhan yang boleh diurus secara profesional, tetapi ianya boleh menambahkan pekerjaan yang lebih banyak kepada rakyat Malaysia amnya.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan negatif tadi ialah walaupun kita mengatakan keutamaan itu diberi kepada anak-anak tempatan ataupun Sarawak, tetapi 50 hektar tanah yang diperuntukkan yang dikenalpasti untuk diswastakan bagi tujuan berbagai-bagai kegiatan, saya kira ianya tidak harus kita had kepada rakyat negeri Sarawak semata-mata, tetapi pada prinsipnya kita bersetuju majoriti keutamaan diberi kepada rakyat negeri Sarawak, tetapi saya kira ianya harus didedahkan peluang-peluang ini kepada seluruh rakyat Malaysia kerana Lembaga Pelabuhan Bintulu perlukan kepada kegiatan-kegiatan yang profesional, yang

meyakinkan, kerana pada jangka masa akan datang nanti, jika ada pelabur-pelabur luar daripada Semenanjung Malaysia ataupun dari mana-mana sahaja, ianya mempercepatkan lagi kegiatan-kegiatan di Pelabuhan Bintulu sebagaimana yang saranan dan hasrat yang dikehendaki oleh Yang Berhormat yang berucap sebentar tadi.

Saya percaya konsep dan approach ini lebih berkesan dalam kita mengendalikan projek-projek seperti Pelabuhan Bintulu ataupun manapun projek ekonomi tetapi kalau kita sempitkan setiap projek-projek dalam pada satu ketika, kita bercakap kegagalan-kegagalan projek yang dianjurkan oleh Kerajaan, tetapi kita lupa pada prinsip-prinsip tertentu dalam bidang perniagaan di mana kadang-kadang oleh kerana sentimen-sentimen tempatan kita terpaksa membuat keputusan-keputusan yang tidak tepat dari segi viabilitinya, dari segi ekonominya, tetapi jika Kerajaan mengambil tindakan yang demikian, maka susulan dengan itu timbulah pula isu-isu politik. Inilah konflik nilai politik dalam kita membicarakan soal-soal sesuatu program ataupun projek-projek, lebih-lebih lagi seperti Lembaga Pelabuhan Bintulu ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, sekadar sedikit pandangan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.57 ptg.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan juga Yang Berhormat dari Pasir Mas dan saya terima kasih juga khususnya kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas yang pada pendapat

saya telah banyak menjawab apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching bagi pihak saya dan membantu saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bandar Kuching menimbulkan rasa sentimen yang berkaitan dengan federalisme. Rasa saya sebagai sebuah negeri Sarawak di dalam negara Malaysia tidak sewajarnyalah sensitiviti seperti itu sentiasa ditimbulkan dan pihak Kerajaan Persekutuan juga pada pendapat saya memang sepanjang masa menimbangkan kepentingan-kepentingan rakyat dalam satu-satu kawasan. Yang Berhormat mengatakan tidak bersetuju dengan pindaan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu ini kerana tak sama dengan yang lain, Apa yang saya maksudkan sama ialah dari segi mengadakan peruntukan untuk menswastakan pelabuhan itu, samalah seperti dengan pindaan yang telah kita buat bagi pelabuhan-pelabuhan lain yang ada di seluruh negara kita Malaysia. Memanglah pada masa ini kegiatan-kegiatan yang terdapat di Pelabuhan Bintulu memang terhad kepada menyalurkan gas-gas cecair asli untuk dieksportkan keluar negeri. Maka dengan hasrat untuk memberikan aktiviti downstream Kerajaan mempunyai pandangan masa depan iaitu pandangan jauh untuk membolehkan penswastaan kerana dengan adanya aktiviti penswastaan ini membolehkan penswastaan ini sudah tentulah berbagai aktiviti akan dilaksanakan dan ini akan memberikan faedah kepada anak Sarawak.

Jadi saya berharap anak Sarawak tidaklah merasakan bahawa mereka ini akan dieksploitasi pula oleh kerana apa juga faedah-faedah atau pun keuntungan-keuntungan yang didapat dari Pelabuhan Bintulu itu bukanlah digunakan oleh Kerajaan Pusat untuk

kawasan Malaysia Barat sahaja misalnya, kerana semua keuntungan-keuntungan yang didapat oleh pihak Kerajaan adalah digunakan untuk seluruh negara. Harapan iaitu apabila adanya aktiviti-aktiviti downstream dan adanya penswastaan supaya keutamaan diberikan kepada anak-anak Sarawak, rasa saya ini akan dibincangkan bila masanya tiba dan sudah tentulah tawaran-tawaran penswastaan itu akan dikaji oleh pihak Kerajaan mengikut viabilitinya dan yang mana satu tawaran yang boleh memberikan keuntungan dan faedah serta manfaat bukan sahaja keuntungan kewangannya tetapi juga faedah dan manfaat kepada rakyat di seluruh negara dan khususnya bagi rakyat Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pecahan pekerja-pekerja yang diminta oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi, lebih kurang 90% daripada pekerja di Pelabuhan Bintulu adalah terdiri-danpada anak-anak Sarawak. Cuma 10% sahaja lagi adalah pekerja-pekerja yang berasal dari Semenanjung ataupun dari Sabah dan mungkin agaknya ada daripada negara-negara lain.

Mengenai pekerja-pekerja yang ada menjalankan kerja di projek-projek lain itu, rasa saya tidaklah berkaitan dan tidak berhak bagi saya untuk memberikan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan dilutuskan.

Pada masa ini Akta Penerbangan Awam 1969 tidak mengandungi peruntukan spesifik yang membolehkan Kerajaan melaksanakan penswastaan. Sejarah dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan pihak swasta di dalam berbagai aktiviti Jabatan dan agensi Kerajaan adalah perlu tindakan diambil bagi mewujudkan peruntukan-peruntukan ataupun, dengan izin. enabling Clauses di dalam Akta ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.05ptg.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan untuk mengadakan pindaan ini kepada Akta Penerbangan Awam 1969 ialah bagi mengadakan peruntukan-peruntukan yang akan membolehkan Kerajaan melaksanakan penswastaan di masa hadapan bagi Jabatan Penerbangan Awam sama ada secara menyeluruh ataupun secara terhad untuk aktiviti-aktiviti tertentu sahaja.

Peruntukan-peruntukan pindaan yang dicadangkan adalah bagi membolehkan Kerajaan melibatkan pihak swasta di dalam pengurusan aktiviti-aktiviti tertentu Jabatan Penerbangan Awam. Penyertaan pihak swasta ini boleh diadakan di dalam berbagai bentuk iaitu seperti memberi lesen kepada mana-mana pihak untuk mengusahakan mana-mana aktiviti Jabatan Penerbangan Awam ataupun mengadakan aturan perkongsian dengan mana-mana pihak yang berminat.

Pindaan-pindaan yang dikemukakan adalah bagi tujuan mewujudkan peruntukan perundangan bagi Akta tersebut untuk membolehkan Kerajaan melaksanakan penswastaan dan akan merangkumi aspek-aspek berikut:

- (i) Memberi kuasa terus kepada Yang Berhormat Menteri membenarkan atau memberi lesen kepada mana-mana orang atau syarikat untuk menjalankan atau mengambil alih aktiviti-aktiviti yang dijatankan oleh Jabatan Penerbangan Awam;
- (ii) memberi kuasa kepada Jabatan Penerbangan Awam mencebur dalam apa-apa aktiviti perkiraan berkongsi keuntungan, usahasama dan kerjasama dengan mana-mana orang atau syarikat dan juga untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965;
- (iii) orang atau syarikat yang telah diberi kuasa atau diberi lesen tersebut hendaklah memperolehi persetujuan Yang Berhormat Menteri sebelum membuat apa-apa perubahan dalam segala bayaran yang ada ke atas perkhidmatan yang dilesenkan itu;

- (iv) memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk membuat pelupusan tanah-tanah yang diberi milik kepada Persekutuan, kepada pihak-pihak swasta yang berkenaan untuk digunakan bagi maksud-maksud Persekutuan selaras dengan peruntukan Perkara 86 Perlembagaan; dan
- (v) memberi kuasa khusus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau mana-mana pegawai-pegawai yang diberi kuasa khusus olehnya untuk mengambil alih aktiviti yang telah dilesenkan kepada pihak swasta apabila berlakunya darurat atau bagi kepentingan keselamatan awam dan untuk tujuan pengambilan-alih tersebut pampasan yang munasabah akan dibayar.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempererusikan Mesyuarat*)

Pindaan-pindaan untuk memasukkan peruntukan penswastaan di dalam Akta tersebut adalah untuk menentukan bahawa pihak Kerajaan mempunyai perundangan yang sah apabila melaksanakan rancangan penswastaan. Adalah perlu diterangkan di sini bahawa perbekalan-perbekalan penswastaan yang dicadangkan itu adalah merupakan cadangan atau, dengan izin, enabling Clause sahaja untuk digunakan apabila Kerajaan telah membuat keputusan untuk menswastakan Jabatan Penerbangan Awam ataupun mana-mana aktiviti Jabatan tersebut.

Selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan bagi rancangan penswastaan, Jawatankuasa Penswastaan yang diwujudkan di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri akan terus

menyelaraskan semua cadangan mengenai penswastaan dan hanya setelah keputusan diperolehi melalui Jawatankuasa tersebut maka Menteri Pengangkutan dan badan-badan yang berkenaan itu akan menggunakan kuasa di bawah peruntukan-peruntukan yang dicadangkan itu bagi tujuan melaksanakan keputusan Kerajaan bagi penswastaan tersebut. Dengan adanya peruntukan yang sedemikian rancangan Kerajaan mengenai penswastaan akan dapat dikendalikan dengan lebih licin dan berkesan kerana peruntukan-peruntukan perundangan yang menyokong langkah tersebut sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perusahaan Awam (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.10ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 1987 yang telah dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri secara ringkas dan di samping itu untuk menyampaikan beberapa pandangan saya mengenai Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana tadi telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Rang

Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 1987 bertujuan sebagai pembuka jalan kepada penswastaan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Penerbangan Awam pada suatu masa kelak dengan memberi kuasa kepada Menteri bagi memberi lesen kepada mana-mana syarikat atau firma, orang atau orang-orang untuk mengusahakan mana-mana aktiviti Jabatan yang berkenaan.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bahawa apabila pihak Kerajaan bercadang untuk menswastakan maka dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, ini akan merupakan satu jalan di mana pihak Kerajaan akan memutuskan sama ada sebahagian atau pada keseluruhannya aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Penerbangan Awam ini dapat dilaksanakan.

Saya tidak ada apa-apa bantahan terhadap Rang Undang-undang ini. Jika ianya demi kepentingan awam maka aktiviti-aktiviti Jabatan Penerbangan Awam terpaksa diswastakan. Tetapi saya ingin menggunakan kesempatan dalam perbahasan ini untuk menghuraikan satu aspek yang harus dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan apabila Kerajaan telah memutuskan untuk menswastakan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerbangan Awam pada masa sekarang dan itu ialah mengenai aspek-aspek pengurusan dan penyelenggaraan lapanganterbang-lapanganterbang.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa jika mana-mana penswastaan aktiviti Jabatan Penerbangan Awam perlu dilakukan, maka pihak Kementerian berkenaan mestilah mempastikan bahawa sesuatu penswastaan itu akan mengingkatkan lagi kecekapan pelbagai perkhidmatan yang pada masa sekarang dijalankan oleh Jabatan Penerbangan Awam

berkaitan dengan apa yang tadi, saya telah sentuh iaitu mengenai pengurusan dan penyelenggaraan semua lapanganterbang awam di negara Malaysia.

Pada hakikatnya pengurusan dan penyelenggaraan yang ada dikendalikan sekarang oleh Jabatan Penerbangan Awam di semua lapanganterbang di negara kita boleh diperbaiki lagi dan saya berharap ini boleh dilakukan jika ianya diswastakan pada masa yang akan datang.

Saya ingin mengambil Lapanganterbang Antarabangsa Subang sebagai satu contoh. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa bidang-bidang yang sepatutnya dikaji untuk diperbaiki atau dipertingkatkan lagi ialah:

- (i) meningkatkan kecekapan di Bahagian Kawalan Lalulintas Udara (Air Traffic Control);
- (ii) memperbaiki landasan-landasan pendaratan;
- (iii) memperbaiki masalah pendingin udara di bahagian penumpang yang kerapkali berlaku kerosakan, termasuk juga aspek-aspek yang lain berhubung dengan menambahkan lagi kecekapan perkhidmatan untuk penumpang-penumpang dan orang ramai yang seharusnya diberikan perhatian.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membangkitkan persoalan keselamatan di lapangan terbang yang saya harap akan tetap dikaji, diperbaiki dan dikemaskankan dari masa ke semasa.

Apabila saya mengkaji Rang Undang-undang pindaan ini, saya dapati bahawa di bawah Seksyen 24D Rang Undang-undang yang

dicadangkan seseorang atau mana-mana orang yang diberi kuasa atau diberi lesen di bawah Akta dikehendaki mengemukakan memorandum kepada Menteri bagi mana-mana perubahan pada pembayaran-pembayaran yang ditetapkan di bawah mana-mana peraturan. Saya merasa ini sangat penting kerana pihak Kerajaan mesti mengambil kira kepentingan para penumpang dan orang-orang yang menggunakan lapanganterbang-lapanganterbang meskipun aktiviti-aktiviti ataupun perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan yang berkenaan akan diswastakan pada masa yang akan datang.

Pada masa ini Jabatan Penerbangan Awam mengutip pelbagai fee atau bayaran di lapangan terbang-lapangan terbang. Adalah menarik perhatian ramai bahawa jika perkhidmatan ini diswastakan syarikat berkenaan mungkin menaikkan bayaran atau fee kerana menggunakan lapangan terbang yang mana akan meninggalkan akibat kepada para penumpang dan orang ramai.

Satu perkara yang dimaksudkan itu ialah mengenai cukai Lapangan Terbang, ataupun, dengan izin, Airport Tax. Cukai Lapangan Terbang pada pendapat saya tidak sepatutnya dinaikkan yang boleh menjaskan para penumpangnya apabila perkhidmatan ini ataupun aktiviti ini yang dijalankan oleh Jabatan yang berkenaan akan diswastakan pada satu masa kelak. Maka kelulusan Kementerian mestilah diambil terlebih dahulu sebelum apa-apa perubahan dibenarkan dalam bayaran dan fee yang ada sekarang berikutnya penswastaan aktiviti-aktiviti atau perkhidmatan itu. Kerajaan haruslah menolak mana-mana permintaan untuk menambah bayaran atau fee yang didapati kurang adil.

Di samping itu saya juga ingin menyentuh Seksyen 24D (2). Saya dapat bahawa apa yang terkandung dalam Seksyen 24D (2) ini ada menyatakan bahawa jika tiada jawapan diterima dari Menteri berkenaan mengenai memorandum yang dikemukakan dalam tempoh 6 bulan, perubahan dalam bayaran-bayaran yang sedia ada sebagaimana terkandung dalam memorandum hendaklah berkuatkuasa apabila tamat tempoh itu. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengapa diperlukan tempoh selama 6 bulan untuk menimbangkan memorandum dan memberi satu jawapan. Kenapa tidak permintaan ini dapat diselesaikan secepat mungkin yang boleh? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga memberi satu jaminan bahawa orang ramai akan dirundingkan mengenai mana-mana permintaan untuk kenaikan dalam struktur bayaran yang terkandung dalam memorandum apabila memorandum ini disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk pertimbangan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu aspek iaitu mengenai pembangunan lapanganterbang, selepas kelulusan Rang Undang-undang ini dan selepas sesuatu syarikat misalannya dipilih untuk menswastakan apa jua aktiviti yang ditentukan oleh pihak Kerajaan pada satu masa kelak. Saya berpendapat bahawa apabila sesuatu tindakan ataupun sesuatu keputusan telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menswastakan aktiviti-aktiviti yang ditentukan pada satu masa kelak mengenai penswastaan ini, apa juga kutipan yang dibuat oleh syarikat yang berkenaan berkaitan dengan berbagai-bagi bayaran atau fee, maka pembayaran ini ataupun fee ini hendaklah disalurkan untuk pembangunan lapanganterbang

memandangkan hahaha pembangunan lapanganterbang ini merupakan satu infrastruktur yang begitu penting dan begitu mustahak demi pembangunan sesebuah negara.

Ini adalah satu aspek yang saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan ini merupakan satu pandangan dari saya iaitu bahawa syarikat yang dipilih itu nanti untuk penswastaan ini hendaklah diberi tanggungjawab untuk membantu pihak Kerajaan dalam pembangunan lapangan terbang di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya dan sebagai kesimpulan, izinkan saya menyatakan di sini bahawa penswastaan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pengurusan atau penyelenggaraan lapanganterbang awam bukanlah satu perkara yang baru. Ini telah berjaya dilaksanakan di beberapa negara lain. Misalnya lapanganterbang Kai Tak di Hong Kong, adalah satu contoh di mana telah membuktikan bahawa penswastaan lapanganterbang Kai Tak itu telah merupakan satu perkura yang berjaya. Maka di Malaysia adalah diharap penswastaan pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh Jabatan Penerbangan Awam di lapangan terbang di negara kita pada satu masalah kelak dan apabila ianya ditentukan untuk diswastakan, ia akan dapat dilaksanakan dengan licin demi kepentingan orang ramai dan bagi menambahkan kecekapannya.

Itulah pandangan-pandangan saya terhadap Rang Undang-undang yang telah dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

4.26 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tujuan utama Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah untuk membolehkan atau memberi kuasa kepada Jabatan Penerbangan Awam serta Kementerian Pengangkutan bagi menswastakan beberapa kegiatan-kegiatan penerbangan udara. Saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana saya sokong dasar penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak ambil peluang membahaskan sedikit sebanyak dasar penswastaan yang dijalankan oleh Kerajaan dan juga masalah-masalah yang telah berbangkit. Dasar penswastaan dikemukakan dengan beberapa tujuan, misalnya untuk mengurangkan kakitangan-kakitangan Kerajaan dan mengurangkan perbelanjaan pengurusan yang semakin bertambah dan juga supaya memberi peluang kepada sektor swasta menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dengan lebih effisien, supaya aktiviti perniagaan yang rugi yang dijalankan oleh Kerajaan diambil-alih oleh sektor swasta dan kemudian boleh menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua. pada permulaannya dasar penswastaan Kerajaan disambut dengan baik, dengan semangat tinggi oleh sektor swasta. Tetapi malangnya akhir-akhir ini sektor swasta bersikap sinis sedikit sebanyak terhadap apa-apa usaha penswastaan yang diumumkan oleh Kerajaan. Pihak swasta percaya bahawa dengan cara penswastaan dijalankan, dengan cara dasar ini dilaksanakan sekarang, tujuan-tujuan utama, iaitu mengurangkan saiz kakitangan Kerajaan dan menjadikan perniagaan yang rugi ke perniagaan yang untung, tidak dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, di kalangan sektor swasta ada satu kepercayaan, iaitu apabila Kerajaan menswastakan, usaha yang diswastakan itu diswastakan kepada orang yang salah, bukan kepada pihak yang cukup berpengalaman, yang cukup mampu untuk menjayakan usaha itu; diswastakan kepada orang-orang politik yang berpengaruh, kawan-kawan dan sebagainya. Saya hendak mencadang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan selepas kuasa diberi oleh Dewan yang mulia ini supaya beliau memberi perhatian berat kepada cara penswastaan dijalankan, supaya diswastakan kepada pihak swasta yang betul, usaha diberi kepada syarikat atau orang yang betul. Sekiranya satu perniagaan di bawah jagaan Kerajaan rugi, dan selepas diswastakan lagi rugi, walaupun yang rugi itu sektor swasta, bukan Kerajaan, negara keseluruhannya rugi. Oleh yang demikian, saya berharaplah Yang Berhormat akan memberi perhatian berat supaya penswastaan dijalankan dengan betul dan dengan ini, mendapat balik keyakinan pihak swasta kepada dasar penswastaan, suatu dasar Kerajaan yang amat baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tumpang peluang ini membangkitkan satu perkara yang ada kaitan dengan Jabatan Penerbangan Awam tetapi tidak berkait dengan begitu langsung dengan Rang Undang-undang ini. Saya lihat bahawa beberapa tahun ini Jabatan Penerbangan Awam telah melantik sebagai Ketua Pengarah orang-orang yang bukan pakar dalam penerbangan awam, bukan orang-orang teknik. Saya tidak minta Ketua Pengarah yang ada sekarang ditukar, tetapi saya hendak ambil peluang ini memberi pandangan saya untuk pertimbangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, iaitu mengkaji semula prinsip ini dan seberapa banyak yang boleh dengan beberapa cepat yang mungkin

melantik seorang pakar teknik dalam bidang penerbangan awam untuk mengetuai Jabatan Penerbangan Awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi Ketua Pengarah Penerbangan Awam serupa dengan fungsi Ketua Pengarah Jabatan Kerjaraya. Di Jabatan Kerjaraya, apabila timbul masalah teknik dalam bidang kejuruteraan dan kalau peringkat bawah tidak dapat mengatasi masalahnya, perkara ini dirujuk ke atas sehingga kepada Ketua Pengarah Kerjaraya. Beliau merupakan Chief Engineer bagi negara kita. Misalnya, beliau tentukan sama ada pelan untuk suatu jambatan betul atau tidak. Kalau pelan jambatan tidak baik dari segi kejuruteraan, jambatan boleh jatuh selepas dibina. Begitu juga dengan fungsi Ketua Pengarah Penerbangan Awam. Beliau melesenkan pesawat-pesawat menerbang, Beliau membentarkan lorong udara digunakan oleh mana-mana pesawat. Beliau mengesahkan bahawa kemudahan-kemudahan pendaratan malam cukup atau tidak dan sebagainya. Oleh yang demikian beliau patutlah berasal dari seorang pakar dalam penerbangan awam. Betul, kalau beliau bukan pakar, beliau boleh bergantung kepada penasihat teknik yang pakar tetapi kalau dapat, lebih baik beliau seorang pakar. Beliaulah yang menjaga keselamatan penerbangan udara dan sesiapa pun yang menggunakan udara Malaysia tentulah rasa lebih yakin dan selamat sekiranya orang yang menguasai udara itu seorang pakar dalam penerbangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak pandangan saya. Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

4.38 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor); Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas di bawah Rang Undang-undang bernama Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh Rang Undang-undang tersebut dan semasa kita membahas dan juga menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri berkaitan, dua tiga aspek yang kita harus memberi perhatian yang penting. Terlebih dahulu penswastaan bidang seperti bidang penerbangan di negara kita harus dialu-alukan, tetapi semasa kita menswastakan bidang seperti ini, kita harus juga mengkaji sepenuh-penuhnya sebagaimana kita boleh membawa lebih perkhidmatan kepada rakyat dan pelancong-pelancong ke negeri kita dan semasa itu, kita tidak dapat naikkan pembayaran di atas perkhidmatan tersebut.

Oleh kerana di mana-mana negeri di mana penswastaan telah berlaku adalah satu masalah yang kita sentiasa menghadapi, iaitu kita dapat pembayaran di atas perkhidmatan itu juga dinaikkan. Oleh itu, saya ingin membawa kepada perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu kita harus mengkaji cara-cara yang tain untuk mengetahui sebagaimana kos penswastaan ataupun kos pemaju yang akan ambil alih di atas penswastaan itu boleh menaikkan perkhidmatan tanpa kutipan ataupun pembangunan daripada setiap orang yang menggunakan perkhidmatan itu telah dinaikkan.

Saya ingin menyentuh di sini satu dua aspek sebagaimana kita boleh menaikkan perkhidmatan tanpa mendapat lebih kutipan daripada pengguna perkhidmatan ini. Satu, ialah untuk menaikkan bilangan orang-orang yang menggunakan

perkhidmatan itu melalui sistem membawa lebih pelancong dan juga orang-orang luar negeri kepada negara kita. Apabila kita boleh dapat lebih pengguna-pengguna untuk perkhidmatan penerbangan awam ke negara kita, saya rasa jumlah kutipan juga boleh dinaikkan dan dengan jumlah kutipan itu saya rasa kita tidak payah dapat lebih kadar pembayaran daripada setiap orang yang menggunakan perkhidmatan penerbangan awam kita.

Selain daripada itu, ada juga cara yang lain di bawah mana Kerajaan boleh mengkaji dengan sepenuh-penuhnya sebagaimana kita boleh membawa lebih pelancong dan juga lebih orang yang berminat bagi melabur di negara kita. Saya rasa dengan pelaburan yang lebih yang akan dilakukan di negara kita, lebih orang daripada luar negeri akan melawat negara kita dan dengan ini kita boleh dapat lebih orang menggunakan perkhidmatan penerbangan awam kita, dan dengan ini kita boleh dapat lebih kutipan dan juga menaikkan mutu perkhidmatan kepada semua yang menggunakan perkhidmatan tersebut.

Selain daripada itu, saya ingin juga membawa kepada perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan iaitu beberapa aspek lain yang harus dikaji juga, untuk menaikkan bilangan pelancong dari luar negeri. Ada beberapa kali kita dapat kompleks ataupun laporan daripada ejen-ejen pelancong yang menyatakan perkhidmatan cukai dan juga perkhidmatan imigrasi di penerbangan awam kita begitu lambat dan seorang pelancong daripada luar negeri terpaksa mengambil masa sekurang-kurangnya 20 ataupun 30 minit untuk keluar daripada bidang imigrasi dan kawasan kastam di penerbangan awam kita. Inilah satu perkara yang kita harus kaji sepenuh-penuhnya kerana orang-orang pelancong secara umumnya telah

membelanja beberapa jam dalam kapal terbang dan apabila dia sampai ke satu tempat seperti Kuala Lumpur dia tidak ingin untuk membuang masa yang begitu lama di Lapanganterbang kita. Oleh itu, kita harus mengkaji sebagaimana kita boleh melicinkan perkhidmatan daripada segi imigrasi dan juga daripada segi kastam. Sebagai contohnya, di lain-lain negara yang telah membangun ada beberapa "green" lane di bawah mana beberapa banyak pengguna-pengguna penerbangan awam itu boleh diserahkan tetapi nampaknya di dalam lapanganterbang Kuala Lumpur kita lebih daripada 90% orang telah dapat peperiksaan dan dengan pemeriksaan itu yang mengambil masa yang begitu lama, pengguna lapanganterbang kita telah pun dihalang untuk menggunakan lapanganterbang kita. Saya dengan ini ingin memohon kepada Menteri yang berkenaan untuk mengkaji sebagaimana kita boleh melicinkan penggunaan lapanganterbang kita dan juga sebagaimana kita boleh membawa lebih pelancong-pelancong dan juga pelabur-pelabur kepada negara kita. Perkara ini akan menaikkan penggunaan lapanganterbang kita dan ini akan menaikkan pendapatan melalui sistem penswastaan tersebut. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian. terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.44 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian bagi membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 yang mana Akta ini boleh dinamakan Akta Penerbangan Awam 1987 yang sebentar tadi telah pun

dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Pengangkutan.

Sebelum saya memberi sedikit pandangan dan pendapat daripada diri saya sendiri, saya juga merasai iaitu Rang Undang-undang ini yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini terlalu lewat diterima oleh kami semua. Oleh itu, saya mengharapkan di masa akan datang sebagaimana yang telah sudah apa salahnya Rang Undang-undang ini dihantar lebih awal dahulu kepada ahli-ahli di tempat-tempat penginapan ataupun di rumah-rumah yang ada di Kuala Lumpur ini supaya dapat dikaji dan dapat membahaskan dengan secara detail, kerana Rang Undang-undang inilah satu Rang Undang-undang yang patut diterima oleh pihak Kerajaan. Jika sekiranya hanya kita membahaskan sahaja apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya rasa tidak dapat sejelas-jelasnya bagi pihak kami untuk memberi penerangan. Saya bukan tujuan kepada Rang Undang-undang ini sahaja, tetapi Rang Undang-undang yang lain juga, umpamanya, tadi Rang Undang-undang Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu begitu juga, dan sekarang baru diterima Rang Undang-undang ini.

Sungguhpun begitu, saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu bagi membolehkan penerbangan awam diswastakan di masa-masa yang akan datang. Ini satu langkah yang begitu baik. Kita tidak mahulah ada pihak-pihak yang lain yang mengambil kesempatan untuk menyuarakan apa sahaja yang dibuat oleh pihak Kerajaan semua ada bantahan, bantahan itu saya rasa sepatutnya adalah bantahan yang kena pada tempatnya. Tetapi Rang Undang-undang ini adalah untuk menolong

negara kita maju lagi, menyenangkan rakyat di dalam negara kita ini, umpamanya, penerbangan awam ini supaya rakyat kita dapat pergi dari satu tempat ke satu tempat dengan senang. Di samping itu jikalau ada masa-masa darurat ataupun masalah-masalah peribadi masing-masing ada penerbangan-penerbangan untuk pergi dengan seberapa segera sama ada keluarga meninggal dunia, kemalangan dan seterusnya. Di samping itu juga pihak ahli-ahli perniagaan akan dapat memendekkan masa mereka untuk menjalankan perniagaan mereka. Dengan keadaan ini negara kita akan lebih maju lagi dengan adanya penerbangan-penerbangan ini dan juga usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk diswastakan sebagaimana yang diterangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penerbangan awam ini kita tahu di tiap-tiap negeri kita boleh dikatakan telah pun ada lapanganterbang yang telah sedia ada, yang telah pun kapalterbang-kapalterbang kita sendiri turun dan membawa penumpang-penumpang iaitu terhad tempat-tempatnya. Umpamanya di Seremban tidak ada, di Melaka ada, Johor Bahru di Senai, Kuantan, Kota Bharu, Alor Setar, Ipoh dan seterusnya. Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan sungguhpun penswastaan ini akan dijalankan, kita mengharapkan di samping penswastaan ini kajian harus juga dibuat oleh pihak Kementerian sendiri. Kita tidak mahu nanti satu-satu projek yang telah dijalankan itu akan menjadi gajah putih ataupun terbengkalai begitu sahaja, tidak mendapat hasil.

Umpama satu contoh, apabila kita hendak mengadakan Persidangan PATA tahun 1986 yang lalu, kita telah pun tergesa-gesa menyediakan satu lapanganterbang di kaki Gunung Tahan. Apa yang saya dapat tahu lapanganterbang itu telah disiapkan

dalam masa 5 minggu, kalau tidak silap saya dengan perbelanjaan \$1.5 juta. Syarikat yang membuat lapanganterbang itu telah pun menyediakan tempat itu oleh kerana dikehendaki oleh pihak PATA untuk membawa pelancong-pelancong yang datang di Persidangan PATA itu, tetapi malangnya apabila lapanganterbang itu siap, hingga ke hari ini—iaitu empat, lima hari yang lepas, saya membaca dalam akhbar tempatan kita mengatakan dan menunjukkan gambar-gambar keretakan-keretakan dan juga lapanganterbang yang telah begitu elok disiap sediakan telah ditumbuhinya lalang dan rumah-rumah yang telah disediakan juga telah pun rosak oleh kerana tidak ada pembelaan ataupun penjagaan yang dilakukan oleh pihak kita.

Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan mestilah diadakan penjagaan yang rapi, jangan hanya apabila kita hendak mengadakan lapanganterbang itu, tebang sana dan sini, selepas diadakan dibiarkan begitu sahaja. Ini akan membazirkan wang negara dan hasilnya tidak dapat oleh pihak Kerajaan ataupun sesiapa pun. Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharapkan dengan adanya Rang Undang-undang ini supaya Kementerian yang berkenaan mencari jalan seberapa segera yang boleh supaya ada syarikat-syarikat awam ataupun perseorangan yang hendak menjalankan usaha penerbangan ini rasa saya dijalankan dengan seberapa segera yang boleh kerana apa yang saya dapat tahu pelancong-pelancong memang ramai pergi melawat ke Gunung Tahan dan Taman Negara di sana yang memakan masa 6 jam mengikut dalam suratkhabar dan kalau naik kapalterbang hanya 45 minit sahaja boleh sampai di kaki gunung itu dan mengambil masa lagi dalam setengah jam akan sampailah ke tempat yang hendak dituju.

Oleh itu, kita haraplah supaya apa yang saya sebutkan tadi iaitu supaya pihak Kerajaan dapat mencari mana-mana syarikat sungguhpun pada suatu masa kalau tidak silap saya ada syarikat yang telah ada untuk menjalankan, tetapi telah tergendala begitu sahaja. Apa sebab-sebabnya kita pun tidak tahu, kemungkinan Yang Berhormat Menteri dapat menjawabnya nanti sebab-sebab yang saya sebutkan tadi.

Soal-soal yang lain dalam penswastaan ini juga sebagaimana saya sebutkan tadi tempat-tempat yang lain banyak lagi. Jikalau benar-benar pihak Kerajaan dan pihak swasta hendak menjalankan perniagaan, rasa saya perniagaan ini amat lumayan kerana kita lihat sekarang penerbangan dari Kuala Lumpur ke Ipoh boleh dikatakan tiap-tiap petang, tiap-tiap hari penuh; kadangkala tidak dapat tempat, kena tempah dua hari baru dapat tempat, lebih-lebih lagi bila ada keramaian dan sebagainya, mesyuarat dan seterusnya, tidak dapat. Begitu juga di kawasan-kawasan yang lain. Hanya yang kita berkehendakkan supaya pihak Kerajaan ataupun pihak-pihak yang berkenaan supaya mengawal dengan rapi, jangan hanya melepaskan batuk di tangga sahaja. Kalau kita buat, kita buat betul-betul, saya rasa hasilnya akan dapat menolong dari segi ekonomi negara kita ini.

Oleh kerana orang-orang kita sekarang ini semuanya sudah pandai, sudah berduit dan mereka ini di dalam berniaga kemungkinan mereka ini hendak pergi segera ke satu-satu tempat, mengadakan temuduga ataupun sebagainya dapat dijalankan seberapa segera yang boleh, tetapi janganlah pula kapalterbang-kapalterbang ini nanli bila sudah ada pula macam-macam masalah yang timbul. Sekarang pun rasa saya masalah-masalah itu juga timbul.

Umpamanya kelewatan waktu yang telah ditetapkan. Umpamanya pukul 6.30, kadangkala sampai 7.30, pukul 8.00 baru penerbangan dapat dijalankan. Oleh kerana gendala-gendala ini kita tidak tahu, kadangkala bisik-bisik mereka kata: Apa sebab lambat? Kerana tak cukup penumpang. Ada pula mengatakan apa sebabnya lewat ini, kononnya pilotnya belum datang dan ada kalanya pula mengatakan ada silap sana, silap sini. Biasa kita dengar perkara-perkara yang seumpama itu, tetapi yang sebenarnya kita tidak tahu.

Oleh itu, dalam masalah ini juga kita takut kalau ini diulang-ulang, lama kelamaan orang-orang yang hendak naik kapalterbang ini, yang hendak pergi ke tempat atau destinasi yang hendak dituju dengan seberapa segera, mereka ini mengatakan: Kalau 6.30 kita tahu, kita jalan pukul 6.00, kita sudah sampai di tempat yang kita hendak tuju. Tetapi oleh kerana kelewatan ini tadi, kadangkala membosankan penumpang-penumpang yang lain dan yang akan datang juga. Itulah sebab-sebabnya kadangkala orang-orang ini tidak mahu naik kapalterbang kemungkinannya. Dalam masalah ini kita berkehendakkan supaya penerbangan itu dijaga dengan rapi. Kemungkinan 6.30 kalau terlewati 5 minit tak mengapalah, tetapi jangan sampai 50 minit, satu jam ataupun kadangkala dibatalkan sehingga apa yang hendak dibuat tak dapat. Perkara ini saya rasai sendiri. Dua, tiga kali perkara ini berlaku pada diri saya sendiri. Oleh itu, dalam masalah inilah apa yang kita buat kadangkalanya tergendala segala-galanya.

Dalam soal yang lain, tadi pun ada diterangkan supaya lapanganterbang kemungkinan akan boleh dibuat di kawasan-kawasan yang lain. Saya suka menyokong di atas cadangan-cadangan ini. Umpamanya sekarang pun kita telah ada Kementerian yang

baru iaitu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang telah diwujudkan iaitu dengan kehendak Kerajaan kita sendiri iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk membawa lebih ramai pelancong-pelancong ke dalam negara kita ini dari luar negeri.

Oleh itu, dalam masalah ini tempat-tempat peranginan dan tempat-tempat yang boleh dilawati di kawasan-kawasan kita ini jauh-jauh antara satu dengan lain dan bila menaiki kenderaan memakan masa dua, tiga jam ataupun empat jam ataupun setengah hari. Umpamanya dari sini ke Cameron Highlands. Saya rasa Cameron Highlands belum ada lagi lapanganterbang yang boleh dituruni oleh kapalterbang yang kecil-kecil untuk membawa penumpang-penumpang, skyvan dan sebagainya yang mana kita lihat ada di lapanganterbang antarabangsa sekarang ini. Begitu juga di Pulau Lumut dan di kawasan-kawasan yang lain. Umpamanya di Fraser's Hill juga perlu diadakan juga di kawasan-kawasan yang difikirkan perlu sama ada di Malaysia Barat dan juga di Malaysia Timur. Dengan adanya ini rasa saya lama kelamaan apa yang dihajati oleh pihak Kerajaan kita akan berhasil akhirnya, tetapi pengawalan yang rapi ini harus dijaga dengan betul-betul. Kita tidak mahu pengawalan ini hanya sementara waktu sahaja, akhirnya apa juga projek-projek yang kita buat gagal segala-galanya.

Soal yang lain, umpama hendak membuat lapanganterbang baru tentulah sebagaimana kata Yang Berhormat yang saya dengar tadi semasa saya di luar kerana saya terlewat sedikit, pergi berjumpa doktor, saya dengar di sana, kalau tak silap saya, izinkan saya, kalau tersilap, salah; beliau mengatakan boleh diambil tanah dan seterusnya. Ini juga kita mengharapkan apabila landasan-landasan lapanganterbang ini

diadakan di kawasan-kawasan yang tertentu, saya mengharapkan juga tanah-tanah yang hendak digunakan itu supaya janganlah pihak-pihak yang berkenaan mencari tanah yang sesuai, yang senang mereka jaiangkan, iaitu melibatkan tanah-tanah rakyat kerana tanah-tanah rakyat yang mereka punyai di dalam negara kita ini tidak banyak, kemungkinan ada satu ekar, dua ekar, kalau dikumpulkan sekali kawasan itu kemungkinan memakan lebih 200 ataupun 300 ekar, telah melibatkan penduduk-penduduk di kawasan tersebut tanah mereka diambil. Oleh itu kita mengharapkan supaya pihak Kerajaan apabila berkehendakkan ataupun pihak swasta yang menentukan tempat-tempat ini, menentukan tidak menjelaskan tanah kepunyaan rakyat yang hanya tinggal satu-dua ekar itu diambil. Kalau boleh pergilah ke kawasan-kawasan sama ada estet yang besar-besar, tanah-tanah tersebut diambil-alih oleh pihak Kerajaan, bukan tanah kepunyaan rakyat sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga kita mengharapkan apabila penswastaan ini dijalankan, kita tidak mahu rakyat melihat, mendengar dan kadang-kalanya menyatakan tidak puas hati. Memanglah sebagaimana saya sebutkan tadi, kita manusia memanglah ada sifat tidak puas hati di sanubarl kita semua.

Umpamanya syarikat ini nanti kita telah buka kepada syarikat-syarikat awam untuk penswastaan ataupun usahasama kita mengharapkan supaya dapat juga pengawasan daripada pihak Kementerian. Kita tidak mahu syarikat-syarikat yang besar yang telah kaya raya, yang telah banyak memiliki syarikat itu dan ini, cawangan itu dan ini, mereka ini diberi peluang sedangkan syarikat-syarikat kecil yang lain yang benar-benar untuk mencari rezeki juga dan mungkin mereka ini ada kepakaran dan ada sedikit sebanyak kewangan hendaklah

diberikan peluang dan janganlah hanya sesatu syarikat besar sahaja. Umpamanya sekarang—tak perlulah saya sebutkan ,nama syarikatnya—banyak syarikat-syarikat yang begitu besar, sehingga kontrak ataupun tender \$100,000 pun dia ambil.

Jadi bagaimakah orang-orang lain akan hidup kerana mereka ini diberi keutamaan. Oleh kerana itu syarikat-syarikat besar ini juga sepatutnya di masa akan datang mendapat sekatan sedikit sebanyak. Jikalau tidak ada lagi syarikat-syarikat yang lain, ini terpulanglah kepada kebijaksanaan kepada Kementerian yang berkenaan, tetapi hanya janganlah tiba si polan itu dengan jawatan dan pangkat dan seterusnya mereka ini diberi tender begitu sahaja, tetapi orang yang benar-benar berkehendakkan, yang telah pun mengeluarkan wang tender atau deposit dan sebagainya dipulangkan balik dan kadangkala hilang begitu sahaja.

Ini akan membosankan syarikat-syarikat lain bukan hanya' atas penerbangan awam sahaja ataupun lapangan terbang. tetapi saya tujukan juga kepada bidang yang lain yang terlibat di dalam penswastaan yang akan diadakan di masa yang akan datang.

Soal yang lain dalam masalah penerbangan ini juga, saya hendak sebutkan soal swasta ini berhubung dengan penerbangan yang ada pada hari ini juga di dalam negeri kita iaitu berhubung dengan perkara yang selalu kita dengar iaiatu pramugari menyebutkan kapal terbang akan berlepas sekian masa, memakan masa sekian lama, minuman ringan akan dihidangkan sebentar lagi dan lain-lain. Kalau dalam kapal terbang Fokker friendship tak apalah, tetapi kajau dalam Boeing 737, kalau mereka duduk di First Class hidangannya berbeza, tetapi kalau kita duduk dalam kelas ekonomi, dapat satu gelas dalam plastik dengan minuman orange

ataupun air lain tetapi kalau kita duduk First Class dengan ada sate dan kuih-kuih yang lain disediakan.

Apa salahnya dihidangkan seperti empat-lima tahun lalu? Rasa saya mula-mula perkhidmatan kapal terbang kita dijalankan dahulu disediakan sama sahaja, sungguhpun tidak ada sate tetapi ada kuih-kuih biskut, sandwitch dan sebagainya disediakan. Tetapi sekarang ini tidak ada benda itu lagi.

Saya rasa ini tak begitu banyak sangat belanjanya bagi menarik penumpang. Kadang-kadang orang ini pagi-pagi buta. 6.30 pagi tak dapat apa-apa minuman di rumah hendak mengejar kapal terbang. Apa salahnya disediakan sama ada nasi iemak, kalau dalam Malaysia ini, apa salahnya nasi lemak disediakan, dihidangkan di dalam kapal terbang dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang umpamanya. Tidak patutlah kalau dengan hanya minuman ringan yang dihidangkan tanpa ada sedikit untuk mengalas perut. Ini juga saya rasa supaya pihak yang berkenaan menyediakan semula makanan ini sama ada btskut ataupun sandwitch ataupun lain-iain kuih-kuih Melayu yang sedap kita makan. Ini hendaklah dihidangkan dengan air-air yang telah saya sebutkan tadi dan tidak sebagaimana sekarang ini hanya First Class ataupuh yang di depan sahaja diberi minuman dan yang di belakang hanya minuman biasa sahaja. Ini ada yang dibeza-bezakan.

Rasa saya sungguhpun pembayaran itu ada lebih sedikit, tetapi apa salahnya disediakan sedikit kuih-muih yang ada dalam negara kita ini yang dibuat oleh kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, soal-soal yang lain yang mana kita harap apabila penswastaan dapat dijalankan dengan baik di bawah Akta Penerbangan ini nanti. sebagaimana saya sebutkan tadi kita akan dapat memperkenalkan negara kita kepada orang luar dan di samping itu dapat juga di dalam kapal

terbang ini juga, saya sudah lupa tadi supaya dapat disediakan juga risalah-risalah yang menerangkan hal negara kita, rakyat kita sendiri pun di Malaysia ini saya rasa kebanyakannya pun tak tahu mana tempat-tempat bersejarah dan tempat-tempat peranginan di kawasan-kawasan tertentu.

Umpamanya di Ipoh di mana tempat-tempat yang sesuai, Kota Bharu, Kelantan dan sebagainya, apa salahnya disediakan juga risalah-risalah yang menunjukkan tempat-tempat yang patut boleh kita pergi selain daripada mereka itu dapat berjalan melihat kawasan-kawasan yang hanya ditetapkan itu.

Selain daripada itu juga dalam penerbangan ini juga besok jikalau disediakan dan telah pun dijalankan patut juga dikaji tentang tambang supaya tambang ini jufa dapat diseimbangkan di dalam negeri ini. Mungkin yang pergi ke luar negeri itu tak perlulah, mungkin orang-orang kaya yang berada yang akan pergi ke luar negeri tetapi di dalam negeri kita, penerbangan dalam negeri kita sendiri, saya rasa supaya dapat tambang ini dikurangkan ataupun dapat dirasai oleh semua rakyat. Kita tahu dalam negara kita ini, rasa saya, tidak berapa persen rakyat yang pernah naik kapal terbang terutamanya orang-orang kampung. Jikalau sekiranya mereka diberi peluang dengan harga yang murah saya rasa mungkin orang-orang kampung berhajat juga pada satu masa mereka ini hendak baik kapal terbang.

Umpamanya dan pada sini ke Ipoh sekarang ini tambangnya ialah \$55 kalau tak silap saya, dan kalau tambang penerbangan satu perjalanan diturunkan kepada \$25 ataupun \$30, mungkin ada di samping itu dapatlah rakyat kita dalam negara kita im juga

menikmati dan merasainya, sungguhpun tak dapat naik kapal terbang yang besar, Airbus, Boeing 747 dan sebagainya. Tetapi mereka ini kalau dapat naik Fokker Friendship ini pun tak apalah asalkan mereka ini dapat merasai naik kapal terbang, tetapi dengan syarat, saya harapkan, supaya tambang ini dapat dikurangkan daripada apa yang ada sekarang ini.

Lebih-lebih lagi rasa saya apa salahnya PETRONAS yang mengeluarkan minyak dalam negara kita sendiri jika ia dapat mengurangkan harga minyak ini dengan subsidi sedikit kepada kapal terbang-kapal terbang di dalam negeri ini ataupun kapal terbang swasta yang akan disediakan nanti. Ini cara-cara yang rasa saya untuk membanyakkan lagi penerbangan dan saya rasa dengan cara ini juga pihak swasta ataupun syarikat atau firma yang menjalankan usaha ini nanti tidak akan rugi kerana setiap masa dan waktu ada penumpang-penumpang yang akan menggunakan perkhidmatan kapal terbang ini.

Sungguhpun kita lihat sekarang mi mereka ada kenderaan, tetapi dengan keadaan ini kita rasa supaya selain daripada Kementerian Pengangkutan, Kementerian-kementerian lam juga dapat menimbangkan hal ini kerana di samping itu juga rasa saya benar-benar kita dapat mengelakkan kemalangan jalan raya yang berlaku sekarang ini dengan adanya tidak banyak kenderaan yang akan menggunakan jalan raya kerana mereka ini akan menggunakan kapal terbang dan kita dapat mengurangkan kesesakan kenderaan yang ada di jalan raya sekarang ini dan mengelakkan daripada kemalangan dan sebagainya yang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai lapangan terbang yang sedia ada. Lapangan terbang yang sedia ada ini seperti yang

kita sudah dengar dalam Parlimen ini telah pun diterangkan dahulu, iaitu Lapangan Terbang Ipoh akan diperbesarkan, tetapi sehingga ke hari ini belum lagi lapanganterbang itu dapat diperbesarkan. Lapangan Terbang ini hanya boleh menampung kapal terbang Pokker Friendship sahaja yang boleh turun, kapal terbang jenis lain tidak boleh turun.

Saya rasa di Ipoh juga penumpang-penumpang begitu ramai untuk berulang-alik dan kemungkinan Wakil-wakil Rakyat daripada Ipoh juga kalau ada penerbangan ini bila-bila masa boleh pergi dan balik. Saya rasa kemungkinan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kawasan-kawasan yang berdekatan, mereka boleh balik selepas menghadiri persidangan Parlimen pada pukul 6.30 petang, kemungkinan pukul 8.00 malam boleh balik, besok boleh datang lagi. Dengan adanya kapal terbang-kapal terbang ini dapat memudahkan lagi dan mereka ini akan dapat berkhidmat di dalam Parlimen ini sendiri, di samping itu mereka ini juga dapat berkhidmat di kawasan-kawasan mereka sendiri untuk berjumpa dengan rakyat, tidak seperti sekarang ini umpamanya mereka ini tidak dapat balik kerana jauh. dan tidak ada kapal terbang yang boleh singgah ataupun lapanganterbang yang berdekatan dengan kampung ataupun tempat mereka. Mereka ini berbulan-bulan di sini tidak dapat berjumpa dengan rakyat, oleh itu dengan adanya lapanganterbang ini, rasa saya pengundi-pengundi dapat berjumpa dengan Wakil Rakyat, Wakil Rakyat juga dapat berjumpa dengan mereka dan dapat berjumpa dengan keluarga sendiri, dengan ini dapat mengelakkan segala-gala yang berlaku di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua. mengenai lapangan terbang yang lain umpamanya Lapangan Terbang Senai, Johor. Sekarang ini kalau kita tengpk sebuah-sebuah turun, begitu lama

baru datang, padahal jika kita bandingkan di Singapura yang berdekatan tidak boleh dikira dia turun naik-turun naik, begitu! 'Ya tak? Tanya orang Johorlah, tetapi di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai hanya kapal terbang kita sahaja yang turun. Apa sebabnya? Ini juga kita mengharapkan pihak Kerajaan sama ada telah berunding ataupun belum dengan pihak syarikat-syarikat penerbangan luar negeri dapat membawa kapal terbang itu terbang dan turun di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai bukan di Singapura, cari jalan. Jangan orang kita pula kadangkala turun di Johor, balik naik kapal terbang di Singapura. Ini juga kita mengharapkan supaya kita sendiri menggalakkan menggunakan lapangan terbang kita, dan di samping itu dapat membawa lebih ramai lagi pelancong dari luar negeri akan singgah di Johor.

Di samping itu juga Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dapat memberikan kerjasama supaya dapat membawa lebih ramai lagi pelancong-pelancong, kerana mereka yang terbang dan singgah di Singapura itu tidak ada apa yang mereka hendak tengok di Singapura. Kalau sekiranya dia terbang dan turun di Johor Bahru, saya rasa penumpang-penumpang dari luar negeri akan dapat kita bawa ke Melaka, yang begitu dekat, Batu Pahat dan seterusnya banyak tempat-tempat yang bersejarah dapat kita tunjukkan kepada mereka ini, bagaimana keadaan dalam negara kita ini dengan hutan rimbanya, dengan sungainya dan berbagai-bagai lagi yang boleh kita pertunjukkan kerana orang-orang dari luar negeri yang datang dan singgah ataupun hendak melancong di sini, mereka ini bukan hendak tengok bangunan-bangunan tinggi kerana bangunan di negeri-negeri mereka lebih tinggi daripada bangunan-bangunan yang ada di sini atau di Singapura. Mereka

ingin melihat apa yang ada dalam negeri kita ini. Umpamanya pokok getah, pokok kelapa sawit, pokok pisang dan seterusnya yang tidak ada dalam negeri mereka. Dengan cara ini kita boleh dapat menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong dengan adanya mereka dapat singgah di Lapanganterbang Senai ataupun di Lapanganterbang Pua Pinang atau Lapanganterbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur dan seterusnya yang boleh membawa lebih ramai lagi. Rasa saya kalau dapat kita rundingkan masalah-masalah ini, kemungkinan lapanganterbang di Singapura itu akan lenggang, akan beralih ke Senai pada satu masa yang akan datang, tetapi dengan syarat pihak Menteri-menteri telahpun ada menjalankan perundingan dengan Menteri-menteri negara-negara lain untuk membawa pertukaran kapal terbang kita singgah di sana dan mereka singgah di sini, tetapi rasa saya perkara ini begitu lewat, ol' h kerana kita lihat keadaan di negara jiran kita begitu maju dalam ekonomi mereka, juga yang banyak ialah datangnya dari pelancong-plancong yang singgah di negara tersebut.

Kita mengharapkan masalah-masalah yang lain juga berhubung dengan lapangan terbang ini dan juga lagi satu masalahnya ialah masalah tolak-ansur, ini juga patut diamalkan oleh pegawai-pegawai di lapangan terbang yang kita ada.

Pada masa saya berada di Pulau Pinang, kalau tidak silap saya kapal terbang bertolak pukul 1.05 tengahari daripada Pulau Pinang ke Kuala Lumpur, Parlimen bersidang pada masa itu, hendak kejar mesyuarat Parlimen pukul 2.30 petang, saya sampai di sana kapal terbang belum berlepas lagi, tetapi pintu "Boarding" sudah ditutup kononnya dia atau tidak boleh, kena tunggu kapal terbang pukul 6.30 petang. Saya rasa masanya

belum sampai lagi—ada 15 minit kapal terbang belum berlepas.

Apa salahnya saya minta supaya diberi kebenaran, dia kata tidak boleh, saya menunggu lebih kurang 15-20 minit, baru kapal terbang berlepas, tetapi dia kata tidak boleh dengan alasan-alasan penerbangan, nama belum dimasukkan padahal saya telah pun menelefon daripada Pulau Pinang dengan mengatakan saya akan sampai terlewat sedikit masanya, sudah "book" tempatnya, tetapi oleh sebab-sebab tertentu sehingga saya "miss" untuk menghadiri mesyuarat, ini berlaku di Persidangan yang lalu. Ini adalah pengalaman saya dan pada satu masa saya terkena juga di Kota Bharu ketika hendak balik di waktu tengah malam padahal boleh naik lagi, boleh saya berlari kalau disuruh, pun tidak boleh juga kena tunggu dan tidur semalam lagi menunggu sehingga besok pagi, padahal kapal terbang itu masih banyak tempat duduk yang kosong.

Saya mengharapkan supaya pihak penerbangan khasnya penerbangan awam dalam negara kita ini ada sedikit tolak-ansur kerana mereka ini kalau di luar negeri kemungkinan tidak boleh kerana kawalan lalu-lintas kerana ada undang-undang lalu-lintas antarabangsa dan seterusnya. Saya rasa dalam negara kita ini kita tidak usahlah menggunakan undang-undang antarabangsa itu, gunakanlah undang-undang fikiran kita sendiri bagaimana supaya masalah-masalah dapat diperbaiki pada satu masa kelak. Ini rasa saya salah satunya juga akan menarik perhatian orang jika kalau berlaku demikian pelancong-pelancong juga kemungkinan mereka yang hendak terbang pada malam ini dia telah pun mengira masa sehingga cukup, tetapi bila sampai tidak boleh naik kerana terlewat 5 minit dan sebagainya, ini akan mengendalakan dari segi perjalanan-perjalanan mereka ini. Perkara ini, sepatutnya perlu diambil ingatan supaya tidak

menjadikan masalah-masalah ini membosankan orang-orang yang hendak menaiki kapal terbang ini tadi.

Soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, masalah dalam kapal terbang juga. Pada satu masa saya naik juga kapal terbang Pokker kita penuh lipas yang berterbangan menggigit buntut-buntut. Tidak adakah kawalan ataupun orang-orang yang membersihkan? Ini rasa saya akan mencemarkan nama baik negara kita oleh pelancong-pelancong di luar negeri. Kalau kita tak apalah, kalau pelancong-pelancong luar negeri dia akan buatkan perkara ini satu perhualan bila mereka sampai ke negeri mereka, katanya kapal terbang penuh pijat-pijat, penuh lipas dan sebagainya.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat ada yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Apa halnya itu, saya tak mengusik pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta jalankah?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya pun tak tahulah dia sedang membincangkan penerbangan lipas ataupun penerbangan kapal terbang?

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, pihak sebelah sana itu memanglah kalau dia bercerita itu dan ini rasa saya kita pun tak usik dia, saya pun tak usik sesiapa pun. Irri soal yang benar-benar berlaku.

Dalatn masalah ini kita hendak memperbaiki negara kita ini untuk menunjukkan kepada negara lain, ini yang kita sebutkan bukan untuk kepentingan diri, tetapi untuk

kepentingan negara kita sendiri. Oleh itu, rasa saya tak usahiah hendak diusik ataupun hendak cuba-cuba dalang kerana bila sudah disekat itu, kemungkinan apa yang ada dalam kepala tadi terhenti. (*Ketawa*) Oleh itu, saya mintalah kepada Yang Berhormat dari Kepong supaya dengar sedikitlah. Kalau tak mahu dengar, keluarlah sekejap. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat teruskan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Ya, terima kasih.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua apa saya sebut tadi— itulah dia (*Ketawa*) jangan dikacaualah Ah, lipas

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dia minta penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tadi saya dengar Yang Berhormat dari Kepong mengatakan b a h a w a

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan dari siapa. Yang Berhormat?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Daripada Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Daripada Yang Berhormat, bolehlah sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya hendak tahu Yang Berhormat dari Kepong kata tadi Pengerusi itu betul atau tidak, kerana mengikut

Peraturan Mesyuarat, Pengerusi merujuk kepada peringkat Jawatankuasa. Jadi adakah kita di peringkat Jawatankuasa ataupun peringkat perbahasan umum?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tak payahlah itu Yang Berhormat, perkara yang kecil. Yang Berhormat teruskan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih. Ada juga yang hendak kacau. (*Ketawa*)

Soal lipas tadi, ini perkara benar. Saya bercakap ini hanya untuk memberi penerangan, bukan untuk mentohmahkan Kerajaan kita—tidak, ini masalah untuk negara kita, kita sama-sama memberikan nasihat, pandangan yang baik supaya negara kita mendapat nama yang harum di luar negeri, lebih-lebih lagi adalah penerbangan ini dan juga kapal terbang dan seterusnya adalah digunakan oleh orang-orang luar negeri yang datang ke sini. Oleh itu, kita mestilah memberi layanan, kebersihan dan seterusnya. Tuan Yang di-Pertua, ini perkara sebenar yang saya sebutkan tadi yang telah disebutkan oleh Wakil dari Kepong.

Soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan juga supaya sebagaimana yang saya sebutkan tadi lapangan terbang-lapangan terbang ini sungguhpun ada kantin-kantin ataupun restoran-restoran yang ada supaya dapat menyediakan tempat yang sesuai, yang elok sedikit, juga tempat-tempatnya janganlah kita lihat kadangkala kerusinya sudah tak ada warna lagi, ada kerusi kayu dan pada satu masa saya tengok lapangan terbang—saya pun lupa, langsirnya tak ada, hanya yang ditutupkan untuk mengelakkan daripada panas, dilampai dengan kertas. Ini juga memburukkan lagi bangunan yang ada di situ. Apa salahnya masalah ini rasa

saya dapat dipandang, dilihat. Jangan hanya kita harapkan sebagai pengetuk dengan paku, hendak ketuk selalu baru paku hendak masuk. Hendaklah pihak-pihak yang berkenaan juga saya mengharapkan mereka ini juga, di samping mereka bekerja dan di samping itu juga mereka itu menjaga kebersihan dan pandangan-pandangan di lapanganterbang, umpamanya kawasan tempat duduk, kantin dan seterusnya untuk makan dan tempat-tempat yang lain supaya dapat dilihat dan orang-orang luar akan mencerminkan bagaimana keadaan dalam negara kita ini yang sebenarnya. Kita tidak mahulah perkara-perkara umpama ini menjadikan perbualan-perbualan oleh pelawat-pelawat atau pelancong-pelancong di dalam ataupun di luar negCri. Ini yang kita harapkan.

Selain daripada itu, saya mencadangkan juga supaya diadakan lapangan terbang iaitu kalau boleh di Perlis perlu juga diadakan, sempadan di antara Padang Besar dengan negeri Perlis sendiri, iaitu di Padang Besar dan di kawasan itu dapat lagi orang-orang di sini ataupun di sana dapat berjalan, tidak seperti sekarang ini kalau kita hendak pergi ke sana terpaksa turun di Alor Setar, Kedah, selepas itu kita akan ambil kereta untuk pergi ke Padang Besar. Saya rasa di kawasan Padang Besar itu masih luas lagi kawasan-kawasan tanah yang tidak begitu tinggi, tidak ada berbukit-bukit boleh diadakan landasan kapal terbang yang kecil untuk dapat turun di kawasan itu. Begitu juga kalau boleh di kawasan Rantau Panjang di sana pun begitu juga, oleh kerana tujuan negara kita pada hari ini ialah untuk membangunkan negara kita. Dengan keadaan ini. Akta ini adalah untuk memudahkan lagi untuk menswastakan dan di samping itu berusaha sama. Rasa saya mesti adalah kemungkinan ramai pihak-pihak swasta atau firma-firma yang hendak

mengambil tender-tender ataupun menjalankan usaha-usaha ini, tetapi dengan syaratnya pihak Kerajaan menyediakan lempat-tempat ini yang saya rasa insya Allah, apa tujuan Yang Bcrhormat Menteri kita dan Menteri-menteri yang lain dan rakyat negara kita ini supaya dari satu tempat ke satu tempat itu ada landasan kapal terbangnya.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam keadaan apabila masa darurat akan ada umpamanya. Ini juga bagi menyenangkan kapal terbang sama ada helikopter dan sebagainya, kapal terbang yang boleh di kawasan itu dapat datang dengan segera, sama ada kemalangan ataupun sebagainya senang datang dengan segera untuk menyelamat, sama ada apa yang berlaku di kawasan-kawasan tersebut. Dengan adanya ini rasa saya lebih lagi dapat kita mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini yang berlaku di kawasan-kawasan tersebut. Ini juga kita harus fikirkan di samping kita gunakan pihak penerbangan untuk orang awam, di samping itu juga pada masa-masa kecemasan dapat digunakan oleh pihak kita sendiri, pihak tentera dan seterusnya ini dapat mengurangkan lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh kita sekarang ini, umpama kemalangan kereta dan sebagainya, mungkin tak dapat motokar hendak datang lekas, apa salahnya ini juga dapat dilalui oleh kapal terbang dan lain-lain.

Lain lagi, kita mengharapkan juga supaya penswastaan ini akan dijalankan lagi akan memberikan sebagaimana saya sebutkan tadi ber seluas-luasnya kepada pihak firma-firma yang ingin mengambil bahagian dalam ini, diadakan dengan syarat-syarat jangan begitu ketat sangat. Saya rasa dengan syarat-syarat yang begitu boleh ditemui oleh kedua pihak dan dengan keadaan ini Akta ini akan dapat dijalankan dengan seberapa

segera yang boleh. Dengan keadaan inilah saya rasa kita akan dapat lagi meramaikan sebagaimana saya sebutkan tadi pelancong-pelancong di dalam dan di luar negeri akan dapat daripada satu tempat ke satu destinasi yang lain kepada destinasi yang hendak dituju oleh mereka.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja, kemungkinan ada lagi ucapan yang hendak disambung oleh kawan-kawan saya yang lain. Dengan ini saya sekali lagi menyokong penuh di atas usaha Kerajaan dan juga di atas Akta yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk kita luluskan pada hari ini supaya mendapat apa yang dikehendaki dan mudah-mudahan pihak Kerajaan kita akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat kita pada hari ini terutama soal perjalanan daripada satu tempat ke satu tempat dapat dipendekkan dan dapat kita mengurangkan masa. Di samping itu juga sebagaimana saya sebutkan tadi supaya bayaran atau tambang ini dapat dikajl, dapat dikurangkan sedikit khasnya perjalanan daJam negara kita ini sendiri iaitu termasuk perjalanan dari Kuala Lumpur ke Labuan, dari Kuala Lumpur ke Kuching, Sarawak dan di kawasan-kawasan yang lain supaya tidak begitu mahal harga ataupun begitu tinggi harga tambangnya.

Umpamanya daripada sini ke Labuan kalau tidak silap saya \$900 pergi balik kalau dibandingkan pergi ke Hongkong pun \$880 pergi balik, begitu jauh apa sebabnya. Ini juga dapat dikaji supaya dapat antara ke satu negeri ke satu negeri itu dapat berjalan, dapat menghubungi tali persaudaraan antara satu negara ke satu negara yang lain dengan adanya perhubungan-perhubungan ini. Sungguh pun kita telah ada Feri Malaysia yang telah pun berjalan operasinya akan tetapi rasa saya ini

juga kemungkinan yang telah naik kupal laut kemungkinan mereka ini akan naik kapal terbang juga jika ia sckiranya tambang ini dapat dikurangkan, ini akan dapat merapatkan lagi masalah-masalah ini. Dengan ini saya rasa masalah di Sabah dan di Sarawak dapat diketahui, mereka akan tahu apa yang berlaku di Kuala Lumpur ini dengan masa yang singkat, tidak seperti sekarang ini pada orang-orang yang berada, orang-orang yang berkemampuan sahaja, kalau orang tidak berkemampuan kemungkinan tidak tahu di mana Kuala Lumpur dan kita di sini juga tidak tahu di mana Sabah ataupun tidak tahu mana dia Labuan ataupun kawasan-kawasan yang lain kerana tidak mampu untuk membayar tambang yang begitu tinggi.

Inilah harapan saya supaya masalah-masalah yang seumpama yang saya sebutkan tadi dapat dipertimbangkan dan dengan ini juga saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua dan dengan ini saya sama-sama menyokong di atas Suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.33ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dan saya tidak bercadang untuk terbang dengan jauh ataupun berlegar-legar tetapi hanya sekadar untuk terbang daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu. -

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bersabit dengan

Jabatan Penerbangan Awam ini, yang sememangnya mempunyai peranan yang penting dalam memperhebatkan pengangkutan penerbangan awam di negara kita. Perkara yang pertama yang saya ingin bangkitkan ialah bersabit dengan rancangan pihak Jabatan Penerbangan Awam yang satu ketika memutuskan supaya Lapangan terbang Sultan Ismail Putera Kota Bahru dinaikkan taraf sebagai lapanganterbang di peringkat antarabangsa.

Saya menarik perhatian ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana projek membesarakan Lapanganterbang Sultan Ismail Putera Pengkalan Chepa bukan sahaja ianya projek yang menjadi idaman bagi rakyat Kelantan khususnya tetapi ia mempunyai implikasi ataupun kesan yang amat mendalam kepada pembangunan di kawasan Pantai Timur.

Kita sedar bahawa Negeri Kelantan ialah salah satu negeri yang termundur di antara beberapa negeri yang mundur di negara kita, sebab yang utamanya ialah akibat daripada masalah pengangkutannya, maka sebab itulah kajian telah dibuat supaya salah satu lagi entry, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. ke negara kita selain daripada Johor ataupun melalui Lapangan terbang Antarabangsa Subang ialah pantai timur melalui Kota Bharu. memandangkan Kota Bharu tidaklah jauh dengan kota Bangkok dan juga lain-lain negara. Kita tahu bahawa sepanjang cadangan ini hendak dibuat, Kerajaan telah pun memang memutuskan bahawa lapangan terbang ini akan diperbesarkan ke peringkat atau bertaraf antarabangsa.

Kerajaan Negeri Kelantan, saya difahamkan, sudah pun membelanjakan wang yang banyak daripada khazanah negeri bagi membayar ataupun mengambil balik

tanah-tanah kepunyaan rakyat. Suatu ketika dahulu beria betul JPA ini, sehingga rakyat yang menduduki tanah tersebut tidak sabar supaya mereka ini diminta dipindahkan oleh kerana kononnya pembinaan Lapangan Terbang Pengkalan Chepa ini akan dibina secepat mungkin. Maka pada waktu itulah kita dapat usaha Kerajaan Negeri memindahkan mereka-mereka ini di tempat-tempat tertentu dapat dibereskan walaupun dalam keadaan yang agak rumit tetapi selepas sahaja pemindahan ini dibuat, kita dapat cadangan untuk membesarakan Lapanganterbang Pengkalan Chepa di Kelantan terpaksa dibatalkan dan pembatalan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak tahu dan memang pada hari ini saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab-sebab dan antaranya adalah dikatakan mengenai dengan masalah negara kita masih lagi menghadapi ekonomi yang masih lembap.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rancangan pembesaran Lapangan Terbang Pengkalan Chepa ini tidaklah memakan belanja yang begitu banyak, dengan izin, basic infrastructure Lapangan Terbang Pengkalan Chepa

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. Minta jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat mencadangkan untuk menswastakan Lapangan Terbang di Kota Bharu itu, saya tidak dengar dia cakap mengenai penswasiaan mengikut apa yang dibentangkan di dalam Rang Undang-undang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya masalah penswastaan, saya

membangkitkan perkara ini oleh kerana kita baiki dahulu, kita perkemaskan dahulu baru swasta dan saya menyokong rancangan penswastaan ini dan asalkan jangan jatuh ke tangan DAP sudahlah.

Tuan Yang di-Pertua, serupa dengan Yang Berhormat dari Lembah Pantai, mana pula perginya. Tuan Yang di-Pertua, balik kepada Lapangan Terbang Pengkalan Chepa tadi, saya menyebutkan bahawa peruntukannya tidaklah banyak. Peruntukan tidaklah banyak manakala katau ia dibuat secepat mungkin, saya penuh yakin ia boleh mendatangkan faedah yang besar, bukan sahaja kepada Jabatan Penerbangan Awam sendiri tetapi juga dalam konteks pembangunan negara kita yang menyeluruh.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita dapat sektor antara Kuala Lumpur ke Kota Bharu adalah sektor yang paling ramai menggunakan penerbangan datam negeri. Yang ada sekarang seperti mana kata Yang Berhormat dari Lembah Pantai tadi soal kelewatan, tidak cukup penerbangan dan sebagainya memang berlaku kalau disebut bagi negeri Kelantan. Cuba kita bayangkan bagaimana negeri ini boleh maju sebab hanya dua tiga penerbangan sehari sahaja. Kalau dari Kuala Lumpur pukul 6.00 pagi, 9.00 pagi, lepas itu dari Kota Bharu pukul 10.00 pagi dan akhirnya pada waktu malam. Manakala tengah-tengah itu tidak ada. Dan kita tahu macam tengah-tengah hari waktu jam tengah hari ataupun sebelum senja, ianya penting bagi pegawai Kerajaan, ianya penting bagi ahli-ahli perniagaan tetapi kita sedar semuanya ini bukanlah merupakan satu perkara kegagalan. tidak. Saya tidak bermaksud demikian. Oleh kerana MAS mungkin menjalankan penerbangan setakat ini secara monopoli dan belum lagi mampu

mempunyai kapal terbang-kapal terbang yang banyak. Tetapi saya menyebutkan perkara ini untuk mengaitkan dengan perkara pengswastaan ini di mana saya mengalu-alukan cadangan pihak Kerajaan supaya program-program tertentu di bawah Jabatan Penerbangan Awam ini yang akan diswastakan.

Tetapi sebelum ianya diswastakan, peranan Jabatan Penerbangan Awam hendaklah menyediakan kemudahan asas atau infrastruktur; sebab kita tahu sudah ada syarikat-syarikat penerbangan yang kecil-kecil yang sudah dulu pun ditubuhkan seperti "MacAir" dan "Wira Keris" sekarang ini saya difahamkan "gulung tikar". Katakanlah kita meluluskan dan kita menyokong penuh cadangan meminda Akta ini tetapi sejauh manakah sambutannya nanti. Bagaimanakah minat pihak swasta untuk melibatkan diri dalam projek-projek yang akan diswastakan oleh Jabatan Penerbangan Awam.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri ibarat kata pepatah Melayu, "kita hendaklah menyediakan bubur dahulu sebelum kita menyediakan sudu". Sebab kalau keadaan ini berlaku nanti, boleh dikatakan menjadi satu trend yang agak cepat sekarang ini. kita dapat banyak pindaan-pindaan yang dibuat ini hanya semata-mata untuk memenuhi dasar pengswastaan yang sama-sama kita sokong. Tetapi harus kita ingat dan kita tegaskan di sini kita bimbang oleh kerana walaupun kita memindu Akta-akta yang kita cadangkan ini telapi ianya tidak mendapat sambutan nanti maka ianya akan menjadi sia-sia belaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalaularah kemudahan-kemudahan asas

dalam kita hendak mengswastakan berbagai-bagai program yang akan dianjurkan nanti. saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Lembah Pantai supaya tempat-tempat tertentu seperti di Taman Negara, Bukit Praser ataupun tempat-tempat yang kita kira kita boleh menarik para pelancong malah di Kelantan saya boleh sebut satu lagi tempat iaitu di Gua Musang. satu kawasan yang agak mundur dahulu tetapi sekarang sudah pun berubah wajah dan hampir dengan Tanah Merah tempat iaitu di Gua Musang, satu kawasan yang agak mundur dahulu tetapi sekarang sudah pun berubah wajah dan hampir dengan Tanah Merah dan boleh mendapat faedah di kalangan penduduk di Tanah Merah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kalaularah perkara-perkara yang saya sebutkan tadi diambil perhatian oleh Jabatan Penerbangan Awam, sudah barang tentu cadangan pindaan Akta ini untuk penswastaan ianya tidak akan menjadi sia-sia. Sebab syarikat-syarikat yang akan tampil ke hadapan nanti untuk melabur dalam program-program yang akan dianjurkan oleh Jabatan Penerbangan Awam bukanlah satu belanja yang sedikit. Saya sebut tadi daripada awal "Wira Keris" mengalami kerugian. "MacAir" mengalami kerugian dan ianya tidak sedikit. Dan kita percaya ianya bukan kerana ianya tidak viable dari segi ekonomi sebab kita lihat di negara-negara barat, kegunaan kapalterbang-kapalterbang kecil seperti jenis "Cessna" boleh dipopulkarkan di negara kita ini daripada satu destinasi ke satu destinasi. Hanya penumpang beberapa orang sahaja yang diperlukan sebelum satu-satu penerbangan itu dibuat ke satu-satu tempat. Tetapi saya menegaskan berulang kali, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk hendak menarik

minat pihak-pihak swasta ini tidak akan mendapat sambutan selagi mana perkara-perkara asas tidak disediakan.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah insentif-insentif nanti ataupun keistimewaan-keistimewaan yang telah dirangkakan, yang telah dicadangkan bagi menarik minat pihak-pihak swasta menceburkan diri dalam bidang yang saya maksudkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada lagi rakan saya dan rakan-rakan lain Yang Berhormat yang ingin menyambung, jadi saya sudahilah dengan ucapan berbanyak terima kasih kerana diberi kesempatan dan saya turut menyokong Rang Undang-undang Akta Penerbangan Awam 1969. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

5.46 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut berbahas Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969.

Saya kira tujuan dipinda Akta ini adalah jelas iaitu untuk memberi kuasa kepada Menteri atau memberi lesen kepada mana-mana syarikat, firma, orang atau orang-orang untuk mengusahakan mana-mana aktiviti Jabatan Penerbangan Awam yang kalau kita lihat adalah bertujuan untuk mengwastakan Jabatan Penerbangan Awam ini. Ada sebab-sebab tertentu yang barangkali kita semua faham bahawa swasta ini adalah untuk tujuan yang baik, antaranya saya kira adalah untuk melahirkan usahawan-usahawan dalam bidang yang baru. Kalau selama ini mungkin

di daratan ataupun di laut, sekarang di udara puta. Dan kita lihat malah tidak ada orang perseorangan ataupun firma-firma yang melibatkan diri secara langsung, secara aktif di dalam bidang penerbangan ini.

Di samping itu juga kita percaya bahawa pindaan ini adalah bertujuan untuk melatih rakyat supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan dalam usaha meningkatkan prestasi penerbangan itu.

Begitu juga kita menyedari bahawa terlalu banyak kelemahan-kelemahan sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh MP Lembah Pantai ataupun MP Pasir Mas tadi, kelemahan-kelemahan Penerbangan Awam yang ketara pada hari ini. Dengan adanya penswastaan kita kira kelemahan-kelemahan itu akan dapat dibaiki dari masa ke masa kerana apabila sesuatu itu diswastakan. bermakna rasa tanggungjawab akan lebih tinggi jika dibandingkan dengan apa yang dimiliki oleh Kerajaan. Kerana sikap orang ataupun sikap sesiapa sahaja kalau dirasakan milik Kerajaan, ia merasakan dari segi tanggungjawab sama ada kebersihan, sama ada keselamatan sama ada pentadbiran adalah agak kurang. Begitu juga saya kira penfwastaan ini penting adalah untuk menimbulkan persaingan untuk lebih maju kerana bila dilakukan penswastaan maka berlakuhlah tandingan untuk kerja di antara agensi-agensi, di antara firma-firma, mana yang lebih baik kerana yang lebih baik itutah yang akan merupakan tumpuan oleh orang ramai nanti. Begitu juga saya kira penswastaan ini penting, sesuai dengan konsep penswastaan dalam bidang-bidang yang lain dan juga Jabatan-jabatan yang lain.

Maka tiga, empat perkara yang telah saya bentangkan itu sukalah saya menarik tentang kelemahan-kelemahan untuk kita sama-sama

baiki di Jabatan Penerbangan Awam kini. Bukanlah tujuan saya untuk membukanya sebagai membuka keburukan-keburukan. Pertama, kalau kita lihat hari ini kadang-kadang terlalu ketara kelemahan-kelemahan yang berlaku. Misal katakan dari segi masalah tiket. Misalan tiket kita dapati kadang-kadang bila kita hendak pergi beli tiket kapal terbang itu katanya sudah penuh, tetapi bila kita naik kapal terbang kita tengok kosong dalam kapal terbang itu. Sebab saya kira mungkin, kalau MAS mungkin dia telah menjualnya kepada agen-agen. Kemudian agen-agen ini mungkin tidak jual ataupun begitulah sebaliknya. Ataupun kelemahan-kelemahan komputer ataupun kelemahan para pekerja itu sendiri. Ini menimbulkan satu keadaan yang sangat mendukacitakan. Sepatutnya kapal terbang itu diisi dengan passenger, dengan izin, ataupun penumpang-penumpang. Bila keadaan ini berlaku kita nampak ia merupakan sesuatu yang tidak seharusnya berlaku. Tambah-tambah naik kapal terbang bukannya kita naik bas. Jadi kita nampak jikalauh sekiranya Jabatan Penerbangan ini diswastakan saya fikir pihak orang perseorangan ataupun firma-firma itu akan lebih berhati-hati, lebih teliti agar perkara-perkara yang sepatutnya diisikan supaya tidak menjadi kosong tidak berlaku. Perkara ini saya rasa sangat ketara di semua lapangan terbang ataupun di kebanyakan penerbangan.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati ada kelemahan misal katakan kita booking, kita tempah untuk naik Boeing, tiba-tiba di saat akhir baru disebut tukar Fokker. Hati pun rasa risau juga, fasal apa, Fokker ini berayun sedikit, ianya naik turun, naik turun dan sebagainya. Kalau dapat Fokker itu tidak apa lagi, kadang-kadang Fokker pun tidak ada, jadi Boeing tidak ada, Fokker tidak ada, menyebabkan kerja-kerja kita yang sepatutnya kita takukan dengan

cepat ataupun yang telah kita hitung dengan tepat telah berlaku menjadi kosong, jadi ini mensia-siakan masa, tenaga dan sebagainya. Sudahlah begitu kadang-kadang bila kita buat tuntutan, panjang pula masa tuntutan untuk kita dapatkan bayaran balik, berbulan-bulan, kadang-kadang lebih daripada tiga, empat bulan. Saya kira kalaualah swasta ataupun pihak swasta mengambil alih, mungkin dia fikir tiga, empat kali untuk tukar penerbangan ini ataupun untuk tiada-tiadakan penerbangan, kerana kalau sudah menjadi hak swasta mungkin orang fikir "ha, kita tidak ambil lagi firma "A", kita mungkin hendak ambil firma "B". Jadi firma "A" tadi akan fikir tiga, empat kali supaya masalah bertukar jenis kapal terbang ini daripada yang besar kepada kecil ataupun yang tidak ada tidak akan berlaku.

Begitu juga kita lihat hari ini perkara yang lain tentang masa penerbangan. Kadang-kadang terlalu panjang. Contoh, kalau kita daripada Kota Bharu untuk ke Kuala Lumpur mungkin kita memakan masa satu jam ataupun kurang daripada itu, tetapi hari ini kita nampak ada penerbangan daripada Kota Bharu melalui Alor Setar, melalui Ipoh baharu sampai ke Kuala Lumpur. Hasrat kita hendak kurang daripada satu jam kerana kapal terbang itu singgah-singgah berhenti-henti telah menjadi empat jam. Jadi ini melambatkan kerja, lekeh. Semua kerana—kerja ini lambat. Kalau saya kira diswastakan mungkin perkara-perkara ini akan diambil kira bahawa kelemahan-kelemahan ini menyebabkan orang tidak hendak lagi tempat ataupun kepada firma itu sendiri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat hari ini masalah kebersihan. Kebersihan di lapangan-lapangan terbang, ada juga yang baik, tetapi ada yang sangat ketara

kotornya. Tidak berapa bersih terutama di tandas, seperti contoh di Lapanganterbang Ipoh, Kuala Terengganu, malah di Subang sendiri. Jadi dengan adanya cara ini, dengan cara swasta ataupun cara kongsi daripada orang perseorangan, saya kira rasa tanggungjawab itu adalah lebih tinggi ataupun lebih teratur sistemnya. Selain daripada itu juga kita dapat di beberapa tempat lapangan terbang, contohnya di Ipoh lagi tidak ada tempat sembahyang, sedangkan bila kita tiba ke tempat itu perlulah berehat sebentar. ataupun sembahyang dan sebagainya, tetapi ini tidak dibuat ataupun tidak diadakan. Jadi dpgan adanya penswastaan saya kira hal-hal ini akan diambil kira sebagai satu perkara yang penting, terutama kepada orang-orang Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita nampak juga terdapat kelemahan di dalam soal penerbangan awam kita ini di mana pada hari Jumaat diadakan juga penerbangan, contohnya penerbangan daripada Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu. Adalah sangat tidak patut kalau sekiranya jadual penerbangan itu diadakan pada waktu sembahyang—antara jam 1.00 hingga jam 2.00 ataupun sekitar itu. Jadi jika laulah hari Jumaat itu ketika orang sembahyang, orang Islam hendak naik juga, maka saya rasa merupakan satu paksaan secara tidak langsung supaya orang Islam tidak sembahyang. Perkara ini serius?. Jadi kalau ada penswastaan mungkin ada pertandingan dari segi masa ataupun perbezaan dari segi masa. Walaupun tidak ada lagi penswastaan tetapi kerana kita masih membincangkan dalam soal pindaan Akta ini, saya kira perlulah pihak Jabatan Penerbangan Awam mengambil kira supaya waktu-waktu penerbangan jangan dilakukan pada waktu-waktu sembahyang ataupun pada hari Jumaat, bukan sahaja di antara Kuala Lumpur

dengan Kuala Terengganu tetapi juga di daerah-daerah ataupun di arahan-arahan yang lain.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat di tempat-tempat kemudahan transit. Di tempat-tempat yang demikian, di transit itu kita dapati adalah agak kurang selesa. Sebelum dia dapat kapal terbang baru dia diletakkan dalam satu bilik dan bilik ini agak kurang selesa. Kerana apa? Bukan sahaja dia tidak boleh keluar, bukan sahaja tidak boleh berjalan jauh-jauh. tetapi juga di dalam bilik itu sendiri tidak mempunyai banyak kemudahan, seolah-olah kalau kita cakap secara agak kasar sedikit macam dalam penjara, maka perlulah bilik-bilik ini dihiasi dengan banyak, misal katakan bahan bacaan yang lebih baik, yang lebih bermutu ataupun alat-alat hiburan yang lebih selesa ataupun tempat-tempat yang lebih menarik kerana di situ kita dapati mereka tidak ada apa yang hendak dibuat kecuali duduk. Jika perlu dicari satu ikhtiar, satu jalan bagaimana di tempat-tempat kemudahan transit iaitu diberikan satu rasa yang ria ataupun rasa tidak puas untuk duduk di dalam itu dan ini perlu dibaiki dan dimajukan, terutama dalam soal menarik para petancong untuk datang ke Malaysia itu sendiri.

Selain daripada itu kita nampak bahawa Jabatan Penerbangan Awam kini kurang dari segi penggunaan kapal terbang jenis Boeing. Yang ada kebanyakannya Fokker. Jadi jenis Boeing ini kalau misal katakan di Terengganu, boleh dikatakan seminggu dua kali, hari Selasa dan juga hari Sabtu sahaja, kemudian di Ipoh boleh dikatakan—saya minta maaf—saya ingat tidak ada langsung Boeing. Jadi kekurangan Boeing ini, kapat terbang yang besar yang lebih selesa saya rasa perlu.

Saya dapati orang-orang yang darah tinggi tidak mahu naik Fokker kerana Fokker ini berayun, sekali dia henjut macam hendak jatuh, macam hendak pengsan. Ini bukanlah saya adadakan kerana saya rasa juga mempunyai ramai orang mempunyai penyakit darah tinggi. Bila dia darah tinggi dia tidak mahu naik Pokker, dia lebih suka naik Boeing. Kalau dia hendak tunggu hari Selasa ataupun hendak tunggu hari Sabtu, bukan main banyak masa tergendala, bukan main banyak lagi jadual-jadual yang patut dicepatkan, dipantaskan terbantut. Jadi perlulah kita memikirkan membanyakkan kapal terbang-kapal terbang jenis besar, Boeing ataupun lebih besar lagi diadakan di lempat-tempat yang kurang Boeing terutama di Pantai Timur dan sebagainya,

Hari ini Pantai Timur bukanlah saya hendak puji tetapi holeh dikatakan kapal terbang itu sentiasa penuh sesak. Kalau hari Selasa. Boeing boleh dikatakan tidak ada tempat duduk, begitu juga hari Sabtu. Jadi perkara-perkara menambahkan Boeing ini perlulah dibanyakkan. Dengan adanya penswastaan saya kira perkara-perkara yang seumpama ini dapat diberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat ataupun firma-firma bagi diadakan persaingan di antara mereka.

Selain daripada itu juga, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak terutama di musim Haji sekarang ini, di musim Haji keadaan-keadaan di lapangan terbang adalah tidak terkawal—kotor, licin, tidak ada peraturan, masing-masing ataupun sesiapa sahaja orang ramai yang pergi menghantar bakal-bakal Haji itu boleh menyepah atau membuang sampah-sampah ataupun kertas-kertas. Jadi pandangan itu adalah pandangan yang menjijikkan ataupun pandangan yang kurang selesa sebagai satu tempat yang agak ekslusif dari segi pengangkutan awam.

Jadi perlulah diadakan satu sistem ataupun satu peraturan di mana di musim-musim Haji ataupun di musim-musim keramaian yang lain diadakan satu kawalan yang lebih baik dan teratur.

Selain daripada itu juga perlulah juga saya menarik perhatian Dewan pada petang ini iaitu dari segi "landing rate", dengan izin, ataupun dalam Bahasa Malaysia mungkin tidak berapa tepat, iaitu cukai pendaratan, agak tinggi. Saya kira cukai pendaratan yang dikenakan oleh Kerajaan kita merupakan salah satu yang tertinggi di Asia Tenggara dan ini patutlah dikurangkan bagi tujuan menarik kapal terbang-kapal terbang dari negara-negara lain supaya mendarat di Malaysia. Kalau dia tahu kapal terbang mereka dikenakan cukai pendaratan yang tinggi sudah barang tentulah dia tidak suka pergi ke Senai, dia pergi ke Singapura ataupun negara-negara lain yang berdekatan dan ini perlulah diambil perhatian.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak pada hari ini dari segi potongan kepada bakal-bakal Haji. Kepada bakal-bakal Haji yang berumur 55 tahun ke atas, orang hendak pergi ke Kuala Lumpur daripada tempat-tempat mereka, misal katakan daripada Kuala Terengganu hendak ke Kuala Lumpur kerana dia hendak pergi Haji, maka potongan kepada yang berumur 55 tahun ke atas ialah 50%. Ertinya kalau tambang \$100. tambangnya menjadi \$50. Tetapi bagi mereka yang kurang daripada 55 tahun, potongannya 20%, ertinya kalau tambangnya selama ini \$100. kurang menjadi \$80 sahaja. Soalnya sekarang kenapa dibeza-bezakan antara 55 tahun ke atas dengan 55 tahun ke bawah sedangkan mereka ini semuanya bakal Haji, semua hendak naik Haji. cuma yang berbeza umur

sahaja. Jadi saya kira perlulah diberikan potongan yang sama kepada bakal-bakal Haji ini agar lebih ramai orang yang menaiki MAS, lebih ramai orang menggunakan kapal terbang ini maka lebih banyaklah faedah yang akan diperolehi.

Selain daripada itu juga perlulah kita melihat dari segi status penerbangan itu sendiri. Hari ini kalau orang naik kapal terbang terlalu bebas. Ada orang yang pakai T-shirt, ada pakai seluar pendek pun ada, ada yang pakai selipar pun ada dalam kapal terbang dan perkara ini agak contrast, dengan izin, agak berbeza dengan Menteri yang penuh bergaya, dengan Ahli Parlimen yang penuh bergaya, katakan, iaitu di mana pakaian mereka itu lebih ekslusif. lebih baik. Jadi kalau kapal terbang itu dibiarkan sebagai tempat semua orang boleh hidup. semua orang boleh bergerak. memang quality kapal terbang itu tidak ada. Walaupun ini bukanlah merupakan satu perkara yang penting tetapi dengan pakai capal, dengan pakai selipar bukan sahaja mengotorkan kapal terbang itu sendiri tetapi juga menyebabkan suasana ataupun rasa ekslusif di dalam kapal terbang itu akan berkurangan. Biarlah perkara ini diambil kira dan supaya di pandang sebagai satu perkara yang penting.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua. kita lihat juga sikap beberapa orang pegawai-pegawai MAS kita terutama yang berada di luar negeri. Contohnya pegawai-pegawai MAS yang berada di Singapura. Saya difahamkan ramai di antara pegawai-pegawai kita ini bersikap kasar ataupun kurang "civic minded", dengan izin, mereka kurang tertib ataupun kurang sopan sedangkan apabila para penumpang terutama dari Malaysia bila berada di tuar negeri sudah barang tentulah dia merasakan

kehilangan sesuatu, sudah barang tentulah dia merasakan dia perlukan sesuatu untuk bergantung seperti pegawai-pegawai di penerbangan MAS itu sendiri. Tetapi kalau sikap pegawai-pegawai MAS yang dihantar oleh Kerajaan Malaysia bertapak di luar negeri bagi mengendalikan urusan-urusan penerbangan MAS maka kalau diwujudkan sikap sompong, sikap kurang perhatian kepada sesama kita maka akan wujudlah rasa renggang ataupun rasa kecewa di kalangan rakyat Malaysia itu sendiri. Sikap ini perlulah ada bagi mencerminkan watak sebenarnya orang-orang kita Malaysia itu sendiri.

Selain daripada itu juga perlulah saya menarik perhatian iaitu mengenai dengan sewa ruang kedai di Terminal Subang. Kita dapat harga sewa di Terminal Subang iaitu mengenai dengan kedai-kedai perniagaan adalah terlalu mahal. Bila sudah terlalu mahal, untuk mendapatkan wang yang iebih bagi bayar sewa kedai ini terpaksa lah harga-harga itu dinaikkan. Kadang-kadang tidak munasabah terutama barang-barang cenderamata terlalu mahal dan ini sudah barang tentulah bukan sahaja tidak menarik minat kita orang tempatan tetapi juga minat para pelancong. Maka perlulah kita bukan sahaja memikirkan soal-soal penerbangan di awam tetapi juga perlulah memikirkan soal-soal di darat, di Terminal bagaimana perlu kita menarik ramai para pelancong supaya membeli barang-barang dagangan Malaysia. Dengan ini juga dia dapat mengenalkan barang-barang Malaysia itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai dengan Akta pindaan ini, saya kira kita tidak perlulah merasa bimbang kerana mungkin kita merasa bimbang disebabkan mungkin bila diswastakan seluruh milik penerbangan ini seperti MAS akan menjadi milik firma ataupun orang

perseorangan. Sebenarnya di dalam peraturan Akta ini ada diceritakan tentang kuasa-kuasa darurat iaitu antara lainnya pada halaman 3 kertas biru ini, iaitu seksyen 27A (1)—

"27A. (1) Apabila berlaku apa-apa darurat awam atau bagi kepentingan keselamatan awam, Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara khusus olehnya boleh—

- (a) mengambil milikan sementara mana-mana perkhidmatan penerbangan awam yang ditubuh, di senggara atau dikerjakan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa atau diberi lesen di bawah Akta ini; atau
- (b) menarik balik sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya penggunaan mana-mana perkhidmatan penerbangan awam dari mana-mana orang atau kelas orang-orang atau dari orang awam."

Ertinya mungkin ada suara-suara hati yang menyatakan tentang rasa bimbang bagi menswastakan penerbangan ini. Tetapi saya kira dengan adanya kuasa yang diberikan iaitu kuasa keselamatan awam yang menyentuh tentang kuasa-kuasa khusus dalam masa darurat, saya kira Akta ini adalah merupakan satu Akta yang kokoh dan boleh kita terima tanpa ragu-ragu. Begitu juga di dalam soal menswastakan ini, Akta ini diperkokohkan lagi dengan kuasa campur tangan iaitu pada 24 (B) di mana dinyatakan:

"Kerajaan boleh—

- (a) membuat apa-apa perkiraan mengenai hal berkongsi untung, penyatuan kepentingan, bekerjasama atau usahasama dengan mana-mana orang atau kumpulan orang; atau

(b) menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan perkembangan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965."

Ini bermakna memberi kuasa untuk membuat apa-apa perkiraan mengenai hal berkongsi untung dan lain-lain. Ertinya swasta ini bukanlah merupakan suatu yang mutlak tetapi yang dikongsi bagi mempastikan bahawa gabungan kita adalah gabungan yang tidak ditentukan pada satu pihak tetapi gabungan yang ditentukan antara dua pihak iaitu Kerajaan sendiri dan orang itu sendiri, maka saya kira Akta ini adalah merupakan satu Akta yang kokoh dan kita tidak menyerah secara bulat-bulat kepada orang perseorangan.

Jadi, dengan itu kita rasa timbulah satu rasa kesedaran pada kita bahawa sebelum kita swasta perlu jugalah seperti kata Ahli Parlimen dari Pasir Mas tadi, kemudahan-kemudahan disediakan, kemudahan-kemudahan dari segi tempat, kemudahan-kemudahan dari segi perundingan, kemudahan-kemudahan dari segi khidmat, kemudahan-kemudahan dari segi nasihat, kemudahan-kemudahan dari segi perhubungan dan sebagainya perlulah disediakan oleh Kerajaan. Ertinya tidaklah boleh kita menswastakan berdasarkan apa yang saya bincangkan tadi iaitu kuasa-kuasa Perdana Menteri ataupun kuasa-kuasa Menteri untuk campur tangan sahaja tetapi perlulah juga kita perlihat dan pertingkatkan apakah perkara-perkara yang dapat kita kongsikan, kita dapat bahagikan antara pihak kita, pemerintah Kerajaan dengan pihak orang yang hendak kita berikan kuasa itu sendiri.

Jadi, saya kira kalaualah Akta ini telah saya bentangkan tadi menyentuh tentang kelemahan-kelemahan itu sendiri maka kelemahan-kelemahan yang saya bentangkan itu tadi campur dengan kelemahan-kelemahan yang

telah dibentangkan oleh rakan-rakan yang telah ataupun mungkin akan dibentangkan, maka saya kira kelemahan-kelemahan ini akan diambil kira ataupun akan dijadikan faktor dalam usaha kita bagi menswastakan. Kalau sudah kita lihat ada kelemahan dan kelemahan itu kita bentang maka saya kira pihak firma ataupun swasta akan mempunyai tekat, akan mempunyai azam untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dinyatakan itu sendin.

Lagi pun, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kelemahan-kelemahan yang saya nyatakan itu tadi kita percaya bahawa Jabatan Penerbangan Awam pada hari ini lebih memokaskan (focas) kepada MAS dan MAS hari ini saya tidak berapa pasti sudah berapa tahun ditubuhkan tetapi saya kira sudah lama. Bila sudah lama, ianya sudah mantap dan boleh dikatakan setiap tahun ia telah mendapat keuntungan yang agak lumayan dan memeransangkan. Maka sudah sampailah pada masa dan ketikanya kita menswastakan ini bagi mempastikan rakyat kita boleh juga menjalankan kerja-kerja yang besar ini, kerja-kerja yang menyentuh tentang satu bidang baru selain daripada kita mengharapkan kepada Kerajaan sahaja. Kalaulah kita sudah berikan usaha-usaha penerbangan ini kepada rakyat maka saya kira Kerajaan juga boleh mencari satu tempat lain ataupun bidang lain yang boleh diterokainya pula.

Jadi, dengan ini, saya dengan penuh minat dan perhatian menyokong agar Akta Penerbangan Awam 1969 yang merupakan Akta ibu ini dipinda kepada Akta Penerbangan Awam 1987. Sekian, terima kasih.

6.15 ptg.

Tuan Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk bersama-sama

membahaskan suatu Akta yang berbunyi iaitu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969.

Saya memang menyokong penuh di atas pindaan Akta ini tetapi dalam hati ini beberapa perkara dan cadangan-cadangan telah dikemukakan oleh beberapa orang Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lepas. Saya juga mengambil kesempatan untuk membayangkan beberapa cadangan dalam usaha kita dalam usaha Kerajaan untuk melaksanakan Akta ini. Perkara-perkara yang saya hendak sentuh pertama sekali ialah berhubung dengan masalah keselamatan. Walaupun di dalam Akta pindaan ini diperuntukkan satu peruntukan iaitu kuasa khas khusus dalam masa darurat tetapi pada pandangan saya kuasa ini hanya boleh digunakan ialah apabila satu-satu perkara telah berlaku ataupun satu-satu malapetaka telah berlaku ataupun satu-satu kesusahan telah berlaku barulah kuasa ini boleh digunakan. Tetapi sebenarnya, sepatutnya apabila kita menswastakan mana-mana aktiviti di bawuh jabatan ini maka masalah yang ~~pulan~~ kita ambil berat ialah supaya kesusahan itu tidak berlaku. Ini yang penting. Apa gunanya kita menggunakan kuasa ini sekiranya kesusahan telah berlaku.

Jadi, yang penting ialah kita mesti berwaspada dan mengenakan syarat-syarat tertentu kepada mana-mana syarikat apabila menjalankan aktiviti supaya masalah kesudahan tidak berlaku. Kerana sebagaimana kita ketahui lapanganterbang ialah salah satu tempat yang amat suka dan selalu digunakan oleh pihak-pihak tertentu terutama sekali pihak-pihak yang hendak merampas kuasa. Begitu juga pihak-pihak yang hendak merampas kapal terbang, ada perampasan kapal terbang. Inilah perkara-perkara yang selalu berlaku di lapangan terbang di mana-mana negara sahaja. Oleh itu, Kerajaan mestilah mengambil berat

apabila kita menswastakan lapangan terbang kita, terutama sekali Lapanganterbang Subang dan lain-lain lapanganterbang di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak menyentuh ialah mengenai syarikat ataupun firma yang kita hendak tawarkan bagi menjalankan swasta mana-mana aktiviti yang kita akan berikan. Oleh kerana lapangan terbang kita banyak di seluruh Malaysia ini maka semasa kita membuat tawaran kepada swasta ataupun mana-mana syarikat janganlah kita berikan sebuah syarikat sahaja ataupun dimonopoli oleh syarikat-syarikat tertentu sahaja kerana ini akan menyeleweng daripada dasar kita hendak memberikan kedudukan, pendapatan kepada ramai orang ataupun syarikat. Kalau sekiranya dikuasai oleh sebuah syarikat sahaja maka sudah barang tentu maksud kita dalam Dasar Ekonomi Baru tidak tercapai.

Dalam hal ini, oleh kerana lapangan terbang banyak maka semasa kita menjalankan penswastaan eloklah kita jalankan secara berperingkat-peringkat, kerana kalau kita jalankan dengan secara berperingkat-peringkat, kita boleh mengatasi masalah-masalah yang telah dihadapi oleh peringkat pertama . Kerana dengan adanya ini kita boleh menentukan lagi syarat-syarat tertentu kepada swasta yang lain apabila mereka hendak menjalankan swasta di peringkat yang kedua dan seterusnya. Dan juga apabila kita menjalankan secara peringkat-peringkat ini dan syarikat-syarikatnya yang banyak maka sudah tentu ada pertandingan di antara satu syarikat dengan syarikat yang lain. Apabila ada pertandingan ini membolehkan lapanganterbang ataupun lain-lain ini berjalan dengan lebih baik kerana masing-masing akan menunjukkan kebolehan mereka

dalam menjalankan swasta ini. Kalau sekiranya dimonopoli oleh satu syarikat sahaja tentulah mereka akan menjalankan dengan secara sesuka hati mereka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lain yang selalu kita hadapi dalam masalah penswastaan ini ialah masalah tenaga kerja. Memang kedapatan di antara swasta ini untuk menjalankan perniagaan mereka ialah mereka mahukan keuntungan yang banyak dengan tenaga kerja yang sedikit. Inilah hasrat swasta yang sebenarnya. Berlainan dengan Kerajaan di samping mencari hasil juga mencari masalah kebaikan sosial, tidaklah semata-mata untuk mencari keuntungan tetapi untuk memberi pekerjaan kepada rakyat kita.

Jadi, dalam masalah ini kita sekarang sudah ramai pekerja-pekerja di Jabatan ini, bukan sahaja di lapangan terbang dan juga di lain-lain sektor. Jadi, dalam masalah kita menswastakan hal ini masalah pekerja mestilah diambil perhatian berat kerana di antara masalah yang kita telah lakukan mengenai swasta ini ialah masalah menyerapkan pekerja-pekerja yang ada di bawah syarikat yang menjalankan penswastaan kerana dalam usaha ini kadangkala syarikat sendiri memang hendak mengurangkan kakitangan. Mereka akan mengemukakan beberapa masalah mengatakan tak cukup kelayakan dan sebagainya supaya kakitangan yang ada dikurangkan dan mereka tentulah berhajat sendiri, hendak mengambil kakitangan mereka yang mereka fikirkan lebih sesuai dan lebih cekap. Sekiranya perkara ini tidak diambil perhatian berat oleh pihak Kerajaan maka akan berlakulah masalah pengangguran daripada orang yang sudah bekerja bukan sahaja pengangguran orang yang belum mendapat kerja, tetapi

pengangguran orang yang bekerja juga akan berlaku dan ini akan menimbulkan masalah lagi kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua. sehubungan dengan ini saya suka juga menyentuh masalah penerbangan kita. Di Kuantan misalnya, kalau kita hendak pergi ke Kota Bharu kita tidak ada penerbangan terus dari Kuantan ke Kota Bharu, terpaksa orang dari Kuantan pergi terbang ke Kuala Lumpur, Alor Star barulah boleh sampai ke Kota Bharu. Jadi, berapa buah negeri mesti dilalui hendak pergi ke Kota Bharu. Saya tidak faham mengapa perkara ini berlaku. Adakah Gunung Tahan tidak boleh dilintasi oleh kapal terbang ataupun taufan, ataupun angin terlalu kuat di sebelah Timur. Kalau kita fikir secara budak-budak memanglah tidak munasabah tidak ada penerbangan di antara Kuantan ke Kota Bharu. Saya memang sepandapat banyak dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa masalah tadi tetapi yang jelas ialah di antara penerbangan dari Kuantan ke Kota Bharu.

Seperkara lagi juga saya ingin menyentuh tentang lapanganterbang di Kuantan, serupalah dengan di Pengkalan Chepa, kalau saya tak silap tadi. Semasa kita hendak membesarkan lapanganterbang di Kuantan dahulu memang Kerajaan telah mengambil tindakan, telah memindahkan penduduk-penduduk persekitaran dengan lapanganterbang tersebut. Semasa pemindahan hendak dibuat bukan sahaja Kerajaan mengarahkan pihak yang berkenaan supaya menentukan kawasan-kawasan yang di tepi tersebut diambil balik oleh Kerajaan, bahkan orang-orang yang tinggal di sekeliling itu terpaksa dipindah dengan cara memberi amaran dan sebagainya. Bukan sahaja dipindahkan sedemikian rupa, pagar di sekeliling kawasan lapangan terbang itu telah dibina dan juga pihak

Tentera Udara telah membuat kawalan supaya tidak ada orang menceroboh lagi kawasan di sekeliling itu. Jadi apabila keadaan ini telah dilakukan tetapi sehingga sekarang pihak Kerajaan tidak membesarakan kawasan ataupun Lapanganterbang Kuantan yang telah dijanjikan beberapa lama, tetapi sehingga sekarang masih tinggal dengan keadaan yang lama juga. Ini amatlah mendukacitakan kepada penduduk-penduduk negeri Pahang, serupalah penduduk-penduduk di negeri Kelantan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas sebentar tadi.

Jadi, memang sepatutnya adalah Kerajaan menunaikan janji-janji yang telah dibuat ini secepat mungkin yang boleh kerana kalau kita tidak menunaikan bukan sahaja merunsingkan hati kepada orang-orang yang telah diberi janji tetapi kita akan mengelaskan peluang pelancong untuk datang melancong ke sebelah sana dan juga mengelaskan peluang-peluang bagi pelabur-pelabur untuk membuat pelaburan di tempat-tempat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak sentuh ialah masalah kebersihan. Memanglah kedapatan di mana-mana lapangan terbang sekalipun di Malaysia ini masalah kebersihan memanglah agak mengeciwakan. Sepatutnya dalam usaha kita hendak meramaikan pelancong-pelancong datang ke negara kita, kebersihanlah yang perlu dijadikan keutamaan. Oleh itu, inginlah saya menyarankan di sini supaya apabila lapanganterbang kita ini hendak diswastakan, syarat kebersihan ini mestilah menjadi keutamaan kerana tidak bermakna kita swastakan lapanganterbang ini kalau sekiranya pihak syarikat juga tidak boleh membersihkan ataupun mencantikkan kawasan lapangan terbang yang mereka usahakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya sentuh ialah masalah perkhidmatan keseluruhan kerana mana-mana syarikat sekalipun, mana-mana firma sekalipun, perkhidmatan yang cekap adalah menjadi perkara menarik kepada pelanggan. Dengan sebab itulah semua aktiviti dalam usaha kita menswastakan perkara ini, perkara kecekapan pekerja-pekerja mestilah dijadikan keutamaan. Dengan sebab itu, kita mengharapkan supaya mana-mana swasta yang menjalankan aktiviti Jabatan Penerbangan maka masalah kecekapan mestilah dijadikan keutamaan demi untuk menaikkan lagi taraf keadaan Jabatan yang berkenaan. Kalau kita mengabaikan perkara ini memanglah hajat kita untuk menaikkan lagi imej negara kita, tujuan kita menswastakan ini akan menjadi kurang mendatangkan hasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu yang ingin saya sentuh ialah mengenai masalah kerja-kerja yang berkaitan dengan masalah aktiviti di bawah Jabatan ini kerana bukan sahaja Jabatan Penerbangan Awam apabila diswastakan mereka hanya menjalankan Jabatan Awam sahaja. Saya bersetuju dengan salah seorang daripada Yang Berhormat tadi yang mengatakan perlulah kita mengadakan kerjasama dengan Kementerian-kementerian yang lain supaya perjalanan Jabatan ini boleh berjalan dengan baik dan licin.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Haji Mohamed bin Abdullah:
Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila kemukakan usul.

USUL

Penangguhan Mesyuarat

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed); Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), saya mencadangkan iaitu majlis mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Syarikat Telekom Malaysia

6.30 ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Speaker. saya bangun untuk membangkitkan satu perkara mengenai Syarikat Telekom Malaysia.

Apabila Kerajaan menswastakan Jabatan Telekom pada awal tahun ini ia menjanjikan pelanggan-pelanggan telefon akan mendapat perkhidmatan yang lebih baik dan juga pelanggan-pelanggan juga mengharapkan satu perkhidmatan yang tidak akan membebankan mereka dari segi perbelanjaan dan juga perkhidmatan itu boleh lebih cekap berbanding dengan apa yang diberi oleh Jabatan Telekom. Tetapi selepas lebih kurang 6 bulan terdapat tidak ada satu peningkatan perkhidmatan yang boleh dikatakan significant berbanding dengan apa yang diberi oleh Jabatan Telekom.

Dalam menswastakan Jabatan Telekom, Kerajaan tidak memberi dengan sejelas-jelasnya apakah aset-aset yang telah diterima oleh Syarikat Telekom Malaysia daripada Jabatan Telekom.

Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa STM tentulah ada mendapat faedah dari segi menerima atau "inherit" berjuta-juta ringgit, kalaupun bukan billion daripada Jabatan Telekom yang telah dipegang oleh jabatan itu sebagai deposit pelanggan-pelanggan. Namun demikian, STM sudah menjadi begitu tamak sehingga baru-baru ini, ramai daripada pelanggan telah diberi notis dan meminta mereka membayar deposit tambahan yang berjumlah beratus-ratus ringgit bagi setiap pelanggan.

Mengapakah STM berbuat demikian, padahal STM sendiri sudah pun menerima deposit-deposit daripada Jabatan Telekom, pada pendapat saya, dan STM juga tidak memberikan keterangan yang jelas mengapakah ia mahu deposit-deposit tambahan ini. melainkan dengan apa yang dituntut melalui bil-bil?

Saya dapat bahawa dalam hal ini STM telah dengan sengaja menambahkan bayaran untuk panggilan bagi satu bulan dalam tempoh 6 bulan dan menggunakan bil 6 bulan itu termasuklah bayaran untuk panggilan bagi bulan tertentu yang ditingkatkan dengan sewenang-wenangnya untuk dihitung dan dibahagikan supaya amaun purata bagi sebulan didapati dan kemudiannya amaun purata ini digandakan. Selepas digandakan, angka yang digandakan itu digunakan untuk menentukan sama ada pelanggan itu perlu membayar deposit tambahan atau tidak dan ini dibuat dengan menolak deposit-deposit yang sedia ada dalam tangan STM daripada pelanggan berkenaan.

Pelanggan tidaklah bersungut sekiranya angka itu ditentukan secara betul dan benar. Dan apa yang berlaku adalah STM dengan sewenang-wenangnya meningkatkan

bayaran untuk panggilan bagi satu-satu bulan dalam tempoh 6 bulan kebelakangan atau "preceeding" 6 bulan dengan peratusan dalam ratusan ataupun beribu ringgit.

Saya bagi satu contoh, Tuan Speaker. Dalam kes seorang pelanggan bernama Thiam Foh Yau, R-20 Waller Court, Ipoh, No. telefon 532198, bil bagi Julai 1986 (bil bagi panggilan sahaja) \$20, bagi bulan Ogos, \$854.73, September \$79.67, Oktober \$28.45, November \$20 dan Disember \$20

Ini sudah jelas menunjukkan bagaimana STM menggunakan kuasa yang ada padanya menurut undang-undang untuk menaikkan bil panggilan, khususnya panggilan berlipatganda dalam berkali-kali supaya ia boleh mendapat duit deposit daripada pelanggan-pelanggannya. Saya memintalah pengawasan yang lebih ketat oleh Kementerian ke atas STM kerana Kementerian, khususnya Kerajaan mempunyai satu tanggungjawab dan tugas moral untuk melindungi semua pelanggan-pelanggan dan bukan membiarkan STM dengan izin, unscrupulously swindle pelanggan-pelanggan telefon. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri. sila jawab.

6.34ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih di atas perhatian yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat dari Ipoh terhadap STM.

Seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa STM dibentuk pada tarikh 1hb Januari. 1987 dan pada hari ini sekadar 6 bulan umurnya. Walaupun begitu pihak

Kerajaan dan Kementerian hendak mempastikan bahawa STM adalah satu perbadanan yang bertanggungjawab kepada masyarakat atau dengan izin, satu corporate citizen yang bertanggungjawab kepada masyarakat untuk mempastikan bahawa keperluan masyarakat dipenuhi dengan sebaik-baiknya dan paling sempurna yang boleh dan sambil itu pula untuk mempastikan bahawa adanya dayamaju supaya STM dapat hidup di atas kakinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada apa yang disebutkan mengenai soal cagaran. Perkara yang dibangkitkan adalah satu contoh dan saya berterima kasih jikalau sekiranya pihak Ahli Yang Berhormat dari Ipoh sudi merujukkan kes itu untuk kami siasat secara terperinci.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. apabila saya katakan bahawa STM adalah satu corporate yang bertanggungjawab, satu perbadanan yang bertanggungjawab. maka tidak sewajarnyalah ianya ditunjuk sebagai satu perbadanan yang sewenang-wenangnya menggunakan kuasanya untuk menjelaskan kepentingan ahli masyarakat yang merupakan pengguna kepada perkhidmatan itu.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa deposit ataupun cagaran itu ditentukan berdasarkan kepada penggunaan sepanjang 6 bulan berturut-turut kemudian dipuratakan dan didarabkan dengan dua maka itulah nilai cagaran yang ditentukan dan perkara ini disemak setiap empat bulan setahun. Kita hendak pastikan bahawa ttdak ada bulan yang tertentu yang akan dipilih semata-mata untuk menentukan bahawa purata yang akan ditentukan itu merupakan purata yang paling tinggi dalam sesuatu semakan vane dibuat.

Jadi saya ingin memberikan jaminan di sini bahawa dalam soal menentukan cagaran itu kita hendak pastikan bahawa tidak ada ruang langsung di dalam exercise semakan ini supaya apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi wujud. Saya ingin sebutkan di sini bahawa serba-sedikit kita menerima hakikat bahawa STM adalah satu perbadanan yang diletakkan di bawah Akta Syarikat. Oleh yang demikian, ia terpaksa mem-pastikan bahawa adanya dayamaju dari segi perniagaannya dan kita hendak seimbangkan antara nilai cagaran dengan penggunaan kos ataupun nilai kegunaan dan ada ketika di mana pihak pengguna mungkin terlewat untuk membayar bil telefon dan jika sekiranya itu berlaku, maka pihak STM terpaksa memotong perkhidmatannya. Jadi kalau sekiranya itu berlaku, maka cagaran itu biasanya menepati dengan nilai bil yang tertangguh yang belum dibayar. Ini adaiyah merupakan satu cara untuk mempastikan bahawa kalau sekiranya ia merupakan satu perbadanan yang sewajarnya hidup atas perniagaannya sendiri, maka ia terpaksalah mempastikan risiko yang ditanggung itu adalah pada kadar dan pada jumlah yang paling minima yang boleh.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua. itu adalah merupakan penjelasan dan jawapan kepada perkara yang dibangkitkan.

KEBEBASAN BADAN KEHAKIMAN

6.38 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):
Terima kasih. Tuan Speaker. Tuan Speaker. tajuk Ucapan Penangguhan saya pada hari ini menjadi satu tajuk yang penting dalam konteks apa yang ada berlaku dalam negara ini sekarang.

Tuan Speaker, tajuk yang dimaksudkan itu ialah "Kebebasan Badan Kehakiman". Baru-baru ini, Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam penubuhan Kabinet barunya melantik dirinya sebagai Menteri Kehakiman. Bukan itu sahaja, Tuan Speaker. Selain dari menjadi Menteri Kehakiman, beliau menjadi Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan juga, walaupun tidak ada lagi Kementerian Wilayah Persekutuan, Menteri Wilayah Persekutuan oleh kerana Kementerian itu adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri sekarang.

Tuan Speaker, baru-baru ini juga satu kes yang diambil oleh rakan saya dari Tanjung, ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oleh kerana beliau ada mengatakan dalam magazine "Time" dengan izin. kalau saya tidak silap, bertarikh 24hb November, 1986, dan jikaiau saya boleh baca apa yang terkandung dalam majalah itu dalam bahasa Inggeris;

(Dengan izin) On the courts. the judiciary says to us. "although you passed a law with certain things in mind, we think that your mind is wrong and we want to give our interpretation". If it is agreed, the court will say, "We will interpret your disagreement". If we go along. we are going to lose our power of legislation. We know exactly what we want to do but once we do it, it is interpreted in a different way and we have no means to re-interpret it our own. If we find that the court always throws us out on its own interpretation, if it interprets contrary to why we made the law, then we will have to find a way of producing a law that will be interpreted according to our wish",

Tuan Speaker. pada fikiran saya apa yang ada dalam *Time* magazine menjadi satu tanda yang baik oleh

kerana dalam keputusan Mahkamah Agong, walaupun kes itu tidak berjaya, tetapi Mahkamah Agong dan juga dahulu daripada itu Yang Ariff Hakim Harun ada mengatakan dalam alasan-alasan hukuman. iaitu:

(Dengan izin) "In my view, the statement read as a whole is merely an expression of the respondent's dilemma and reflects some elements of confusion on the subject of the doctrine of Separation of Powers".

Dan juga Mahkamah Agong, Tuan Speaker, dalam keputusannya ada mengatakan bercakap jikalau saya boleh baca dalam bahasa Inggeris:

"Viewed objectively and dispassionately and in the proper perspective, the except of complaint appears to be an articulation of the Executive's frustration is not being able to achieve its objective in matters where the interventions of the courts have been sought to some avail and the way the opposition is expressed—ini mustahak. Tuan Speaker—perhaps somewhat injudicially, in that it may not inconceivably well be open to misconstruction. does not amount to an attack on the courts as to constitute a contempt".

Tetapi, apa yang tidak boleh dinafikan ialah bahawa Perdana Menteri-dalam perkara ini adalah, dalam pandangan Yang Ariff Hakim Harun, "confused". Jikalau seorang Perdana Menteri boleh "confusekan" dengan izin, dalam satu doctrine "Separation of Powers" di mana pentadbiran negara ini ada difounded. itu menjadi satu tanda yang tidak baik pada masa depan negara ini. Dan apa yang saya terkejut ialah mengenai perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kehakiman.

Baru-baru ini minggu lepas dalam Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, dua orang ahli UMNO ada failkan satu kes atas satu perkara yang penting. Jikalau setelah keputusan orang yang mengambil kes itu berjaya—boleh jadi apa yang saya mahu bercakap itu sekarang *subjudice*, tetapi jikalau boleh, dalam keadaan sekarang di mana Menteri Kehakiman jadi Perdana Menteri, adakah Menteri Kehakiman bebas dalam kes itu untuk memberi satu keputusan yang bermakna Perdana Menteri apabila dipitih jadi Presiden UMNO baru-baru ini tidak sah, bolehkah Hakim-hakim kita dalam keadaan begini memberi keputusan dengan izin, without fear or favour.

Dalam pandangan dan fikiran saya, Tuan Speaker saya tahu Hakim-hakim kita adalah hakim-hakim yang berani dan Hakim-hakim dalam sejarah ada membuat satu keputusan yang tidak memberi faedah kepada Kerajaan. Tetapi oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik dirinya sendiri sebagai Menteri Kehakiman sekarang, tidak adakah orang lain dalam Kabinet yang boleh memegang kuasa itu? Ada banyak lawyer-lawyer seperti seorang lawyer yang ada duduk di sana sekarang. Dalam Kabinet tidakkah ada orang-orang seperti itu tidak layak untuk ditantik menjadi Menteri Kehakiman? Tetapi dalam fikiran saya, saya tahu apa sebab atau apa tujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik yang melantik dirinya sebagai Menteri Kehakiman. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu intimidate, mahu intimidate kehakiman.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih.

6.47 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan di bawah Perkara 121 bahawa kuasa kehakiman di dalam Malaysia adalah terletak di dalam bidangkuasa Mahkamah Agong, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Perlembagaan juga telah membuat peruntukan bahawa seseorang Hakim Mahkamah Agong atau Mahkamah Tinggi hanya boleh dipecat mengikut peruntukan Perkara 125. Ini pun di atas sebab-sebab yang tertentu seperti kelakuan yang tidak baik atau tidak berupaya, oleh sebab.....

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan O. P. Vijandran): Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

Dato' Oo Gin Sun: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau tidak beri, Tuan Speaker, on a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa point of order dalam Peraturan Mesyuarat?

Tuan R. Karpal Singh: Itu ada dalam mana-mana Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh, Yang Berhormat..... (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Boleh. Tuan Speaker pun tahu juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sebutkan Peraturan Mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah satu.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sebutkan Peraturan Mesyuarat, baca.....

Tuan R. Karpal Singh: Itu sekejap boleh, bolehkah satu Menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tuan R. Karpal Singh:
Menteri baca.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sila duduk!

Dato' Oo Gin Sun: atau disebabkan kelemahan tubuh atau otak atau di atas lain-lain sebab yang mana menyebabkan Hakim tersebut tidak dapat menyempurnakan tugas-tugasnya dengan sepatutnya.

Di bawah Perkara 127 pula Majlis Parlimen dilarang untuk memecatkan atau mengeluarkan seseorang Hakim Mahkamah Agong atau Mahkamah Tinggi kecuali satu Usul substantive dan notis berkenaan dengannya telah diberi oleh tidak kurang daripada 1/4 daripada jumlah bilangan Ahli Majlis Parlimen. Dari itu adalah jelas bahawa kebebasan kehakiman telah dimaktubkan di dalam Perlembagaan.

Semenjak Malaysia merdeka tidak ada Hakim Mahkamah Agong ataupun Hakim Mahkamah Tinggi yang telah dipecat. Pihak Kerajaan sentiasa menghormati kebebasan Badan Kehakiman ini dan dengan itu Kerajaan belum ada memecat mananya Hakim di atas sebab yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan, ataupun oleh kerana sebab-sebab yang lain seperti politik.

Sayugia diingat bahawa mahkamah-mahkamah ini ada kelayakan memberi keputusan berlawanan dengan kehendak dan dasar Kerajaan, tetapi pihak Kerajaan tidak pernah mengambil tindakan untuk memecat

Hakim yang membuat keputusan seperti itu. Sebaliknya pihak Kerajaan telah menerima keputusan mahkamah itu dengan baik dan telah mengamalkannya dengan sempurna.

Dari segi ini Kerajaan telah berjaya untuk memberi maksud dan kesan yang sepenuhnya kepada kebebasan Badan Kehakiman. Kerajaan tidak pernah campurtangan di dalam urusan Hakim-hakim dan Mahkamah-mahkamah di dalam urusan kehakiman mereka. Kerajaan tidak pernah memberi arahan kepada mananya Hakim ataupun Mahkamah untuk membuat keputusan. Mahkamah adalah bebas untuk membuat keputusannya sendiri.

Satu perkara lagi iaitu berkenaan apa Yang Berhormat dari Jelutong kata tadi Perdana Menteri melantik beliau sendiri sebagai Menteri Kehakiman, saya ingat di dalam Constitution tiada peruntukan yang dia tidak boleh lantik sendiri sebagai Menteri Kehakiman.

Sekian, terima kasih.

Tuan Lau Dak Kee: Apa Constitution?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, itu jawapan dia.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) MajHs Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.52 petang.